



# **Pencapaian 2008**





# **Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri**







## UNIT UNDANG-UNDANG

### 1. Pengenalan

Unit Undang-Undang bertanggungjawab untuk memantau aktiviti Bahagian dan Jabatan di bawahnya dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang dengan memberi nasihat perundangan dan garis panduan yang terbaik dan tepat, sentiasa menyokong prinsip kedaulatan undang-undang dan hak sama rata serta melindungi kepentingan Kerajaan.

### 2. Maklumat Perjawatan

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Unit ini pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                                          | Bilangan | Pengisian | Kekosongan |
|---------------------------------------------------------------|----------|-----------|------------|
| Penasihat Undang-Undang,<br>Pegawai Undang-Undang<br>Gred L52 | 1        | 1         | 0          |
| Pegawai Undang-Undang<br>Gred L44                             | 3        | 0         | 3          |
| Pembantu Tadbir<br>(Perkeranian/Operasi)<br>Gred N17          | 2        | 1         | 1          |
| <b>JUMLAH</b>                                                 | <b>6</b> | <b>2</b>  | <b>4</b>   |

### 3. Aktiviti dan Pencapaian 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Unit ini adalah seperti berikut:

#### 3.1 Pewartaan Pemberitahuan Pelantikan/ Perisytiharan Bagi Pegawai Amanah Raya Berhad (ARB) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995

Sebanyak sembilan (9) permohonan bagi pewartaan pelantikan pegawai ARB untuk menjalankan prosiding undang-undang di mahkamah di bawah seksyen 30 telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mengikut tarikh yang dipersetujui oleh Y.B. Menteri dalam Pemberitahuan.

#### 3.2 Pewartaan Pelantikan Pemeriksa Dokumen Di Jabatan Kimia Malaysia Oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia Di Bawah Subseksyen 399(2) Kanun Tatacara Jenayah

Sebanyak dua (2) permohonan bagi pewartaan pelantikan pegawai sains di Jabatan Kimia Malaysia sebagai pemeriksa dokumen untuk membolehkan apa-apa laporan pemeriksaan atau analisis yang disediakan oleh mana-mana kelas orang yang diwartakan di bawah sub seksyen 399 (2) diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan di mahkamah tanpa memerlukan orang tersebut hadir di mahkamah telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mengikut tarikh yang dipersetujui oleh Y.B. Menteri dalam Pemberitahuan.

#### 3.3 Permohonan Pendaftaran Perintah Nafkah Di Mahkamah Menurut Seksyen 3 Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Penguatkuasaan) 1949 [Akta 34]

Menurut seksyen 3 Akta 34, sebarang permohonan pendaftaran perintah nafkah yang dikemukakan hendaklah mendapat persetujuan Y.B. Menteri agar proses mendaftarkan perintah nafkah dari negara luar di mahkamah tempatan boleh dilaksanakan. Sepanjang tahun 2008, Unit ini telah menerima dan mengkaji sebanyak satu (1) permohonan yang berkaitan iaitu *Recognition Of Australian Support Administrative Assesments*.

#### 3.4 Permohonan Permintaan Dari Luar Negara/ Dari Dalam Negara Untuk Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah Bagi Prosiding Mahkamah Luar Negara/Dalam Negara Di Bawah Aturan 39 Dan Aturan 66 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Unit ini terlibat dalam menyemak dan menguruskan bantuan perundangan dari Negara luar. Sepanjang tahun 2008, sebanyak empat (4) bantuan telah diuruskan oleh Unit ini bagi mendapatkan persetujuan daripada Y.B. Menteri dan seterusnya disampaikan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya mengikut Kaedah 65 atau mendapatkan keterangan saksi mengikut Kaedah 66 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Antara bantuan perundangan luar yang diterima ialah dari Negara Netherlands, Amerika Syarikat, German dan Sepanyol.



### 3.5 Penyediaan Pandangan Mengenai Memorandum Jemaah Menteri

Bagi mencapai matlamat untuk melindungi dan memelihara kepentingan Kerajaan, Unit ini telah mengkaji dan menyediakan ulasan atau pandangan untuk pertimbangan dan persetujuan Y.B. Menteri berkaitan dengan cadangan pelaksanaan, cadangan pindaan, pembangunan, penswastan, pengkorporatan, penguatkuasaan dan kajian semula isu-isu, perjanjian atau projek-projek utama Kerajaan. Sebanyak enam (6) Memorandum Jemaah Menteri telah diterima dan pandangan mengenainya telah dihantar kepada Kementerian berkenaan atau untuk dipertimbangkan oleh Y.B. Menteri. Pandangan kepada Memorandum Jemaah Menteri yang telah diberikan adalah seperti berikut:

- a) Memorandum Daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Mengenai Pindaan Kepada Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183];
- b) Memorandum Persefahaman Di Antara Malaysia Dan Bosnia Herzegovina Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Kehakiman Dan Perundangan – Kementerian Luar Negeri.
- c) Memorandum Daripada Menteri Dalam Negeri Mengenai Triti Ekstradisi Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Republik India.
- d) Memorandum Daripada Perdana Menteri Mengenai Mesyuarat Ke-7 Menteri-Menteri Undang-Undang ASEAN, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam Pada 19-21 Oktober 2008.
- e) Memorandum Jemaah Menteri Berkenaan Dengan Rang Undang-Undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008 – Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia.
- f) Memorandum Daripada Perdana Menteri Berkenaan Cadangan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. Untuk Meminda Beberapa Klausula Perjanjian Penswastan Dan Penetapan Kadar Sewa Pajakan Baru Pelabuhan Tanjung Pelepas.

### 3.6 Penyediaan Pandangan Undang-Undang

Sepanjang tahun 2008, pandangan undang-undang telah diberikan mengenai perkara yang berikut:

- a) Jumlah Kes-Kes Mahkamah Yang Melibatkan Penghakiman Dimasukkan Terhadap Kerajaan Negeri Dan Pelaksanaan Oleh Kerajaan Negeri Terhadap Penghakiman Tersebut.
- b) Penyediaan Kertas Kerja HINDRAF - Penyelarasan Tuntutan 18 Perkara HINDRAF Cadangan Mewujudkan Undang-Undang Menghalang Diskriminasi Terhadap Kaum India – Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- c) Cadangan Penubuhan Mahkamah Perdagangan Kuala Lumpur Oleh Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH).
- d) Permohonan Bayaran MyEg Services Bhd. Berhubung Isu Lebihan Bayaran Sebanyak RM33,430.00 Bagi Carian Atas Talian E-Insolvensi.
- e) Non-confirming Measures Bagi Rundingan Sektor Perkhidmatan Di Bawah Rundingan Perdagangan Bebas Malaysia-Afrika Syarikat.
- f) Cadangan Untuk Memperakukan Penamatan Kawalan Keselamatan Di Bangunan Lot 3G1, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang.
- g) Kes Kemalangan Kenderaan Kerajaan Motosikal No. Pendaftaran WPD 2771, JIM.
- h) Syor Untuk Menambaaik Peruntukan-Peruntukan Aturan 37 Dan Aturan 74 Yang Sedia Ada Terkandung Dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 Selaras Dengan Kehendak Seksyen 3(1) (F) Yang Sedia Ada Terkandung Dalam Akta Penghutang 1957 (Pindaan 1995) Berkaitan Kaedah Penahanan Gaji Seseorang Penghutang.
- i) Cadangan Penubuhan Kesatuan Pegawai-Pegawai Insolvensi Semenanjung Malaysia.

### 3.7 Penyediaan Perjanjian Muktamad Bagi Perjanjian Yang Dimasuki Oleh BHEUU

Sepanjang tahun 2008, sebanyak dua puluh tiga (23) Perjanjian telah disemak dan dimuktamadkan oleh Unit ini seperti berikut:

- a) Perjanjian Pajakan Kecil, JIM, Cawangan Sandakan, Sabah;



- b) Perjanjian Perkhidmatan Keselamatan, BHEUU;
- c) Perjanjian Penyelenggara Dan Mencuci BBG Cawangan Selangor;
- d) Perjanjian Untuk Membekal, Menghantar Dan Penyelenggara (Dalam Tempoh Jaminan) Kenderaan Pacuan 4 Roda Dan Kenderaan Pelbagai Guna Bagi BHEUU, JIM Dan BBG;
- e) Perjanjian Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Mengujilari Dan Mentaulliah Lesen Perisian Anti-Virus, Sistem Pengoperasian Dan Perkakasan Sistem Komputer Serta Penyelenggara Perisian Anti-Virus Untuk BHEUU;
- f) Perjanjian Perlanjutan Penyewaan Mesin Fotostat BBG Cawangan Kedah;
- g) Perjanjian Perlanjutan Penyewaan Mesin Fotostat BBG Cawangan Pahang;
- h) Perjanjian Penyewaan Mesin Fotostat BBG Cawangan Perak;
- i) Agreement Contract For The Supply, Installation, Configure, Testing, Commissioning And Maintenance (Within Warranty Period) Computer Peripherals And Software For Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia;
- j) Perjanjian Pencucian/Pembersihan JIM Cawangan Ipoh;
- k) Perjanjian Pembersihan JIM Cawangan Miri, Sarawak;
- l) Perjanjian Pembersihan BBG Cawangan Muar, Johor;
- m) Perjanjian Perlanjutan Penyewaan Mesin Fotostat BBG Cawangan Labuan, Sabah;
- n) Perjanjian Penyewaan Mesin Fotostat BBG Cawangan Pulau Pinang;
- o) Perjanjian Penyewaan Ruang Pejabat Baru JIM Cawangan Kelantan;
- p) Perjanjian Penyewaan Ruang Pejabat Baru JIM Cawangan Ipoh, Perak;
- q) Perjanjian Penyewaan Bangunan JIM Cawangan Sandakan, Sabah;
- r) Perjanjian Penyewaan BBG Cawangan Kota Baru, Kelantan;
- s) Perjanjian Perlanjutan Perkhidmatan Pencucian/Pembersihan JIM Cawangan Sandakan, Sabah;
- t) Perjanjian Perlanjutan Penyewaan Bangunan JIM Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- u) Perjanjian Kontrak Penyewaan Perkakasan Dan Perisian Komputer Oleh Mimos Smart Computing Sdn. Bhd;
- v) Perjanjian Perlanjutan Perkhidmatan Pembersihan Ruang Pejabat BBG Cawangan Gua Musang, Kelantan; dan
- w) Dokumen Kontrak Kerja Pembinaan Bangunan Tambahan Mahkamah Sesyen/ Harta Intelek Di Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang.

### 3.8 Permohonan Pendaftaran Pemerbadanan Pemegang Amanah Di Bawah Seksyen 2 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952

Sepanjang tahun 2008, sebanyak enam belas (16) permohonan pendaftaran pemegang amanah di bawah seksyen 2 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 telah disemak dan pandangan undang-undang telah diberikan mengenai permohonan yang berikut:

- a) Permohonan Penambahan/Pindaan Surat Ikatan Amanah Kedua Yayasan Felda;
- b) Permohonan Salinan Sijil Pendaftaran Yayasan Aminuddin Baki Yang Diakui Sah;
- c) Permohonan Pertukaran Ahli Lembaga Pemegang Amanah Bagi Yayasan Tuanku Nur Zahirah;
- d) Permohonan Pandangan Berkenaan Status Pendaftaran Lembaga Amanah Pasukan Tindakan Cemas Malaysia;
- e) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Gerbang Bandar Tun Razak;
- f) Permohonan Pendaftaran The Mahmood Ragayah Foundation Incorporated;
- g) Permohonan Cadangan Untuk Pembatalan Sijil Pendaftaran Yayasan Kesatuan Guru-Guru Melayu Kelantan;
- h) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Ta'lim;



- i) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Gerbang Tun Razak;
- j) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Ikhlas;
- k) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Kajian & Strategi Melayu;
- l) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Bagi Tamil Educational And Research Foundation Of Malaysia;
- m) Permohonan Memperbadankan Pemegang-Pemegang Amanah Bagi Kurnia For Hope;
- n) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Bagi Universal Peace Foundation;
- o) Permohonan Pendaftaran Yayasan Ehsan Sik; dan
- p) Permohonan Pendaftaran Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Nattukottai Chettiars Community.

### **3.9 Penyediaan Draf Pertama Pendapat Peguam Negara Bagi Jemaah Pengampunan Kes-Kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan Dan Putrajaya Dan Jemaah Pengampunan Kes-Kes Keselamatan Di Bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan Dan Peraturan 29 Peraturan-Peraturan Perlu (Kes-Kes Keselamatan) 1975**

Sepanjang tahun 2008, Unit ini telah menyemak dan telah menyediakan sebanyak sepuluh (10) Draf Pendapat Peguam Negara bagi maksud di atas. Draf Pendapat tersebut telah dikemukakan ke Peguam Negara untuk pertimbangan dan kelulusan.

### **3.10 Aduan Awam**

Sebanyak tujuh (7) aduan dari orang awam dan syarikat tertentu yang melibatkan aduan terhadap agensi Kerajaan dan isu-isu perundangan telah diterima sepanjang tahun 2008. Unit ini telah mengemukakan pandangan yang sewajarnya kepada pihak-pihak berkenaan.

### **3.11 Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi 2008**

Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi 2008 telah dibentangkan di Parlimen untuk Bacaan Kali Pertama pada 12 Disember 2008 dan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga ditangguhkan pada Sesi Mesyuarat Parlimen yang akan datang.

### **3.12 Isu-Isu Berkaitan Dengan Jabatan Peguam Negara Dalam Mesyuarat Pasca Jemaah Menteri, BHEUU**

Unit ini juga bertanggungjawab dari semasa ke semasa memberikan maklumat awal kepada Jabatan Peguam Negara mengenai apa-apa isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Menteri berkenaan apa-apa perkara yang memerlukan tindakan Jabatan Peguam Negara.

### **3.13 Lawatan Ke Pusat Timbang Tara Dan Pusat Mediasi Singapura**

Lawatan ke Pusat Timbang Tara dan Pusat Mediasi Singapura telah diadakan pada 9 Julai 2008 yang diketuai oleh YBhg Dato' Ketua Pengarah BHEUU. Turut serta ialah Penasihat Undang-Undang dan Setiausaha Politik, Y.B. Menteri. Lawatan ini bertujuan untuk mengkaji dan mendapatkan input tentang penubuhan serta perjalanan Pusat Timbang Tara Dan Pusat Mediasi Singapura.



# UNIT PENGURUSAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

## 1. Pengenalan

Fungsi Unit ini ialah:

- Pengurusan acara, menjadi urus setia media, mengatur perjalanan majlis, protokol, 'event manager' jemputan kepada media, publisiti dokumentasi, kata-kata aluan, ucapan, pengurusan lawatan dan mengatur bahan taklimat.
- Pengurusan aduan adalah meliputi aduan awam, maklumbalas, jurucakap, penyediaan laporan dan penilaian.
- Pengurusan media adalah meliputi bidang seperti mengatur liputan akar, keluaran kenyataan media, mengurus sidang media dan temubual eksklusif.
- Penerbitan adalah merangkumi penerbitan laporan tahunan, buletin, risalah, buku aturcara, video korporat dan lain-lain bahan maklumat.
- Khidmat pelanggan meliputi bidang seperti khidmat pelanggan panggilan telefon, melayani pelanggan dan khidmat nasihat.

## 2. Maklumat Perjawatan

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Unit ini pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/<br>Gred                             | Bilangan | Pengisian | Kekosongan |
|------------------------------------------------------|----------|-----------|------------|
| Pegawai Penerangan<br>Gred S48                       | 1        | 1         | 0          |
| Penolong Pegawai<br>Penerangan Gred S27              | 1        | 0         | 1          |
| Pembantu Tadbir<br>(Perkeranian/Operasi)<br>Gred N17 | 1        | 1         | 0          |
| Pegawai Khidmat<br>Pelanggan Gred N17                | 2        | 2         | 0          |
| Ahli Fotografi Gred B11                              | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Am Pejabat<br>Gred N1                       | 1        | 1         | 0          |
| <b>JUMLAH</b>                                        | <b>7</b> | <b>6</b>  | <b>1</b>   |

## 3. Aktiviti dan Pencapaian 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Unit ini adalah seperti berikut:

- Majlis sambutan Tahun Baru Cina pada 13 Februari 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, BHEUU.
- Program Hari Bersama Pelanggan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri bersama YB Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz pada 1 Mac 2008 bertempat di Sekolah Kebangsaan Sauk, Kuala Kangsar, Perak.
- Taklimat Kepada YB Datuk Zaid Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 3 April 2008.
- Majlis Anugerah Cemerlang pada 10 Jun 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, BHEUU.
- Mesyuarat Perancangan dan Penilaian Program Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada 25 hingga 29 Jun 2008 bertempat di Sofitel Palm Resort, Johor Bahru, Johor.
- Majlis Berbuka Puasa BHEUU pada 12 September 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, BHEUU.
- Majlis Jamuan Hari Raya Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada 15 Oktober 2008 bertempat di Lobi BHEUU.
- Urus Setia Pertandingan Pejabat Terbaik JPM tahun 2008 sempena Hari Kualiti JPM.
- Urus Setia Pameran Hari Kualiti Jabatan Perdana Menteri diadakan pada 11 Disember 2008 di Dewan Sri Endon, Presint 10, Putrajaya.
- Lawatan Peserta Kursus Induksi ILKAP ke Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada 10 Mac 2008.
- Menyelaras lawatan kerja YB Senator Datuk Zaid Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 4 April 2008 ke Lembaga Penasihat.
- Lawatan YB Senator Datuk Zaid Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 14 Ogos 2008 ke Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi, Selangor.
- Lawatan Ketua Pengarah ke Pusat Timbang Tara Singapura.
- Memantau dan Mengurus aduan berhubung isu-isu yang melibatkan bahagian dan jabatan, sebanyak 20 maklumbalas telah diterima dan disediakan.





- o) Menyelaras borang maklum balas pelanggan bagi ibu pejabat dan cawangan BBG dan JIM, Sebanyak 1237 borang maklumbalas pelanggan diterima.
- p) Urus setia Suruhanjaya Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seorang Yang Dikatakan Sebagai Peguambela dan Peguamcara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Perlantikan Hakim-Hakim dari Disember 2007 hingga April 2008.



## UNIT AUDIT DALAM

### 1. Pengenalan

Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan di BHEUU melalui Waran Perjawatan A26 Tahun 2004 bertarikh 8 Mac 2004 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2004. Penubuhan Unit ini selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1979 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004.

Unit ini bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah dengan menjalankan satu fungsi bebas dalam memeriksa dan menilai program/aktiviti Jabatan di samping membantu pengurusan atasan memastikan pengurusan sumber dan kewangan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan.

Bidang tugas Unit Audit Dalam BHEUU adalah meliputi semua Cawangan/Seksyen/Unit dan Jabatan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang- Undang. Jabatan di bawah BHEUU adalah BBG (BBG) dan JIM (JIM).

Unit ini telah dimansuhkan dan fungsinya diambil alih oleh Unit Audit Dalam Jabatan Perdana Menteri melalui penyusunan semula Bahagian Hal Ehwal Undang – Undang yang berkuatkuasa pada 15 Julai 2007.

### 2. Aktiviti dan Pencapaian (Sehingga 14 Julai 2008)

Kesemua rancangan kerja pengauditan pengurusan kewangan yang ditetapkan bagi tahun 2008 telah dilaksanakan (Rujuk Jadual 1).

**Jadual 1: Jadual Kerja Pengauditan Pengurusan Kewangan, 2008**

| Aktiviti |                                                                                         | Bulan Pengauditan |
|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Cawangan Miri Tahun 2007/2008       | Mac               |
| 2.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Miri Tahun 2007/2008       | Mac               |
| 3.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Cawangan Kuching Tahun 2007/2008    | Mac               |
| 4.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Kuching Tahun 2007/2008    | Mac               |
| 5.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Negeri Kelantan Tahun 2007/2008     | April             |
| 6.       | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Kota Bharu Tahun 2007/2008 | April             |

|     |                                                                                            |       |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 7.  | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Negeri Kedah Tahun 2007/2008           | Mei   |
| 8.  | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Alor Setar Tahun 2007/2008    | Mei   |
| 9.  | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Negeri Perlis Tahun 2007/2008          | Mei   |
| 10. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Perlis Tahun 2007/2008        | Mei   |
| 11. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Cawangan Langkawi Tahun 2007/2008      | Mei   |
| 12. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Negeri Pulau Pinang Tahun 2007/2008    | Julai |
| 13. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Pulau Pinang Tahun 2007/2008  | Julai |
| 14. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Cawangan Labuan Tahun 2007/2008        | Julai |
| 15. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan BBG Negeri Sabah Tahun 2007/2008           | Julai |
| 16. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Kota Kinabalu Tahun 2007/2008 | Julai |
| 17. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Sandakan Tahun 2007/2008      | Julai |
| 18. | Pengauditan Pengurusan Pentadbiran Dan Kewangan JIM Cawangan Tawau Tahun 2007/2008         | Julai |

Berdasarkan bilangan PTJ dan pusat kos yang diaudit pada tahun 2008, Unit Audit Dalam telah berjaya melaksanakan 18 aktiviti dan mengeluarkan sebanyak 18 laporan audit. Pencapaian tersebut direalisasikan dengan adanya kerjasama yang baik dari semua pihak terutamanya PTJ/Pusat Kos yang diaudit.

### 3. Tindakan Pengurusan

Bagi meningkatkan lagi tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan BHEUU, pihak pengurusan sentiasa mengambil tindakan yang positif, seperti mengadakan sesi perbincangan dengan Unit Audit Dalam, Cawangan Pengurusan dan Dasar serta Jabatan-Jabatan yang berkaitan, mengadakan kursus/bengkel secara berterusan bagi memperbaiki sistem kawalan dalaman dalam mematuhi peraturan-peraturan yang masih berkuat kuasa.



## CAWANGAN PENGURUSAN BHEUU

### 1. Pengenalan

Hasil penyusunan semula BHEUU, Cawangan Pengurusan telah di susun semula dan terdiri daripada Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Kewangan dan Seksyen Teknologi Maklumat.

#### SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Fungsi Seksyen ini terbahagi kepada tiga unit iaitu Unit Sumber Manusia, Unit Khidmat Pengurusan dan Pusat Sumber

#### a) Unit Sumber Manusia

Unit Sumber Manusia ialah salah satu unit di bawah Seksyen Pengurusan yang bertanggungjawab untuk mengendalikan pengurusan sumber manusia untuk BHEUU dan Jabatan-Jabatan di bawahnya seperti BBG dan JIM.

#### b) Unit Khidmat Pengurusan

Unit ini merupakan salah satu unit dibawah seksyen pengurusan sumber manusia di bawah Cawangan Pengurusan. Unit inibertanggungjawab dalam menguruskan hal berkaitan pentadbiran am dan logistik Jabatan.

#### c) Pusat Sumber

Pusat sumber ini merupakan Perpustakaan BHEUU, JPM, ia adalah sebagai pusat sumber rujukan maklumat pengurusan undang-undang. Ia berperanan menyokong fungsi BHEUU sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat undang-undang melalui perkhidmatan yang ditawarkan.

### 2. Maklumat Perjawatan

Kedudukan bilangan, pengisian dan kekosongan perjawatan Seksyen Pengurusan Sumber Manusia pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                             | Bilangan | Pengisian | Kekosongan |
|--------------------------------------------------|----------|-----------|------------|
| Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17        | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>2</b> | <b>2</b>  | <b>0</b>   |
| <b>Unit Sumber Manusia:</b>                      |          |           |            |

|                                                  |           |           |          |
|--------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48           | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/ M44      | 2         | 1         | 1        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26   | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17  | 10        | 9         | 1        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>14</b> | <b>12</b> | <b>2</b> |
| <b>Unit khidmat Pengurusan:</b>                  |           |           |          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Flexi Gred M41/M44 | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N27                 | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22   | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N17  | 4         | 4         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17        | 5         | 3         | 2        |
| Pembantu Keselamatan Gred KP17                   | 1         | 1         | 0        |
| Pengawal Keselamatan Gred KP11                   | 12        | 12        | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11       | 6         | 6         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                      | 9         | 9         | 0        |
| Pemandu Kenderaan Gred R6                        | 1         | 1         | 0        |
| Pemandu Kenderaan Gred R3                        | 5         | 5         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>46</b> | <b>44</b> | <b>2</b> |
| <b>Pusat Sumber:</b>                             |           |           |          |
| Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32           | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27           | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Perpustakaan                            | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>3</b>  | <b>3</b>  | <b>0</b> |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                              | <b>65</b> | <b>61</b> | <b>4</b> |

### 3. Aktiviti dan Pencapaian 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia adalah seperti berikut:





### 3.1 UNIT SUMBER MANUSIA

#### a) Anugerah Khidmat Cemerlang

Seramai 12 kakitangan BHEUU telah terpilih menerima Anugerah Khidmat Cemerlang yang terdiri daripada 3 pegawai Kumpulan Pengurusan & Professional dan 9 kumpulan Sokongan.

#### b) Penyediaan Penyata Perubahan dan Buku Kenyataan Perkhidmatan

Pada tahun 2008, Unit Sumber Manusia (USM) telah menyediakan sebanyak 1465 laporan Penyata Perubahan (Kew.8) bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I dan II BHEUU dan BBG dan sebanyak 646 Buku Kenyataan Perkhidmatan telah dikemaskinikan.

#### c) Pengisytiharan Harta Kakitangan

Sehingga 31 Disember 2008, seramai 172 kakitangan BHEUU telah mengisytiharkan harta iaitu 100%.

#### d) Kursus Latihan

Sehingga 31 Disember 2008, Unit Sumber Manusia BHEUU telah mengendalikan sebanyak 9 sesi latihan; termasuk 1 kursus Bina Insan. Secara keseluruhan pencapaian untuk latihan bagi kakitangan BHEUU untuk tahun 2008 berbanding dengan keperluan kakitangan adalah sebanyak 87.74%.

#### e) Program Ceramah Keutuhan

Unit Sumber Manusia telah berjaya menganjurkan dua belas (12) program ceramah keutuhan dalam menerapkan nilai-nilai murni di samping meningkatkan tahap integriti dalam setiap penjawat awam. Setiap pegawai dan kakitangan BHEUU, BBG dan JIM yang telah mengumpul tempoh masa menghadiri program ceramah ini selama lapan (8) jam akan diberikan Sijil Kehadiran yang mana ianya bersamaan dengan satu (1) hari berkursus dan boleh direkodkan dalam Buku Perkhidmatan masing-masing. Bilangan hari tersebut boleh diambil kira untuk tempoh tujuh (7) hari berkursus setiap pegawai dan kakitangan (Jadual 2).

**Jadual 2: Program Ceramah Keutuhan BHEUU, 2008**

| Bil. | Tajuk Ceramah                                                                         | Nama Penceramah                                      | Bil. Peserta | Tarikh        |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|--------------|---------------|
| 1    | Suapan Dan Kesalahan Rasuah                                                           | Encik Woon Moon Cheong                               | 106          | 17 Jan 2008   |
| 2    | Masihkah Kau Ingat                                                                    | Tuan Hj. Mohd Ravi bin Abdullah                      | 86           | 28 Feb 2008   |
| 3    | Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam organisasi Dan Kehidupan                            | Mejar Jeneral Dato' Haji Jamil Khir bin Haji Baharom | 141          | 19 Mac 2008   |
| 4    | Tutur Kata Dan Bicara Yang Meresap Hati                                               | Encik Wan Akashah bin Wan Abdul Halim                | 123          | 17 April 2008 |
| 5    | Institusi Keluarga Bahagia Ke Arah Kecemerlangan Prestasi Kerja                       | YBhg. Dato' Haji Kamarudin bin Haji Zakaria          | 151          | 13 Mei 2008   |
| 6    | Erti Sebuah Kehidupan                                                                 | Tuan Haji Aluwi bin Haji Parman                      | 135          | 12 Jun 2008   |
| 7    | Pengurusan Stress                                                                     | Puan Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh              | 163          | 24 Julai 2008 |
| 8    | Motivasi Ke Arah Menjana Pekerja Berkualiti                                           | Tuan Syeikh Ismail bin Haji Hashim                   | 127          | 21 Ogos 2008  |
| 9    | Penghayatan Dan Pengisian Ramadhan                                                    | Encik Mohd Meeftah bin Anuar                         | 126          | 18 Sep 2008   |
| 10   | Ilmu, Iman Dan Amalan: Pembentukan Modal Insan Yang Cemerlang, Gemilang Dan Terbilang | Tuan Haji Zamehan bin Haji Md Zin                    | 106          | 31 Okt 2008   |
| 11   | Mencari Bahagia                                                                       | Encik Mohd Meeftah Bin Anuar                         | 140          | 20 Nov 2008   |
| 12   | Mengenali Diri Dan Majikan Pemangkin Kepada Perkhidmatan Cemerlang                    | YBhg. Dr. Haji Hassan bin Abd Rahman                 | 106          | 19 Dis 2008   |



f) **Penilaian Tahap Kecekapan**

Unit Sumber Manusia BHEUU telah berjaya mengendalikan 6 PTK untuk tahun 2008 iaitu pada:

- i) Peperiksaan PTK PUU L29 dan PUU L32 TK1, TK2 dan TK3  
Siri 1 pada 24-26/03/2008;
- ii) Peperiksaan PTK PUU L29 dan PUU L32 TK1, TK2 dan TK3  
Siri 2 pada 23-25/06/2008;
- iii) Peperiksaan PTK PUU L29 dan PUU L32 TK1, TK2 dan TK3  
Siri 3 pada 25-27/08/2008;
- iv) Peperiksaan PTK PUU L29 dan PUU L32 TK1, TK2 dan TK3  
Siri 4 pada 24-26/11/2008;
- v) Peperiksaan PTK PUU L38 TK4 pada 23/10/2008; dan
- vi) Peperiksaan PTK Pembantu Tadbir Rendah (Bailif) N11 dan Penghantar Notis N3 TK1 dan TK2 pada 30/10/2008

g) **Kursus Pengurusan Aset**

Kursus Pengurusan Aset telah dianjurkan untuk Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpula Sokongan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan pengurusan Harta Kerajaan dan Aset bagi BHEUU dan Jabatan – jabatan di bawahnya, iaitu JIM dan BBG telah dijalankan pada 20 hingga 23 Mei 2008 di Glory Beach Resort, Port Dickson dengan kerjasama penceramah-penceramah jemputan dari Kementerian Kewangan. Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 44 orang peserta dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 18,605.50.

h) **Kursus Pengurusan Pejabat Zon Utara**

Atas kesedaran untuk mendedahkan kefahaman dan kesedaran akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam Pengurusan Pejabat disamping pendedahan secara komprehensif kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 tahun 2007 (Panduan Pengurusan Pejabat, maka Kursus Pengurusan Pejabat bagi Zon Utara telah dijalankan pada 10 hingga 13

Jun 2008 bertempat di Hotel Swiss Inn, Sungai Petani, Kedah dengan kerjasama penceramah – penceramah jemputan dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kursus yang dihadiri oleh seramai 44 orang peserta yang terdiri daripada anggota Kumpulan Sokongan BBG dan JIM Zon Utara (Perak, Kedah, Pulau Pinang, dan Perlis). Kursus ini telah dijalankan dengan jayanya dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 20,900.00.



**Gambar 1: Peserta sedang mendengar ceramah Kursus Pengurusan Pejabat**

i) **Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Peringkat Lanjutan 3**

Dijalankan pada 3 dan 4 Julai 2008 bertempat di Bilik Gerakan ICT, Aras 4 Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3, Putrajaya. Diikuti oleh seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada peserta-peserta Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling Peringkat Pertama dan Peringkat Kedua Program pendedahan lanjutan berkenaan teori, kemahiran dan konsep bimbingan kaunseling disamping



**Gambar 2: Peserta Kursus Pembimbing Rakan Sebaya**



melengkapkan ketiga-tiga proses untuk dilantik sebagai Pembimbing Rakan Sebaya telah dianjurkan dengan kerjasama Kaunselor Jemputan dari Jabatan Perdana Menteri. Kursus ini telah dijalankan dengan kos sebanyak RM 4,273.00.

j) **Kursus Pengurusan Pejabat Zon Tengah**

Kursus Pengurusan Pejabat bagi Zon Tengah telah dijalankan pada 7 hingga 10 Julai 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang dengan kerjasama penceramah bebas Encik Mohd Khir bin Mat Som. Kursus yang dihadiri oleh seramai 82 orang peserta yang terdiri daripada anggota Kumpulan Sokongan BHEUU, BBG dan JIM Zon Tengah (Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor). Kursus ini telah dijalankan dengan jayanya dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 14,000.00.



**Gambar 3: Peserta Kursus bergambar bersama Ybhg Dato' Ketua Pengarah BHEUU**

k) **Kursus Pengurusan Prestasi Dan Tatatertib**

Dijalankan pada 6 hingga 8 Ogos 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 2 Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3. Kursus yang mensasarkan Ketua – Ketua Jabatan dan Ketua – Ketua Cawangan BHEUU, BBG dan JIM dan telah disempurnakan oleh Pegawai-pegawai dari Sektor Pembangunan Dasar Tatatertib dan Keutuhan dan Sektor Pembangunan Dasar Naik Pangkat dan Prestasi, Bahagian Perkhidmatan Awam. Kursus yang dihadiri seramai 23 orang peserta ini telah memakan belanja sebanyak RM6,405.00.

l) **Kursus Pengurusan Pejabat Zon Timur**

Kursus yang sepatutnya dijalankan pada 26 – 29 Jun 2008, telah dijalankan pada 19 – 22 Ogos 2008 bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan Pahang Dengan kerjasama penceramah bebas Encik Nur Ramzan bin Ab Rahim kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan dihadiri oleh seramai 39 orang peserta yang terdiri daripada anggota Kumpulan Sokongan BHEUU, BBG dan JIM Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang). Kursus ini telah dijalankan dengan jayanya dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 20,735.00



**Gambar 4: Peserta Mengadakan Perbincangan Berkumpulan**

m) **Kursus Asas Pembantu Undang – Undang Gred L29 (Lantikan Baru)**

Dijalankan pada 13 – 19 Oktober 2008 bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Kursus yang dihadiri seramai 117 orang Pembantu Undang-Undang Gred L29 (Lantikan Baru) dengan perbelanjaan sebanyak RM 75,680.50 telah diadakan dengan tujuan untuk memperkenalkan peserta kepada fungsi JIM disamping memberi pendedahan secara komprehensif mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai PUU organisasi.

n) **Kursus Sistem Belanjawan Diubahsuai (MBS)**

Diadakan pada 14 – 16 November 2008 bertempat di A Famosa Resort, Melaka. Kursus yang mensasarkan Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional





termasuk Ketua – Ketua Cawangan BBG dan JIM dan telah disempurnakan oleh Pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan Malaysia . Kursus yang dihadiri seramai 53 orang peserta ini telah memakan belanja sebanyak RM 34, 251.00

o) **Program Bina Insan**

Diadakan pada 19 – 21 Disember 2009 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dengan tujuan untuk memberi pengenalan terhadap konsep kelebihan dan kesempurnaan manusia yang dipilih sebagai pentadbir alam di samping membentuk generasi yang berperibadi unggul, memiliki keutuhan budaya dan moral yang tinggi, disamping membentuk daya fikir generasi “ulul albab” dan fokus kepada matlamat dan hala tuju pembangunan Negara. Kursus ini juga dijalankan dengan tujuan untuk membentuk ummah yang menumpukan pembangunan rohani dan jasmani secara berimbang. Kursus yang dijalankan dengan kerjasama Institut Latihan Islam Malaysia telah dihadiri oleh seramai 33 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan BHEUU, BBG dan JIM di Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

### 3.2 UNIT KHIDMAT PENGURUSAN

a) Menguruskan Berkaitan Pentadbiran Am Dan Kualiti

- i. Menguruskan kawalan pengurusan aset pejabat termasuk penyelenggaraan dan pelupusan.
- ii. Melaksanakan pengurusan stor di Bahagian-Bahagian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- iii. Menyelaras dan menguruskan mesyuarat di peringkat Bahagian.
- iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan di peringkat Bahagian dan Jabatan.
- v. Menguruskan penyewaan pejabat cawangan BBG, JIM termasuk menyediakan draf surat perjanjian penyewaan serta perpindahan pejabat.

vi. Mengendalikan perlantikan syarikat pembersihan pejabat cawangan BBG, JIM dan penyediaan draf surat perjanjian.

vii. Memastikan prosedur kerja dilakukan berdasarkan ketetapan mengikut Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9011:2000.

viii. Mengadakan naziran ke pejabat cawangan BBG, JIM mengikut pekeliling yang ditetapkan dari segi pentadbiran pejabat.

ix. Menguruskan aturan mesyuarat / persidangan Parlimen.

b) Menguruskan Logistik Jabatan

- i. Menguruskan fail jabatan.
- ii. Mengurus keselamatan dan kebersihan pejabat memuaskan dan teratur.
- iii. Mengurus dan menyelia perjalanan kad perakam waktu, pas jabatan, pelekat kereta di Bahagian.
- iv. Menguruskan permohonan telefon pejabat, telefon bimbit, talian rasmi rumah yang layak di Bahagian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta menguruskan kutipan panggilan telefon persendirian.
- v. Menguruskan majlis-majlis acara rasmi Jabatan dan agensi luar.
- vi. Menguruskan penyewaan kereta rasmi Bahagian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- vii. Menguruskan penerimaan dan penghantaran surat-surat.
- viii. Mengurus dan mengatur lawatan delegasi pemimpin luar negara di Bahagian.
- ix. Menguruskan kerja-kerja menaip, percetakan, penjilidan dari Unit-Unit.

c) Selain itu, antara aktiviti lain yang turut diuruskan oleh Unit Khidmat Pengurusan adalah:



### i. Perhimpunan Bulanan BHEUU



**Gambar 5: YBhg Dato' Ketua Pengarah BHEUU menyampaikan amanat di Perhimpunan Bulanan BHEUU**



**Gambar 6: Sebahagian daripada pegawai dan kakitangan BHEUU, BBG dan JIM yang menghadiri Perhimpunan Bulanan BHEUU**

Perhimpunan bulanan adalah salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di BHEUU bersama agensi-agensi di bawahnya iaitu BBG (BBG) dan JIM (JIM). Pada kebiasaannya perhimpunan ini akan diadakan pada minggu kedua setiap bulan di Dewan Serbaguna, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang yang mana semua pegawai dari BHEUU, BBG dan JIM diwajibkan hadir pada sesi ini. Pada tahun 2008, perhimpunan bulanan BHEUU telah berjaya diadakan sebanyak 6 kali. Selain daripada amanat YBhg Dato' Ketua Pengarah, pada sesi perhimpunan ini juga pegawai –pegawai yang baru bertugas di BHEUU, BBG dan JIM akan diperkenalkan di samping turut diraikan adalah pegawai-pegawai yang telah bertukar dan bersara.

### ii. Lawatan Inspektorat

Lawatan Inspektorat daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (KPKK) ke Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang telah diadakan pada 28 Mei 2008. Dalam sesi ini, penerangan telah diberikan oleh pegawai dari KPKK berkaitan keperluan kepada keselamatan perlindungan terumanya bagi premis- premis Kerajaan. Penekanan tentang aspek keselamatan bukan hanya merangkumi fizikal bangunan tetapi juga termasuk kakitangan yang mendiami bangunan tersebut serta dokumen-dokumen dalam bangunan. Sesi lawatan turut diadakan ke Seksyen dan Unit yang dipilih bagi melihat sendiri sejauh mana aspek keselamatan dipraktikkan dalam tugas harian di Jabatan.



**Gambar 7: Pegawai KPKK diberi penerangan ringkas oleh Pegawai BHEUU**



**Gambar 8: Pemeriksaan terhadap bilik fail BHEUU**



### 3.3 PUSAT SUMBER

#### a) Peraturan Pinjaman/Pemulangan

##### Koleksi Umum

Peminjam hendaklah mendaftar sebagai ahli:

- i. Hanya lima buah buku dibenarkan untuk dipinjam pada satu masa. Jangkamasa pinjaman ialah tiga minggu
- ii. Bahan-bahan Perpustakaan yang dipinjam hendaklah dikembalikan pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan
- iii. Denda sebanyak 10 sen untuk setiap buku akan dikenakan pada setiap hari yang lewat
- iv. Bahan yang rosak/hilang akan dikenakan bayaran sebagai ganti mengikut kadar semasa termasuk tambahan kadar 10% untuk kos prosesan.

##### Pembaharuan Pinjaman

- i. Tempoh bahan yang dipinjam boleh diperbaharui untuk selama tiga minggu lagi
- ii. Peminjam yang hendak membuat pembaharuan perlu memberitahu sebelum atau pada hari tarikh bahan sepatutnya dipulangkan
- iii. Pembaharuan bahan dibenarkan sekali sahaja. Pembaharuan boleh dilakukan secara online, telefon atau membawa bahan ke perpustakaan.

##### Koleksi Rujukan

Buku-Buku bertanda "R" adalah untuk rujukan di perpustakaan. Sekiranya keperluan kepada buku atau bahan ini adalah penting, pinjaman untuk tempoh seminggu adalah dibenarkan.

##### Bahan Terbitan Bersiri

Bahan terbitan bersiri isu terkini untuk rujukan di perpustakaan sahaja. Pinjaman dibenarkan bagi isu yang terbelakang sebanyak 2 naskhah selama seminggu.

##### Pinjaman Buku Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia di mana sebanyak 300 buah buku bacaan ringan

dipinjamkan kepada perpustakaan ini selama 3 bulan. Pinjaman untuk warga BHEUU dibenarkan sebanyak 3 buah buku untuk tempoh 2 minggu. Segala peraturan serta syarat-syarat pinjaman tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

#### Perkhidmatan Rujukan

Perkhidmatan ini meliputi pertanyaan rujukan yang diterima melalui telefon, faks, e-mel atau datang sendiri ke perpustakaan

#### Sistem Pembekalan Penerbitan

Sistem Pembekalan Penerbitan atau lebih dikenali dengan Pinjaman Antara Perpustakaan boleh dibuat dengan menggunakan borang khas yang boleh didapati di perpustakaan. Pengambilan dan penghantaran balik bahan adalah tanggung jawab pemohon sendiri dan tertakluk kepada peraturan pembekal.

#### b) Perkhidmatan Atas Talian

##### i Web OPAC

Perpustakaan menggunakan sistem "Integrated Library Management Utilities" atau sistem ILMU sebagai sistem pengkomputerannya bagi membolehkan pengguna mengesan maklumat lengkap bahan melalui Katalog Awam Dalam Talian atau "Online Public Access Catalogue" (OPAC)

##### ii. Lawnet

Pangkalan data ini menyediakan maklumat undang-undang di Malaysia secara atas talian. Maklumat yang terkandung dalam pangkalan data ini adalah Law Library (principal acts, amendment acts, bill supplement, legislative supplement, Federal constitution, etc) dan e-Gazette (Federal Gazettes, State Gazettes). Istilah undang-undang (English-Bahasa Malaysia) dan New Flash adalah sebagai nilai tambah kepada pangkalan data ini.



c) **Keahlian**

Semua pegawai dan kakitangan BHEUU dan Jabatan-Jabatan di bawahnya adalah secara automatik menjadi ahli perpustakaan.

Pelajar, Penyelidik dan orang awam boleh membuat rujukan di perpustakaan dengan mengisi maklumat peribadi di dalam Buku Rekod Pelawat yang disediakan.





## SEKSYEN KEWANGAN

1. Fungsi utama seksyen Kewangan adalah seperti berikut:

- Menguruskan Anggaran Belanjawan Tahunan.
- Mengagih dan memantau peruntukan yang telah diluluskan dengan teratur mengikut keperluan Jabatan-Jabatan dan Cawangan-Cawangan di seluruh negara.
- Membelanjakan peruntukan yang diagihkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan.
- Menguruskan pembayaran emolumen, bil-bil dan tuntutan pelbagai yang lain.
- Menyelenggara dan mengemaskinikan rekod kewangan, Akaun Amanah dan hasil mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada.
- Memproses permohonan pembiayaan kenderaan, komputer, pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai.
- Menguruskan perolehan Jabatan.
- Mengendalikan urusan Panjar Wang Runcit Jabatan.
- Mengendalikan urusan penurunan kuasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kewangan.
- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun.

### 2. Maklumat Perjawatan


Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Seksyen Kewangan pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                       | Bilangan  | Pengisian | Kekosongan |
|--------------------------------------------|-----------|-----------|------------|
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52     | 1         | 1         | 0          |
| <b>Jumlah kecil</b>                        | <b>1</b>  | <b>1</b>  | <b>0</b>   |
| <b>Unit Perolehan:</b>                     |           |           |            |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M4  | 1         | 0         | 1          |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N27           | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17        | 3         | 3         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                        | <b>5</b>  | <b>4</b>  | <b>1</b>   |
| <b>Unit Kewangan AM</b>                    |           |           |            |
| Penolong Akauntan Gred W32                 | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Akauntan Gred W22                 | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Akauntan Gred W17                 | 1         | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                        | <b>3</b>  | <b>3</b>  | <b>0</b>   |
| <b>Belanjawan</b>                          |           |           |            |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44 | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22        | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17        | 7         | 7         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                        | <b>9</b>  | <b>9</b>  | <b>0</b>   |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                        | <b>18</b> | <b>17</b> | <b>1</b>   |

### 3. Peruntukan

BHEUU telah diperuntukan sebanyak RM232,409,712.00 bagi memastikan pelaksanaan program dan aktiviti dapat dijayakan sepanjang tahun 2008. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM111,329,860.00 (48 %) adalah bagi peruntukan mengurus manakala RM121,079,852.00 (52%) adalah bagi peruntukan pembangunan (Rujuk Carta 1).

**Carta 1: Jumlah Peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan, Keseluruhan BHEUU,BBG dan JIM, 2008**






#### 4. Prestasi Perbelanjaan


Daripada jumlah peruntukan itu, BHEUU telah membelanjakan sebanyak RM108,948,828.36

(97.8%) di bawah peruntukan mengurus dan sebanyak RM119,204,311.06 (98.4%) pula di bawah perbelanjaan pembangunan.

**Rajah 1: Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Keseluruhan BHEUU, BBG dan JIM, 2008**



**Rajah 2: Pecahan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Mengikut BHEUU, BBG, JIM, 2008**



JIM : Jabatan Insolvency Malaysia  
 BBG : Biro Bantuan Guaman  
 P. Am : Pentadbiran Am BHEUU



## SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 1. Pengenalan

Seksyen Teknologi Maklumat (STM) diwujudkan selaras dengan keperluannya untuk menerajui pelaksanaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi menyokong fungsi BHEUU, JIM dan BBG.

Di antara fungsi-fungsi STM adalah seperti berikut:

- Menyediakan dan mengurus kemudahan infrastruktur ICT Jabatan dan projek Mahkamah baru;
- Merancang, membangun dan menyelenggara sistem aplikasi Jabatan;
- Memberi khidmat bantuan teknikal ICT Jabatan;
- Mengenal pasti, merancang serta melaksanakan latihan dan pembudayaan ICT Jabatan;
- Menyelaras pelaksanaan pembangunan Projek e-Kehakiman untuk Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP); dan
- Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Pemandu ICT, Jawatankuasa Pemandu ICT e-Kehakiman, Jawatankuasa Teknikal ICT dan Jawatankuasa Portal Jabatan.

### 2. Maklumat Perjawatan

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Seksyen Teknologi Maklumat pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                          | Bilangan | Pengisian | Kekosongan |
|-----------------------------------------------|----------|-----------|------------|
| Pengarah, Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17     | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                           | <b>2</b> | <b>2</b>  | <b>0</b>   |
| <b>Unit Operasi Bantuan dan Teknikal:</b>     |          |           |            |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48           | 1        | 1         | 0          |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44           | 2        | 2         | 0          |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41           | 5        | 4         | 1          |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32  | 3        | 1         | 2          |

|                                                       |           |           |          |
|-------------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29          | 6         | 6         | 0        |
| Juruteknik Komputer Gred FT22                         | 1         | 0         | 1        |
| Juruteknik Komputer Gred FT17                         | 12        | 11        | 1        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                   | <b>30</b> | <b>25</b> | <b>5</b> |
| <b>Unit Pembangunan &amp; Penyelenggaraan Sistem:</b> |           |           |          |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48                   | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44                   | 2         | 2         | 0        |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41                   | 4         | 3         | 1        |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32          | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29          | 7         | 6         | 1        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                   | <b>15</b> | <b>13</b> | <b>2</b> |
| <b>Pengurusan &amp; Projek Khas ICT:</b>              |           |           |          |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44                   | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41                   | 2         | 2         | 0        |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29          | 3         | 1         | 2        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17        | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                   | <b>7</b>  | <b>5</b>  | <b>2</b> |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                                   | <b>54</b> | <b>45</b> | <b>9</b> |

### 3. Aktiviti dan Pencapaian 2008

#### 3.1 UNIT OPERASI BANTUAN TEKNIKAL

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Unit ini adalah seperti berikut:

##### a) Rangkaian BHEUU\*Net

Pada ketika ini, selain BHEUU dan Ibu Pejabat bagi JIM & BBG di Putrajaya, terdapat 43 lagi cawangan JIM dan BBG yang terletak di seluruh Malaysia. Kesemua ibu pejabat dan cawangan ini dihubungkan antara satu sama



lain melalui “Wide Area Network” (WAN) yang dinamakan BHEUU\*Net. Rangkaian WAN ini menjadi nadi kepada perjalanan semua Enterprise Wide Application seperti CMS-BBG dan CMS-JIM serta aplikasi sokongan seperti Aplikasi Email dan Sistem Antivirus Terpusat yang digunakan di semua cawangan. Kesemua perkhidmatan tersebut yang kebanyakannya dihoskan di Pusat Data BHEUU di dalam rangkaian PCN diakses oleh cawangan melalui rangkaian WAN berasaskan teknologi MPLS ini.

Seiring dengan fungsi dan tugas BHEUU, JIM dan BBG yang semakin meningkat, beberapa penstrukturan semula fizikal dan organisasi telah mendorong beberapa perubahan dan pertambahan di dalam Rangkaian BHEUU\*Net. Perubahan dari segi peningkatan kapasiti talian cawangan yang memerlukan, pertambahan dalam menyediakan dedicated line cawangan tertentu serta pertukaran kepada Last Mile Technology yang dapat memberikan ratio kos kepada keperluan yang lebih nilai kepada pihak kerajaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 ini.

Bagi menjadikan BHEUU, JIM dan BBG antara agensi yang terkehadapan dalam menyokong aplikasi-aplikasi yang terkandung di dalam EG Flagship seperti Human Resources Management Information System (HRMIS) dan Sistem Pengurusan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB), integrasi di antara BHEUU\*Net serta EG\*Net yang merupakan rangkaian WAN khusus bagi perkhidmatan melibatkan aplikasi EG Flagship sedang dilaksanakan. Integrasi ini secara langsung akan membenarkan aliran dan pemprosesan maklumat yang lebih berkesan antara BHEUU, JIM dan BBG dengan agensi kerajaan lain. Pemantauan serta penilaian terhadap Rangkaian BHEUU\*Net ini sentiasa dilaksanakan supaya tahap kebersediaannya sentiasa berada di tahap sekurang-kurangnya 99.7%. Langkah berterusan ini juga dijadikan sebagai salah satu kaedah dalam memastikan Rangkaian BHEUU\*Net ini sentiasa relevan ke arah menjadikan BHEUU sebagai agensi ulung di Jabatan Perdana Menteri dan negara.

#### b) Keselamatan ICT BHEUU

Keselamatan ICT di BHEUU telah dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu melalui pendekatan dasar dan pendekatan fizikal. Pendekatan Dasar dilaksanakan melalui penyediaan

Rangka Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat BHEUU. Rangka ini yang digunakan sebagai panduan dalam penyediaan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat BHEUU yang sebenar. Rangka ini menggunakan Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook (MyMIS) sebagai panduan dalam penyediaannya. Mekanisme pelaporan insiden yang standard juga diulas dan digunakan bagi memastikan semua insiden melibatkan keselamatan ditangani dengan pantas dan efektif. Tindakan dan maklumbalas ke atas sebarang laporan analisis yang disediakan oleh pihak berwajib seperti laporan HiLRA dan Security Posture Analysis (SPA) dipastikan dilaksanakan secepat mungkin bagi memastikan tiada sebarang insiden yang tidak diingini berlaku.

Pendekatan seterusnya adalah melalui pendekatan fizikal. BHEUU telah mengambil inisiatif dalam menyediakan rangkaian yang selamat kepada pengguna dan pelanggannya melalui perolehan beberapa perkakasan keselamatan yang baru seperti perolehan IDS & Firewall yang akan ditempatkan di Pusat Datanya. Perlindungan di peringkat Gateway Level ini turut disokong oleh perlindungan di peringkat Endpoint sendiri melalui perolehan dan pelaksanaan Antivirus yang baru iaitu eScan. Perlindungan tambahan ini adalah sebagai sebahagian daripada pelengkap kepada sistem keselamatan sedia ada seperti PRISMA, Data Centre Alert System, AntiSpam, IDS, Access Matrix, Content Filtering dan sebagainya.

Kesemua perlindungan fizikal dan penyediaan dasar ini merupakan antara tanda komitmen BHEUU dalam menyediakan bukan sahaja perkhidmatan yang cekap, tetapi juga selamat dan dipercayai.

#### c) Pengurusan Pangkalan Data dan Pusat Data

Pengurusan Pangkalan Data dan Pusat Data telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya untuk membekal, mengurus dan menyelenggara aset-aset ICT, menyelenggara infrastruktur yang terdapat di Pusat Data BHEUU dan Disaster Recovery Center (DRC) serta memberikan perkhidmatan meja bantuan (Helpdesk) kepada semua pegawai dan kakitangan BHEUU, JIM, BBG dan cawangan-cawangannya.



Di antara projek-projek yang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya adalah perolehan perkakasan dan perisian ICT, mengemaskini maklumat aset ICT di BHEUU, JIM, BBG dan cawangan-cawangannya mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang telah ditetapkan dengan menggunakan sistem sokongan iaitu MyAsset, pelupusan peralatan ICT yang telah usang, menambaaik sistem penyalin (Backup Systems) di Pusat Data, menyediakan kemudahan asas ICT di Disaster Recovery Center (DRC) dan meningkatkan mutu sistem meja bantuan.

Buat masa ini, aset ICT telah direkod dan dikemaskini dengan sempurna. Sistem MyAsset ini juga berupaya untuk menjana laporan yang lebih teliti bagi tujuan pemantauan dan mengenalpasti aset ICT yang boleh dilupuskan.

Pusat Data BHEUU berperanan sebagai nadi kepada sistem aplikasi yang digunakan oleh BHEUU, BBG dan JIM. Kesemua perkakasan rangkaian dan keselamatan serta server ditempatkan di Pusat Data yang dilengkapi

dengan infrastruktur seperti penghawa dingin, uninterruptable power systems (UPS), closed circuit television (CCTV), kawalan kad akses serta kelengkapan sistem penggera kebakaran.

Bagi menjamin kesinambungan proses bisnes, Disaster Recovery Center (DRC) telah siap dibina dan dilengkapi infrastruktur sebuah pusat data. DRC ini terletak di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta dan dinamakan sebagai Pusat Khidmat JIM / BBG.

Meja bantuan diwujudkan bagi memudahkan para pegawai dan kakitangan di BHEUU, JIM, BBG serta cawangannya menyalurkan aduan. Buat masa ini meja bantuan telah banyak menyelesaikan aduan yang berhubung dengan pelbagai kerosakan perkakasan ICT, infrastruktur rangkaian dan juga sistem. Berikut adalah ringkasan laporan aduan meja bantuan sepanjang tahun 2008 bagi BHEUU, JIM, BBG dan cawangannya mengikut kategori aduan (Jadual 3).


**Jadual 3: Jumlah Aduan Meja Bantuan (BHEUU, BBG DAN JIM), 2008**

| Jenis     | Jan | Feb | Mac | April | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|-----------|-----|-----|-----|-------|-----|-----|-------|------|------|-----|-----|-----|
| Emel      | 7   | 6   | 7   | 6     | 9   | 13  | 10    | 9    | 6    | 1   | 14  | 13  |
| Komputer  | 46  | 24  | 30  | 32    | 23  | 32  | 30    | 39   | 20   | 26  | 30  | 26  |
| Pencetak  | 14  | 3   | 6   | 13    | 7   | 13  | 10    | 16   | 6    | 14  | 12  | 13  |
| Perisian  | 0   | 0   | 2   | 5     | 3   | 1   | 1     | 2    | 1    | 1   | 1   | 2   |
| Rangkaian | 11  | 1   | 16  | 12    | 10  | 5   | 5     | 14   | 14   | 5   | 16  | 15  |
| Sistem    | 4   | 6   | 10  | 12    | 7   | 8   | 12    | 3    | 11   | 4   | 4   | 4   |
| Virus     | 10  | 2   | 5   | 10    | 8   | 11  | 8     | 14   | 3    | 8   | 13  | 9   |





**Rajah 2: Jumlah Keseluruhan Aduan Meja Bantuan (BHEUU,BBG,JIM), 2008**



### 3.2 UNIT PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Unit ini adalah seperti berikut:

#### a) **Sistem Pengurusan Kes JIM (CMS-JIM)**

Sistem ini digunakan secara aktif di cawangan JIM dan unit ini sentiasa menjalankan penyelenggaraan sistem berdasarkan isu-isu sistem di cawangan dan permohonan penambaaikan sistem oleh pengguna JIM. Hanya penambaaikan yang dikritikal sahaja yang dilaksanakan, manakala penambaaikan yang lain akan diambil kira ketika pembangunan semula sistem JIM.

Penambaaikan fungsi-fungsi sistem ada ini dilaksanakan dalam dua kaedah iaitu, penambaaikan minor dilakukan secara pembangunan dalaman oleh unit ini sendiri, manakala pembangun sistem luar dilantik untuk melaksanakan penambaaikan yang major. Antara penambaaikan yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- Penukaran format 3 jenis laporan Modul Perakaunan dari HTML kepada PDF
- Penukaran fungsi bayaran balik deposit
- Penambaaikan 11 fungsi CMS-JIM secara pembangunan dalaman

Beberapa kawalan pada modul Kebankrapan sistem CMS-JIM juga telah dibuka bagi membolehkan data bukan akaun dimuatnaik (upload) ke dalam sistem (Projek Data Migrasi).

#### b) **Sistem Carian Status Secara Online JIM (e-Insolvensi)**

Sistem yang boleh dicapai melalui portal [www.e-services.com.my](http://www.e-services.com.my), [www.myeg.com.my](http://www.myeg.com.my) dan [www.rilek.com.my](http://www.rilek.com.my) ini telah mencatat sejumlah 874,490 carian sepanjang tahun 2008. Ia telah menyumbang sebanyak RM 8,744,900 kepada hasil kerajaan.

Sebagai usaha mempromosi dan meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh




JIM ini, BHEUU turut serta dalam beberapa siri pameran dan Hari Bersama Pelanggan seperti berikut:

- i) Program Mempromosi Produk-produk EG anjuran MAMPU di Miri, Sarawak pada 18-19 Okt 2008.
- ii) Program Kesedaran ICT 2008 peringkat Negeri Sembilan anjuran SUK Negeri Sembilan bersama MAMPU di Seremban pada 31 Sept – 2 Nov 2008
- iii) Karnival Sains dan Teknologi Sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi peringkat negeri Kelantan melalui MDEC di Kota Bharu, Kelantan pada 6 – 9 Nov 2008.
- iv) Hari Kualiti JPM pada 10-11 Disember 2008 di Puspanita Puri, Putrajaya.

### c) Projek Data Migrasi JIM

Migrasi data akaun telah selesai dilaksanakan untuk empat (4) cawangan yang dirancang. Namun begitu, atas permohonan dari Bahagian Perakaunan JIM, migrasi data akaun ini masih dilaksanakan.

Hasil semakan fail dicawangan sebelum migrasi data pengurusan kes dilaksanakan mendapati terdapat 90,943 fail yang perlu dimigrasi berbanding 148,418 fail anggaran awal. 82% daripada jumlah fail ini telah ditranskripsi ke dalam template yang disediakan, dan 80% daripadanya telah disemak oleh JIM sebelum proses memasukkan data. Setakat ini, BHEUU telah melakukan muatnaik (upload) 355 data yang telah dimasukkan ke data pangkalan data CMS-JIM (Rujuk Carta aliran kerja 1)



**Aliran Kerja 1: Proses migrasi data pengurusan kes CMS-JIM**



#### d) **Sistem Pengurusan Kes BBG (CMS-BBG)**

Sistem Pengurusan Kes BBG (CMS-BBG) telah dilaksanakan pada tahun 2002. Semasa tempoh penggunaannya pihak BBG (BBG) telah melakukan perubahan atau tambahan dari segi akta dan proses kerja yang melibatkan perubahan pada sistem CMS-BBG. Satu sesi Percambahan Fikiran telah diadakan di Ibu Pejabat pada 21 dan 22 September 2006 bagi mengenal pasti penambaaian yang perlu dilakukan.

Projek Penambaaian Sistem Pengurusan Kes (CMS-BBG) telah ditawarkan kepada syarikat Heitech Padu Berhad pada 1 Julai 2007. Tempoh pelaksanaan pembangunan sistem CMS-BBG mengambil masa 24 bulan dari tarikh ditawarkan kepada syarikat Heitech Padu Berhad dengan mengambil kira proses pengumpulan maklumat melalui Spesifikasi Keperluan Sistem, Sesi Review (penyemakan), Sesi Unit Test-IT, Sesi UAT (User Acceptance Test), Sesi Regression, Sesi Latihan dan Sesi FAT(Final Acceptance Test). Sistem CMS-BBG ini dijangka dilancarkan di seluruh cawangan di Malaysia pada bulan Mei 2009.

Sistem CMS-BBG yang dibangunkan ini merupakan penambaaian kepada sistem yang sedia ada. Walaubagaimanapun ianya akan dibina semula secara seluruhnya dengan memasukkan penambaaian berikut secara langsung. Sistem CMS dibangunkan antara lainnya untuk menyediakan kemudahan mendaftar dan mengemaskini maklumat pelanggan, memilih peguam panel, memantau perjalanan kes dan membuat bayaran-bayaran dan mengutip hasil kerajaan. Bagi memudahkan pengguna menggunakan sistem ini, fungsi-fungsi yang terdapat dalam sistem sedia ada dan juga fungsi-fungsi baru yang dibangunkan telah dikategorikan kepada sembilan modul iaitu:

- Pendaftaran;
- Pengurusan Kes;
- Pengurusan Peguam Panel;
- Pengurusan Sistem CMS;
- Pentadbiran Sistem;
- Pengantaraan;
- Kewangan;
- Laporan; dan
- Integrasi.

Modul Pengantaraan, Modul Pengurusan Peguam Panel dan Modul Integrasi merupakan tiga modul baru didalam sistem CMS-BBG yang sedang dibangunkan.

#### 3.2.1 **UNIT PENGURUSAN DAN PROJEK KHAS ICT:**

##### a) **e-Kehakiman**


E-Kehakiman adalah Projek Pengkomputeran Mahkamah yang telah dibangunkan mulai tahun 2004 berdasarkan ISP Mahkamah. Ia terdiri daripada 4 peringkat pembangunan. Pada tahap peringkat asas, 11 buah mahkamah perintis yang meliputi semua bidang kuasa di semua peringkat Mahkamah di Putrajaya dan Kuala Lumpur telah melaksanakan e-Kehakiman. Tujuan e-Kehakiman adalah untuk menggantikan sistem proses serta menyimpan rekod manual kepada sistem berkomputer sebagai usaha untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pengurusan kes, pengagihan kes serta aktiviti pengesanan fail kes untuk perbicaraan.

Sistem utama dalam e-Kehakiman adalah Sistem Pengurusan Kes (CMS) yang merupakan aplikasi berasaskan portal. Di antara fungsi CMS adalah untuk membantu mempercepatkan perbicaraan kes dengan lebih teratur dan terancang di dalam pengurusan kes-kes melalui modul-modul seperti pendaftaran kes, pengurusan kes termasuk aliran proses, penjadualan kes, kelulusan perbicaraan kes secara online, pengendalian kes selepas bicara, pengendalian pertanyaan, pemantauan kemajuan dan status kes serta mempertingkatkan laporan pengurusan yang boleh diintegrasikan dengan laporan dari sistem CRT (*Court Recording and Transcription*).

Oleh kerana sistem yang dibangunkan masih dalam peringkat perintis statistik penggunaannya masih minima seperti yang ditunjukkan dalam graf berikut:



**Rajah 3: Bilangan Pendaftaran Kes Dalam Sistem CMS e-Kehakiman, Januari – September 2008.**



**Jadual 4: Statistik Fail Kes Didaftarkan Melalui Sistem CMS (E-Kehakiman) Mengikut Mahkamah Sehingga September 2008**

| Bil.          | Jenis Mahkamah                 | Jumlah Kes    |
|---------------|--------------------------------|---------------|
| 1             | Mahkamah Persekutuan           | 424           |
| 2             | Mahkamah Rayuan Malaysia       | 9,794         |
| 3             | Mahkamah Tinggi Sivil 1        | 973           |
| 4             | Mahkamah Tinggi Dagang 1       | 171           |
| 5             | Mahkamah Tinggi Jenayah 2      | 224           |
| 6             | Mahkamah Tinggi Keluarga       | 889           |
| 7             | Mahkamah Seksyen Sivil 9       | 1,924         |
| 8             | Mahkamah Seksyen Jenayah 1     | 135           |
| 9             | Mahkamah Majistret Sivil 1     | 1,132         |
| 10            | Mahkamah Majistret Jenayah 1   | 1,046         |
| 11            | Mahkamah Majistret Kanak-Kanak | 324           |
| <b>JUMLAH</b> |                                | <b>17,036</b> |



# CAWANGAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN BHEUU

## 1. PENGENALAN

Cawangan Perancangan dan Pembangunan (CPP), BHEUU telah diamanahkan untuk menyediakan prasarana dalam bentuk fizikal dan bukan fizikal bagi keperluan badan kehakiman di Malaysia. Pihak Mahkamah selaku 'end user' akan menyalurkan keutamaan dan keperluan-keperluan fizikal dan bukan fizikal kepada CPP bagi tujuan pelaksanaan.

## 2. MAKLUMAT PERJAWATAN

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Cawangan Perancangan dan Pembangunan pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                             | Perjawatan | Pengisian | Kekosongan |
|--------------------------------------------------|------------|-----------|------------|
| <b>Seksyen Dasar &amp; Penyelidikan:</b>         |            |           |            |
| Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 | 1          | 1         | 0          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52           | 1          | 1         | 0          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48           | 1          | 1         | 0          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44       | 1          | 0         | 1          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Flexi Gred M41/M44 | 4          | 4         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17        | 1          | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17   | 4          | 4         | 0          |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                      | 1          | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>14</b>  | <b>13</b> | <b>1</b>   |
| <b>Seksyen Perancangan:</b>                      |            |           |            |
| Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 | 1          | 1         | 0          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48           | 1          | 1         | 0          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44       | 1          | 0         | 1          |

|                                                            |           |           |          |
|------------------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44                 | 2         | 1         | 1        |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N32                           | 1         | 0         | 1        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17                  | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                        | <b>7</b>  | <b>4</b>  | <b>3</b> |
| <b>Seksyen Pelaksanaan Projek:</b>                         |           |           |          |
| Pengarah, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54           | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48                     | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44                 | 4         | 2         | 2        |
| Jurutera Gred J48                                          | 1         | 1         | 0        |
| Arkitek Gred J41                                           | 1         | 1         | 0        |
| Jurutera Gred J41                                          | 1         | 0         | 1        |
| Pembantu Teknik Gred J36                                   | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Teknik Ukur Gred J36                              | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Teknik Gred J29                                   | 2         | 2         | 0        |
| Juruteknik Gred J17 (Mekanikal)                            | 1         | 1         | 0        |
| Juruteknik Gred J17 (Sivil)                                | 1         | 1         | 0        |
| Juruteknik Gred J17 (Elektrik)                             | 1         | 1         | 0        |
| Pelukis Pelan Gred J22                                     | 1         | 0         | 1        |
| Pelukis Pelan Gred J17                                     | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17                  | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                        | <b>19</b> | <b>15</b> | <b>4</b> |
| <b>Unit Sokongan Perancangan &amp; Pelaksanaan Projek:</b> |           |           |          |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N32                           | 1         | 0         | 1        |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N27                           | 3         | 3         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22             | 1         | 1         | 0        |





|                                                |           |           |           |
|------------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 | 9         | 9         | 0         |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                | 2         | 2         | 0         |
| Pembantu Am Pejabat                            | 1         | 0         | 1         |
| <b>Jumlah Kecil</b>                            | <b>17</b> | <b>15</b> | <b>2</b>  |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                            | <b>57</b> | <b>47</b> | <b>10</b> |

### 3. SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN

3.1 Fungsi Seksyen Dasar dan Penyelidikan adalah seperti berikut:

- a) Mengurus dan menyelaras penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
- b) Memantau tindakan susulan terhadap keputusan Jemaah Menteri yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
- c) Mencetus inisiatif dan idea baru terhadap penambaaikan sistem keadilan Negara dan pentadbiran Jabatan;
- d) Menjadi urus setia kepada:
  - Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan;
  - Penyelarasan Penyediaan Dokumen Melindungi Saksi Kanak-Kanak;
  - Jemaah Pengampunan Bagi Kes-Kes Keselamatan dan Jemaah Pengampunan Bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan
  - Pejabat Y.B Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi tugas-tugas berkaitan SUHAKAM.
- e) Menjalankan kajian dan penyelidikan terhadap isu-isu pengurusan Jabatan;
- f) Mengurus Pendaftaran Pemerbadanan dan Memantau Pemerbadanan Pemegang Amanah Berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258];
- g) Memantau perjalanan Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri; dan
- h) Menguruskan pelantikan Penasihat Mahkamah bagi Mahkamah Kanak-Kanak.

#### 3.2 Aktiviti Dan Pencapaian 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Seksyen Dasar Dan Penyelidikan adalah seperti berikut:

#### a) Mesyuarat Jemaah Pengampunan Bagi Kes-Kes Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dan Kes-Kes Keselamatan

Unit Kawal Selia Seksyen Dasar dan Penyelidikan telah mengadakan dua (2) mesyuarat Jemaah Pengampunan pada 2008 iaitu pada 20 Jun 2008 dan 14 November 2008. Jumlah kes yang dibawa pada tahun 2008 adalah sebanyak 26 kes iaitu masing-masing 5 kes Keselamatan dan 21 kes Wilayah Persekutuan.

#### b) Projek Mengemaskini Dokumen Melindungi Saksi Kanak-Kanak

Dokumen Melindungi Kanak-Kanak adalah sebuah dokumen yang digunakan sebagai panduan dalam melindungi kanak-kanak oleh agensi-agensi terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Di Raja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah Persekutuan. Dokumen ini telah disiapkan pada tahun 2004.

Pada tahun 2008, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendapati bahawa dokumen ini tidak begitu membantu agensi-agensi terlibat dan perlu dibuat penambaaikan. Sehubungan itu, BHEUU telah menjadi penyelaras kepada projek mengemaskini Dokumen Melindungi Saksi Kanak-Kanak bagi memastikan dokumen ini relevan dan dapat dijadikan garis panduan kepada agensi yang terlibat dalam menjalankan tanggungjawab bagi melindungi Saksi kanak-kanak.

Susulan itu, dua (2) mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan langkah-langkah dan masalah yang dihadapi oleh setiap agensi dalam melaksanakan peranan bagi melindungi Saksi kanak-kanak. Dokumen ini akan dikemaskini sepenuhnya pada tahun 2009.

#### c) Skim Perlindungan Saksi

Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi adalah Rang Undang-Undang yang digubal untuk melindungi saksi dalam kes jenayah berat. Rang Undang-Undang ini telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada sidang Parlimen yang lepas dan bacaan kali kedua dan ketiga akan dilakukan pada sidang Parlimen tahun 2009.



d) **Jemaah Pengampunan Negeri**

Bagi tahun 2008, Mesyuarat Jemaah Pengampunan Negeri telah diadakan dengan jayanya pada 17 April di Pulau Pinang. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia, Pejabat Sultan, Pejabat Yang Di-Pertua dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Peguam Negara.

e) **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

BHEUU merupakan urus setia kepada Pejabat Y.A.B Timbalan Perdana Menteri bagi menjalankan tugas-tugas yang berkaitan SUHAKAM. Antara tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU ialah menjadi urus setia pelantikan anggota SUHAKAM dan menyelaras maklumbalas laporan tahunan SUHAKAM.

Bagi tahun 2008, Laporan Tahunan SUHAKAM telah diterima pada 12 Mei dan satu mesyuarat bersama kementerian dan agensi kerajaan bagi menyelaras maklumbalas terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM 2007 yang telah diadakan pada 23 Ogos 2008.

Seramai 18 orang Anggota SUHAKAM telah tamat perkhidmatannya pada 25 April 2008 dan pada 8 Mei 2008 seramai 16 orang anggota SUHAKAM telah dilantik semula bagi penggal 2008/2010. Pelantikan tersebut telah dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan.

f) **Menyelia Pendaftaran Pemegang Amanah Di Bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952**

Sepanjang tahun 2008, sebanyak tiga (3) Yayasan (Pemerbadanan Pemegang-Pemegang Amanah) telah didaftarkan. Yayasan yang telah berjaya didaftarkan adalah (a) Yayasan Tamil Education and Research Foundation, (b) Yayasan Wakaf Malaysia dan (c) Yayasan Semesta Berdaftar.

g) **Menyelia Pelantikan Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak**

Seramai empat (4) orang Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak telah dilantik oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

h) **Kajian Kes-Kes Tertunggak Di Mahkamah**

Kajian kes-kes tertunggak di Mahkamah telah mula dilaksanakan pada bulan April 2008. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengatasi masalah kes-kes tertunggak di Mahkamah yang berada ditahap yang membimbangkan. Beberapa pelan tindakan telah dicadangkan dalam kajian ini.

Lanjutan itu, dua (2) jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' KP BHEUU dan Jawatankuasa Tertinggi Kajian Kes-Kes Tertunggak di Mahkamah yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua jawatankuasa ini bertujuan untuk membincangkan dan merancang tindakan dan langkah-langkah bagi mengurangkan kes tertunggak di mahkamah. Sepanjang tahun 2008, Jawatankuasa Kerja Kes Tertunggak telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali dan Jawatankuasa Tertinggi Kes Tertunggak telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali dengan jayanya.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bil.4/2008 YB Menteri telah memutuskan keputusan agar nama jawatankuasa ini ditukar kepada Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan memandangkan jawatankuasa ini bukan sahaja membincangkan isu-isu mengenai kes tertunggak dimahkamah malahan meliputi semua isu berkaitan sistem pentadbiran keadilan negara.

i) **Kajian Kepuasan Bekerja Kakitangan BHEUU**

Kajian Kepuasan Bekerja Kakitangan BHEUU telah dilaksanakan hasil daripada keputusan Mesyuarat Pengurusan JPM Bil. 6 Tahun 2008. Kajian ini telah dijalankan ke atas semua pegawai dan kakitangan di BHEUU. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai tahap keharmonian dan kepuasan bekerja di tempat kerja supaya penjawat-penjawat awam dapat melaksanakan kerja dengan sepenuh hati dan produktiviti dapat dipertingkatkan.

Satu kertas makluman ke atas kajian ini telah disiapkan oleh Seksyen Dasar dan Penyelidikan dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan BHEUU pada



bulan Disember 2008. Beberapa cadangan penambaaikan ke atas ketidak puasan hati kakitangan BHEUU telah disyorkan dalam kertas makluman itu untuk pertimbangan dan kelulusan pengurusan atasan dan syor-syor ini akan dijadikan panduan dan sumber rujukan dalam perancangan program dan aktiviti oleh Unit-Unit atau Seksyen yang berkaitan di masa akan datang. Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Mengadakan program yang membentuk rasa sayang dan bangga terhadap jabatan seperti penglibatan pegawai dan anggota di dalam merancang serta melaksanakan penambaaikan terhadap organisasi mereka dan pandangan mereka akan dipertimbangkan oleh pengurusan atasan;
  - ii. Mengadakan peti cadangan untuk kakitangan menyuarakan cadangan atau ketidakpuasan hati mereka agar segala masalah dan cadangan dapat ditangani dan diambil tindakan oleh organisasi;
  - iii. Melaksanakan "Job-Rotation" bagi mempelbagaikan kemahiran kakitangan. Di samping itu, ia juga akan memberikan lebih pengetahuan dan penguasaan kakitangan dalam tugas yang dilakukan;
  - iv. Mengadakan kursus bina insan dan "team-building" dalam usaha mewujudkan jalinan kerjasama antara pegawai dan kakitangan;
  - v. Menambaaik Program Pembimbing Rakan Sebaya agar dapat mewujudkan kerjasama di antara kakitangan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan stres yang dihadapi;
  - vi. Mewujudkan sistem mentor-mentee di dalam proses pembelajaran organisasi; dan
  - vii. Mengadakan sistem pengiktirafan dan ganjaran agar kakitangan berasa lebih dihargai.
- j) **Urus setia Suruhanjaya Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seseorang yang Dikatakan Sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Pelantikan Hakim-Hakim**

Seksyen Dasar dan Penyelidikan telah menjadi urus setia bagi Suruhanjaya Siasatan Mengenai Rakaman Klip Video Yang Mengandungi Imej Seseorang Yang

Dikatakan Sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Berbual Melalui Telefon Mengenai Urusan Pelantikan Hakim-hakim bermula 14 Januari 2008 sehingga 8 Mei 2008.

Selain daripada membantu menyediakan laporan siasatan, Seksyen ini juga bertanggungjawab menjual hasil laporan tersebut kepada orang awam bermula pada 20 Mei 2008. Buku laporan tersebut telah dijual pada harga RM 541.00 bagi setiap set yang mengandungi enam (6) naskhah.

#### 4. SEKSYEN PERANCANGAN DAN SEKSYEN PELAKSANAAN PROJEK

##### 4.1 Pengenalan

Sejajar dengan hasrat kerajaan mengekalkan keselesaan anggota mahkamah dan orang ramai yang berurusan dengannya. Cawangan Perancangan dan Pembangunan telah berusaha secara berterusan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih efisien, bagi mencapai hasrat ini, maka di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), siling yang berjumlah RM715,659,616 telah diperuntukkan di bawah 6 program pembangunan dan pecahannya adalah seperti Jadual 5.

**Jadual 5: Siling Peruntukan RMK 9**

| Jenis Projek                               | Peruntukan (RM)    |
|--------------------------------------------|--------------------|
| Bangunan-bangunan mahkamah                 | 520,926,000        |
| Pembaikan/ubahsuai, pembekalan & alat-alat | 51,500,000         |
| Pengkomputeran mahkamah                    | 32,500,000         |
| Rumah kediaman rasmi hakim                 | 9,423,616          |
| Bangunan penyimpanan fail                  | 20,510,000         |
| Lain-lain                                  | 80,800,000         |
| <b>JUMLAH</b>                              | <b>715,659,616</b> |

Dalam RMK-9, selain daripada Program yang diteruskan dari RMK-8, BHEUU juga telah mengenalpasti beberapa program baru dalam usaha menjamin kesinambungan pemberian perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pihak kehakiman dan orang ramai. Antara program baru yang telah dikenalpasti dalam RMK-9 adalah Bangunan Penyimpanan Fail.



## 4.2 Strategi Pelaksanaan

### a) **Menyediakan infrastruktur fizikal yang mencukupi bagi membolehkan urusan pentadbiran kehakiman berjalan lancar.**

Kebanyakan bangunan yang dibina sebelum Perang Dunia ke-2 (Pre-War Building) masih digunakan sebagai mahkamah dan ruang sedia ada di bangunan-bangunan tersebut tidak lagi memadai untuk keperluan semasa. Program bangunan-bangunan mahkamah telah diwujudkan bagi mengatasi masalah tersebut dan untuk memenuhi keperluan semasa, CPP telahpun mengambil pelan tindakan seperti berikut;

- i) Merancang pembinaan bangunan-bangunan mahkamah baru bagi menggantikan bangunan mahkamah yang ditempatkan di ruang yang disewa;
- ii) Membina bangunan-bangunan mahkamah yang mempunyai satu atau dua buah bilik bicara di daerah-daerah pentadbiran yang tidak mempunyai bangunan mahkamah;
- iii) Membantu mendisentralisasikan mahkamah-mahkamah yang besar ke beberapa buah tempat yang berhampiran bagi tujuan mengurangkan kesesakan di sebuah premis.
- iv) Membina bangunan-bangunan penyimpana fail bagi tujuan menempatkan fail-fail mahkamah dalam satu pusat penyimpanan rekod.

### b) **Mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sedia ada di mahkamah.**

Bagi mengekalkan keselesaan anggota mahkamah dan juga orang ramai yang berurusan dengannya, CPP juga telah merancang memperbesarkan ruang kerja mahkamah sedia ada mengikut keperluan semasa. Justeru Program Pembaikan, Ubahsuai/Pembekalan Alat dan Kemudahan telah diwujudkan.

Kebanyakan bangunan mahkamah yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan pengembangan ruang kerja dan CPP telah merancang pembinaan ruang-ruang sokongan tambahan seperti perpustakaan, kantin, stor, bilik fail, bilik sembahyang dan pembesaran ruang kaunter orang awam.

Memandangkan mahkamah merupakan sasaran bagi perbuatan khianat, maka CPP telah mempertingkatkan aspek-aspek keselamatan dengan mengadakan pagar keselamatan, kelengkapan sistem pencegah kebakaran untuk semua mahkamah. CPP dengan kerjasama pihak Jabatan Kerja Raya telah mengambil tindakan memeriksa dan membuat pendawaian yang baru di bangunan-bangunan mahkamah seluruh negara.

### c) **Mengautomasikan sistem pentadbiran kehakiman.**

Selaras dengan kemajuan teknologi, CPP sedang berusaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat di mahkamah-mahkamah di seluruh negara melalui Program Pengkomputeran Mahkamah. Projek ini dirancang untuk menenuhi objektif berikut;

- i. memudahkan akses kepada perkhidmatan kehakiman;
- ii. mendalami kefahaman awam mengenai proses perundangan;
- iii. mempertingkatkan dapatan maklumat mahkamah;
- iv. mengurangkan kos litigasi;
- v. mengurangkan masa penyelesaian kes; dan
- vi. menetapkan, mengurus dan memenuhi masa perbicaraan selaras dengan kehendak mahkamah.

Bagi tujuan mengautomasikan sistem kehakiman, penggunaan teknologi Maklumat akan tertumpu kepada tiga(3) bidang utama iaitu;

- i. Pengurusan kes (case management);
- ii. Merekodkan keterangan kes (court recording dan transcription);
- iii. Pembekalan infrastruktur sokongan, termasuk perkakasan (PC & Pencetak), rangkaian, email dan akses internet.

Pelaksanaan pembangunan Projek Pengkomputeran Mahkamah (e-Kehakiman) iaitu 'ase Management System' (CMS) dan 'Court Recording and Transcription System' (CRT) akan melibatkan semua mahkamah secara berperingkat melalui tiga fasa dengan tempoh masa selama lima (5) tahun sehingga





akhir RMK9. Dalam fasa pertama (perintis), CMS akan dipasang di sebelas buah mahkamah manakala CRT hanya akan dipasang di dua buah mahkamah yang terpilih sahaja.

Projek perintis ini akan melibatkan pengguna dalam mahkamah sahaja seperti Pegawai Mahkamah, Pendaftar Mahkamah dan pegawai pentadbiran.

Manakala dalam tempoh RMK9, kedua-dua sistem berkenaan akan dibuka kepada agensi kerajaan lain dan pihak luar yang berkaitan seperti peguam, polis, pendakwaraya dan orang awam. Capaian ini akan disediakan melalui satu portal tunggal yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan transaksi dapat dilakukan dengan selamat dan terjamin.

Perancangan ini akan diikuti dengan sistem-sistem lain yang akan dapat menyokong bidang-bidang yang dikenal pasti sebagaimana dinyatakan di dalam dokumen perancangan pengkomputeran (ISP) mahkamah.

**d) Memastikan keselesaan penginapan dan keselamatan hakim.**

Bagi memastikan keselesaan Hakim Mahkamah Tinggi khususnya yang berkaitan dengan penginapan, Program Rumah Kediaman Rasmi Hakim telah diwujudkan. CPP telah merancang pembinaan rumah-rumah kediaman rasmi hakim di beberapa lokasi terpilih. Kebanyakan Hakim Mahkamah Tinggi tidak dibekalkan rumah rasmi kerajaan (institutional quarters) dan terpaksa menyewa rumah atau menduduki kuarters kerajaan negeri, keadaan ini agak menyusahkan kerana kesukaran mendapatkan rumah kerajaan negeri dan rumah sewa yang sesuai dengan taraf hakim pada kadar yang munasabah.

Selain itu, kesukaran juga wujud bagi mendapatkan rumah sewa yang sesuai dari segi lokasi dan aspek keselamatan. Kebanyakan rumah sewa tidak dibekalkan dengan kelengkapan dan kemudahan yang setaraf dengan kedudukan hakim. Memandangkan kebanyakan rumah sewa terletak di kawasan perumahan, keselamatan hakim juga turut terjejas kerana terdedah kepada orang awam. Adalah menjadi harapan CPP bahawa dengan wujudnya rumah kediaman rasmi, rumah-rumah tersebut dapat diselenggara dan dikawal mengikut keperluan.

**e) Peruntukan pembangunan tahun 2008 yang diluluskan**

Jumlah peruntukan pembangunan tahun 2008 yang telah diluluskan ialah sebanyak RM112,617,310 bagi melaksanakan projek-projek pembangunan mahkamah.

Dari jumlah peruntukan sebanyak RM112,617,310 itu, sebanyak RM109,261,282.60 telah dapat dibelanjakan atau kira-kira 97.02%. Kedudukan pengagihan peruntukan Pembangunan tahun 2008 adalah seperti di dalam jadual 6.

**Jadual 6: Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan mengikut Projek, 2008**

| Bil.          | Nama Program                                        | Peruntukan Yang Diluluskan (RM) | Perbelanjaan (RM)     | Peratus (%)  |
|---------------|-----------------------------------------------------|---------------------------------|-----------------------|--------------|
| 1             | Bangunan-Bangunan Mahkamah                          | 89,295,155                      | 87,520,306.64         | 98.01        |
| 2             | Pembaikan/Ubahsuai Pembekalan & Alat-Alat Kemudahan | 15,000,000                      | 13,568,856.17         | 90.46        |
| 3             | Pengkomputeran Mahkamah                             | 537,145                         | 529,568.30            | 98.59        |
| 4             | Rumah Kediaman Rasmi Hakim                          | 185,000                         | 167,423.49            | 90.50        |
| 5             | Bangunan Penyimpanan Fail                           | 7,600,000                       | 7,475,128             | 98.36        |
| 6             | Private Financing Initiative                        | -                               | -                     | -            |
| <b>JUMLAH</b> |                                                     | <b>112,617,310</b>              | <b>109,261,282.60</b> | <b>97.02</b> |

**4.3 Aktiviti dan Pencapaian 2008**

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Seksyen Perancangan dan Seksyen Pelaksanaan Projek adalah seperti berikut:

**a) Program Bangunan-Bangunan Mahkamah**

Jumlah projek yang diluluskan dibawah program ini adalah sebanyak 33 buah bangunan mahkamah. Pada tahun 2008, daripada peruntukan yang diluluskan iaitu RM89,295,155 sebanyak RM87,520,306.64 telah dapat dibelanjakan dibawah program ini bersamaan 98.01%.





**Jadual 7: Prestasi pelaksanaan projek-projek bangunan-bangunan mahkamah, 2008**

| Kategori projek            | Bilangan projek | Peratus (%) |
|----------------------------|-----------------|-------------|
| SIAP (2004-2006)           | 5               | 15.2        |
| SIAP(2007-2008)            | 7               | 21.2        |
| Pembinaan                  | 6               | 18.2        |
| Perancangan dan rekabentuk | 4               | 12.1        |
| Penentuan tapak            | 11              | 33.3        |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>33</b>       | <b>100</b>  |

**b) Projek-Projek yang siap pada tahun 2004 hingga tahun 2006.**

Sehingga 31 Disember 2006, sebanyak lima projek bangunan mahkamah telah dapat disiapkan sepenuhnya dan diserahkan kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut;

**i. Mahkamah Baru Seremban**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru bagi menggantikan bangunan sedia ada. Bangunan baru tersebut mengandungi 3 buah bilik bicara mahkamah tinggi, 4 buah bilik bicara mahkamah sesyen dan 5 buah bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disiapkan dan disempurnakan penyerahan pada 1 Disember 2004 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 30 Oktober sehingga 30 Oktober 2006. Anggaran kos keseluruhan sebanyak RM39.5 juta.



**Gambar 9: Mahkamah Baru Seremban, Negeri Sembilan**

**ii. Kompleks Baru Mahkamah Sesyen/ Majistret Alor Setar, Kedah.**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru bagi menggantikan bangunan sedia ada. Bangunan baru tersebut mengandungi 4 buah bilik bicara mahkamah tinggi, 3 buah bilik bicara mahkamah sesyen dan 5 buah bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini disempurnakan penyerahannya pada 16 Mei 2005 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 6 Mac 2005 sehingga 5 Mac 2007. Anggaran kos keseluruhan adalah sebanyak RM36 juta.



**Gambar 10: Baru Kompleks Mahkamah Sesyen/Majistret Alor Setar, Kedah**

**iii. Mahkamah Baru Tangkak.**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi sebuah bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disempurnakan penyerahan pada 16 September 2005 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 28 Jun 2005 sehingga 27 Jun 2006. Anggaran kos keseluruhan adalah sebanyak RM4.5 juta.



**Gambar 11: Mahkamah Baru Tangkak, Johor**



#### iv. **Mahkamah Baru Maran**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi sebuah bilik bicara mahkamah majistret. Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion) telah dikeluarkan pada 27 Oktober 2005. projek ini disempurnakan penyerahannya pada 9 Disember 2005 dengan tempoh tanggunga kecacatan bermula dari 27 Oktober 2005 sehingga 26 Oktober 2006. anggaran kos keseluruhan sebanyak RM4.5 juta.



**Gambar 12: Mahkamah Baru Maran, Pahang**

#### v. **Ubahsuai bangunan lama Mahkamah Johor Bahru**

Projek ini melibatkan pengubahsuaian bangunan lama Mahkamah Johor Bahru yang mengandungi 5 buah bilik bicara mahkamah tinggi. Projek ini telah disempurnakan penyerahan pada 23 Mac 2006 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula 16 Februari 2006 sehingga 31 Mei 2007 selama setahun 3 bulan dan 14 hari. Anggaran kos keseluruhan adalah sebanyak RM10.5 juta.



**Gambar 13: Mahkamah Tinggi, Johor Bahru**

#### c) **Projek-Projek yang siap pada tahun 2007 hingga 2008**

Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak tujuh (7) projek bangunan mahkamah telah dapat

disiapkan sepenuhnya dan diserahkan milik kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut;

#### i. **Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi 30 buah bilik bicara mahkamah tinggi (12 jenayah dan 18 sivil), 21 buah bilik bicara mahkamah sesyen (9 jenayah dan 12 sivil), 26 buah bilik bicara mahkamah majistret (14 buah jenayah dan 12 sivil). Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 17 April 2007 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 1 Mac 2007 sehingga 28 Februari 2008. anggaran kos adalah sebanyak RM325 juta.



**Gambar 14: Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta**

#### ii. **Mahkamah Baru Baling.**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi 1 bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 4 Jun 2008 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 27 Februari 2007 hingga 27 Februari 2008. Anggaran kos adalah sebanyak RM5 juta.



**Gambar 15: Mahkamah Baru Baling, Kedah**



### iii. **Mahkamah Baru Kuala Krai.**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bilik bicara mahkamah majistret . Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 31 Julai 2007 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 25 Jun 2007 hingga 25 Jun 2008. Anggaran kos adalah sebanyak RM4.5 juta.



**Gambar 16: Mahkamah Baru Kuala Krai, Kelantan**

### iv. **Bangunan Tambahan Mahkamah Kota Bharu**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi ruang sokongan. Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 5 Disember 2007 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 29 Julai 2007 hingga 28 Julai 2008. Anggaran kos adalah sebanyak RM7.1 juta.



**Gambar 17: Bangunan Tambahan Mahkamah Kota Bharu, Kelantan**

### v. **Mahkamah Baru Beaufort**

Projek ini melibatkan pembinaan bangunan baru yang mengandungi sebuah bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 26 Ogos 2008 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari

26 Ogos 2008 hingga 25 Ogos 2009. Tarikh siap sebenar projek ini siap ialah pada 6 Disember 2006. Anggaran kos adalah sebanyak RM5.2 juta.



**Gambar 18: Mahkamah Baru Beaufort, Sabah**

### vi. **Mahkamah Baru Kuala Lipis**

Projek ini melibatkan pembinaan bangunan baru yang mengandungi sebuah bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 15 Februari 2008 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 9 Oktober 2007 hingga 9 Oktober 2008. Anggaran kos adalah sebanyak RM4.5 juta.



**Gambar 19: Mahkamah Baru Kuala Lipis, Pahang**

### vii. **Ubahsuai dan membina bangunan tambahan mahkamah Pulau Pinang**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi 5 bilik bicara mahkamah tinggi, 8 bilik bicara mahkamah sesyen dan 6 bilik bicara mahkamah majistret. Projek ini telah disempurnakan penyerahannya pada 7 Mac 2008 dengan tempoh tanggungan kecacatan bermula dari 15 Disember 2007 hingga 15 Disember 2008. Anggaran kos adalah sebanyak RM110 juta.



d) **Projek-Projek dalam peringkat pembinaan**

i. **Mahkamah Baru Petaling Jaya**

Mahkamah Sesyen/Majistret Petaling Jaya pada masa ini berada di tanah milik Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Bangunan lama ini menghadapi kesempitan ruang dan kekurangan kemudahan asas yang mendesak.

Terdapat dua buah bangunan di tapak sedia ada iaitu sebuah bangunan kayu yang menempatkan sebuah mahkamah majistret dan sebuah mahkamah sesyen. Keluasan ruang mahkamah yang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan aktiviti – aktiviti mahkamah sedia ada.

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru setinggi 4 tingkat dengan tingkat bawah tanah (basement) setingkat untuk menempatkan tiga mahkamah sesyen, lima mahkamah majistret dan stor penyimpanan fail tidak aktif bagi Zon Selangor Darul Ehsan (basement) serta bilik-bilik sokongan. Kos projek ini adalah sebanyak RM26.14 juta. Projek ini telah dimulakan pada 4 Julai 2006 dan dijangka siap pada 30 April 2009.



**Gambar 21: Mahkamah Baru Petaling Jaya, Selangor**

ii. **Mahkamah Baru Sesyen/Majistret Balik Pulau**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi dua buah mahkamah majistret. Kos projek ini ialah sebanyak RM13.53juta. Siling peruntukan projek ini ialah RM14.5juta. Projek ini telah dimulakan pada 26 Januari 2008 dan dijangka siap pada 18 Jun 2009.



**Gambar 22: Projek Mahkamah Baru Balik Pulau dalam pembinaan**

iii. **Mahkamah Baru Muar**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi dua mahkamah tinggi, 3 mahkamah sesyen dan 5 buah mahkamah majistret. Kos projek ini ialah RM76juta manakala siling peruntukan untuk projek ini ialah RM80.18juta. Projek ini telah dimulakan pada 17 Januari 2008 dan dijangka siap pada 20 Mei 2009.





**Gambar 23: Projek Mahkamah Baru Muar dalam pembinaan**

#### iv. **Mahkamah Baru Kajang**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi satu mahkamah sesyen dan dua mahkamah majistret. Kos projek ini ialah sebanyak RM34.5juta. Siling peruntukan ialah sebanyak RM37juta. Projek ini dimulakan pada 4 Mac 2008 dan dijangka siap pada 1 Mac 2010.



**Gambar 24: Projek Mahkamah Baru Kajang Dalam Pembinaan**

#### v. **Bangunan tambahan Mahkamah Sesyen/Majistret Shah Alam**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi 6 mahkamah majistret. Kos projek ini ialah sebanyak RM82juta. Siling peruntukan ialah RM84juta. Projek ini telah dimulakan pada 4 Mac 2008 dan dijangka siap pada 1 Mac 2010.



**Gambar 25: Projek Bangunan Tambahan Mahkamah Sesyen/Majistret Shah Alam Dalam Pembinaan**

#### vi. **Mahkamah Baru Sarikei**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi satu mahkamah majistret. Kos projek ini ialah RM6.84juta. Siling peruntukan ialah RM8.5juta. Projek ini telah dimulakan pada 14 Oktober 2008 dan dijangka siap pada 13 April 2010.





vii. **Mahkamah Baru Semporna**

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru yang mengandungi satu mahkamah majistret. Kos projek ialah RM7.5juta. Siling peruntukan ialah RM8.5juta. Projek ini telah bermula pada 18 mac 2008 dan dijangka siap pada 17 Disember 2009.

e) **Projek-Projek dalam peringkat perancangan dan reka bentuk**

- i. Mahkamah Baru Alor Gajah (2 buah Mahkamah Majistret)
- ii. Kompleks Mahkamah Baru Kota Kinabalu
  - satu Mahkamah Persekutuan
  - satu Mahkamah Rendah
  - tujuh Mahkamah Tinggi
  - sepuluh Mahkamah Sesyen
- iii. Bangunan baru Mahkamah Tinggi Shah Alam (dua belas mahkamah tinggi)

f) **Projek-Projek Peringkat Penentuan Tapak dan Pengambilalihan Tanah**

- i. Kompleks Mahkamah Baru Kangar
  - dua mahkamah tinggi
  - dua mahkamah sesyen
  - tiga mahkamah majistret
- ii. Mahkamah Baru Kluang (2 Mahkamah Majistret)
- iii. Mahkamah Baru Limbang (2 Mahkamah Majistret)
- iv. Mahkamah Baru Ampang (1 Mahkamah Sesyen dan 2 Mahkamah Majistret).
- v. Mahkamah Baru Kota Belud (1 Mahkamah Majistret)
- vi. Mahkamah Baru Tapah (2 Mahkamah Majistret)
- vii. Mahkamah Baru Besut (1 Mahkamah Majistret)
- viii. Mahkamah Baru Marang (1 Mahkamah Majistret)
- ix. Mahkamah Baru Kuala Berang (1 Mahkamah Majistret)
- x. Mahkamah Baru Sri Aman (1 Mahkamah Majistret)

xi. Bangunan tambahan Sesyen/Majistret Ipoh

- 2 Mahkamah Sesyen
- 2 Mahkamah Majistret

g) **Pembaikan/Ubahsuai Pembekalan dan alat – alat kemudahan**

Usaha-usaha bagi menyediakan kemudahan-kemudahan awam serta membaiki bangunan mahkamah sedia ada dibawah program ini telah diteruskan pada tahun 2008. Pada tahun 2008, daripada peruntukan yang diluluskan iaitu RM15,000,000 sebanyak RM13,568,856.17 telah dibelanjakan di bawah program ini bersamaan 90.46% (Jadual 8).

**Jadual 8: Jumlah Perbelanjaan Projek Pembaikan/Ubahsuai, Pembekalan dan Alat-alat Kemudahan, 2008**

| Bil.          | Negeri/perkara  | Perbelanjaan (RM)    |
|---------------|-----------------|----------------------|
| 1             | Pulau Pinang    | 337,000.00           |
| 2             | Sarawak         | 1,877,954.49         |
| 3             | Perak           | 956,495.20           |
| 4             | Selangor        | 1,048,933.00         |
| 5             | Sabah           | 1,673,419.50         |
| 6             | Pahang          | 1,429,535.50         |
| 7             | Negeri Sembilan | 500,402.80           |
| 8             | Kedah           | 83,068.68            |
| 9             | Johor           | 19,850.00            |
| 10            | Kelantan        | 359,115.00           |
| 11            | Terengganu      | 119,290.00           |
| 12            | Melaka          | 250,062.00           |
| 13            | Perlis          | 66,000.00            |
| 14            | Kuala Lumpur    | 234,235.00           |
| 15            | ICT BHEUU       | 4,604,495.00         |
| <b>JUMLAH</b> |                 | <b>13,568,856.17</b> |

h) **Pengkomputeran sistem Mahkamah**

Pada tahun 2008, daripada peruntukan yang diluluskan iaitu RM537,145 sebanyak RM529,568.30 telah dapat dibelanjakan di bawah program ini. Perbelanjaan ini melibatkan pembayaran kepada Solsis dan Perunding KPMG. Siling peruntukan RMK9 sebanyak RM32.5 juta manakala kos projek sebanyak RM23.78juta.

E-Kehakiman adalah Projek Pengkomputeran Mahkamah yang telah dibangunkan mulai tahun 2004 berdasarkan ISP Mahkamah. Ia



terdiri daripada 4 peringkat pembangunan. Pada tahap peringkat asas, 11 buah mahkamah perintis yang meliputi semua bidangkuasa di semua peringkat mahkamah di Putrajaya dan Kuala Lumpur telah melaksanakan e-kehakiman. Tujuan e-kehakiman adalah untuk menggantikan proses serta penyimpanan rekod manual kepada sistem berkomputer sebagai usaha untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pengurusan kes, pengagihan kes serta aktiviti pengesanan fail untuk kes perbicaraan.

Projek ini bermula pada 27 September 2004 di mana sistem utama e-kehakiman adalah Sistem Pengurusan Kes (CMS) yang menggunakan aplikasi berasaskan portal. Di antara fungsi CMS adalah untuk membantu mempercepatkan perbicaraan kes dengan lebih teratur dan terancang di dalam pengurusan kes-kes melalui modul-modul seperti pendaftaran kes, pengendalian kes selepas bicara, pengendalian pertanyaan, pemantauan kemajuan dan status kes serta mempertingkatkan laporan pengurusan yang boleh diintegrasikan dengan laporan dari sistem CRT (Court Recording Transcription)

**Jadual 9: Statistik Fail Kes Didaftarkan Melalui CMS (e-Kehakiman) mengikut Mahkamah, Januari - September 2008**

| Bil.          | Mahkamah                       | Jumlah Kes    |
|---------------|--------------------------------|---------------|
| 1             | Mahkamah Persekutuan           | 424           |
| 2             | Mahkamah Rayuan Malaysia       | 9,794         |
| 3             | Mahkamah Tinggi Sivil 1        | 973           |
| 4             | Mahkamah Tinggi Dagang 1       | 171           |
| 5             | Mahkamah Tinggi Jenayah 2      | 224           |
| 6             | Mahkamah Tinggi Keluarga       | 889           |
| 7             | Mahkamah Sesyen Sivil 9        | 1,924         |
| 8             | Mahkamah Sesyen Jenayah 1      | 135           |
| 9             | Mahkamah Majistret Sivil 1     | 1,132         |
| 10            | Mahkamah Majistret Jenayah 1   | 1,046         |
| 11            | Mahkamah Majistret Kanak-Kanak | 324           |
| <b>JUMLAH</b> |                                | <b>17,036</b> |

i) **Rumah Kediaman rasmi Hakim**

Pada tahun 2008, daripada peruntukan yang diluluskan iaitu RM185,000 sebanyak RM167,423.49 telah dibelanjakan dibawah

program ini (Jadual 10).

**Jadual 10: Prestasi pelaksanaan projek rumah kediaman rasmi hakim, 2008**

| Bil.          | Mahkamah                                                                                                                                              | Perbelanjaan (RM) |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1             | 1 RKRH Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu                                                                                                                  | -                 |
| 2             | 1 RKRH Mahkamah Tinggi Kuching                                                                                                                        | -                 |
| 3             | 1 RKRH Ketua Hakim Negara di Putrajaya (siap)<br>Tarikh serah bangunan : 18 September 2006<br>Tempoh Kecacatan: 17 September 2006 - 17 September 2007 | 162,133.74        |
| 4             | 2 RKRH Mahkamah Tinggi Shah Alam<br>Tarikh serah bangunan: 17 November 2006<br>Tempoh Kecacatan: 14 Oktober 2006 - 3 Oktober 2007                     | -                 |
| 5             | 1 RKRH Mahkamah Majistret Jasin                                                                                                                       | 5,289.75          |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                                                                                                       | <b>167,423.49</b> |

i. **Rumah Kediaman Rasmi Ketua Hakim Negara, Putrajaya**

Pembinaan Rumah Kediaman Rasmi Ketua Hakim Negara dimulakan pada 24 November 2004. Pembinaan yang pada asalnya dijangka siap dalam masa setahun, hanya dapat disiapkan pada 17 September 2006. projek ini menelan kos sebanyak RM8.6 juta.



**Gambar 26: Rumah Kediaman rasmi Ketua Hakim Negara, Putrajaya**



## ii Rumah Kediaman Rasmi Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam

Pada 26 Julai, dua rumah Kediaman Rasmi Hakim Mahkamah Tinggi di Shah Alam telahpun dimulakan pembinaan dan projek ini siap pada 13 Oktober 2006. Majlis penyerahan bangunan telah diadakan pada 17 November 2006. Projek menelan belanja sebanyak RM3.2juta.



**Gambar 27: Rumah Kediaman rasmi Hakim Mahkamah Tinggi, Shah Alam**

iii) Projek-Projek rumah hakim yang masih dalam proses mengenalpasti/ pengambilalihan tapak seperti berikut:

- RKRH Mahkamah Tinggi Muar
- RKRH Mahkamah Tinggi Taiping
- RKRH Mahkamah Tinggi Sandakan
- RKRH Mahkamah Tinggi Tawau
- RKRH Mahkamah tinggi Miri
- RKRH Mahkamah Tinggi Sibul
- RKRH Mahkamah Tinggi Pulau Pinang
- RKRH Mahkamah Tinggi Johor Bahru
- RKRH Mahkamah Majistret Kluang
- RKRH Mahkamah Tinggi Melaka
- RKRH Mahkamah Tinggi Terengganu

## j) Bangunan Penyimpanan Fail

Pada tahun 2008, daripada peruntukan yang diluluskan iaitu RM7,600,00 sebanyak RM7,475,128 telah dapat dibelanjakan di bawah program ini (Jadual 11).

**Jadual 11: Prestasi pelaksanaan projek Bangunan Penyimpanan Fail, 2008**

| Bil.          | Perkara                                                                                                                                                           | Perbelanjaan (RM)   |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| 1             | Bangunan Penyimpanan Fail di Selayang (siap)<br>Tarikh Siap : 6 April 2008<br>Tarikh Serah Bangunan : 7 Mei 2008<br>Tempoh Kecacatan : 6 April 2008- 6 April 2009 | 4,781,309.30        |
| 2             | Pusat Rekod JIM (siap)<br>Tarikh Siap : 29 Mei 2008<br>Tarikh Serah Bangunan : 13 Jun 2008<br>Tempoh Kecacatan : 30 Mei 2008 - 29 Mei 2009                        | 2,693,818.70        |
| 3             | Bangunan Penyimpanan fail di Sungai Petani, Kedah (dalam perancangan dan rekabentuk-bangunan 3 tingkat)                                                           | -                   |
| 4             | Bangunan Penyimpanan Fail di Batu Pahat, Johor                                                                                                                    | -                   |
| 5             | Bangunan Penyimpanan Fail di Kuala Terengganu                                                                                                                     | -                   |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                                                                                                                   | <b>7,475,128.00</b> |



# **Laporan Biro Bantuan Guaman (BBG)**







## SEJARAH

Biro Bantuan Guaman (BBG) diletakkan di bawah BHEUU dengan objektif utamanya ialah untuk memberi khidmat bantuan guaman dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada golongan yang kurang berkemampuan.

BBG telah ditubuhkan pada 15 September 1970 di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26). Pada peringkat awal penubuhannya, BBG memberi keutamaan kepada kes-kes kekeluargaan kerana kes-kes tersebut adalah peratusan terbesar yang memerlukan bantuan guaman dengan segera. Bidangkuasa BBG adalah meliputi pengendalian kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Sivil dan Syariah, di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Sivil dan Syariah di seluruh negara berkaitan kes penceraian, nafkah anak dan isteri, hak penjagaan anak bagi orang-orang Islam dan bukan Islam, mengikut undang-undang syariah dan sivil. Bilangan kes yang dikendalikan oleh BBG telah meningkat daripada setahun ke setahun semenjak ia ditubuhkan berikutan daripada perluasan bidangkuasa BBG, penambahan cawangan dan pegawai-pegawai di seluruh cawangan. Penambahan kes yang dikendalikan oleh BBG adalah amat ketara di mana pada tahun penubuhannya, BBG hanya mengendalikan 150 kes kekeluargaan dan pada tahun 2008 kes kekeluargaan sivil dan syariah telah meningkat sebanyak 168,810 kes. Sepanjang tahun 2008, BBG juga telah mengendalikan sebanyak 8,208 kes syariah, 2,220 kes sivil, 837 kes jenayah dan 15,912 khidmat nasihat.

BBG kini beroperasi melalui 22 cawangan di seluruh negara melalui cawangan negeri di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Perlis, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, Sarawak serta cawangan kecil di Muar, Gua Musang, Taiping, Langkawi, Raub, Labuan, Miri dan Sibul.

## MAKLUMAT KORPORAT BBG

### Visi

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan negara.

## Misi

Memberi bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutama kepada mereka yang kurang berkemampuan

## Objektif

Memberi bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkecukupan dengan cekap, tepat dan berkesan.


## Piagam Pelanggan

Kami berjanji:

1. Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi lima belas (15) minit;
2. Memastikan nasihat Undang-Undang diberi dengan cepat, tepat dan berkesan;
3. Memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak untuk mendapatkan khidmat pengantaraan;
4. Memastikan pemfailan kes-kes ke Mahkamah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap;
5. Memastikan perintah bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) minggu selepas diterima dari Mahkamah; dan
6. Memastikan nasihat Undang-Undang dan bantuan guaman diberikan secara efisien dan berkesan selaras dengan keperluan dan berasaskan prinsip kesamarataan disisi undang-undang.



# Carta Organisasi





## Maklumat Perjawatan

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Ibu Pejabat BBG pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                                                | Bilangan | Pengisian | Kekosongan |
|---------------------------------------------------------------------|----------|-----------|------------|
| Ketua Pengarah, Pegawai Undang-Undang Gred Utama B                  | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22                           | 1        | 1         | 0          |
| Pemandu                                                             | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                 | <b>3</b> | <b>3</b>  | <b>0</b>   |
| Timbalan Ketua Pengarah (Sivil), Pegawai Undang-Undang Gred Utama C | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22                           | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                 | <b>2</b> | <b>2</b>  | <b>0</b>   |
| <b>BAHAGIAN PEGUAM PANEL:</b>                                       |          |           |            |
| Pengarah, Pegawai Undang-Undang Gred L48                            | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                                     | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                                     | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17                      | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17                                 | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                                     | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                 | <b>6</b> | <b>6</b>  | <b>0</b>   |
| <b>BAHAGIAN PENGANTARAAN (SIVIL):</b>                               |          |           |            |
| Pengarah, Pegawai Undang-Undang Gred L48                            | 1        | 0         | 1          |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                                      | 1        | 0         | 1          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                                     | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L17                            | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah kecil</b>                                                 | <b>4</b> | <b>2</b>  | <b>2</b>   |
| <b>BAHAGIAN LITIGASI DAN NASIHAT (SIVIL):</b>                       |          |           |            |
| Pengarah, Pegawai Undang-Undang Gred L48                            | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                                     | 1        | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                                     | 2        | 2         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L17                            | 1        | 1         | 0          |
| <b>Jumlah kecil</b>                                                 | <b>5</b> | <b>5</b>  | <b>0</b>   |

|                                                    |           |           |          |
|----------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| <b>BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR:</b>            |           |           |          |
| Pengarah, Pegawai Undang-Undang Gred L52           | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Syariah Gred LS44                          | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                    | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                | <b>3</b>  | <b>3</b>  | <b>0</b> |
| <b>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN:</b>                |           |           |          |
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44             | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah kecil</b>                                | <b>1</b>  | <b>1</b>  | <b>0</b> |
| <b>UNIT PENTADBIRAN, PERKHIDMATAN DAN LATIHAN:</b> |           |           |          |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N27                   | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22          | 1         | 0         | 1        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22     | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17          | 2         | 0         | 2        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17     | 5         | 5         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah N11                         | 1         | 1         | 0        |
| Pemandu Kenderaan Gred R3                          | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat N1                             | 2         | 2         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                | <b>16</b> | <b>13</b> | <b>3</b> |
| <b>UNIT KEWANGAN DAN AKAUN:</b>                    |           |           |          |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N32                   | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Akauntan Gred W27                         | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22                | 1         | 0         | 1        |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17                | 5         | 4         | 1        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                    | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                        | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                | <b>11</b> | <b>9</b>  | <b>2</b> |
| <b>UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT:</b>                    |           |           |          |
| Pegawai Teknolgi Maklumat Gred F41                 | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29       | 2         | 2         | 0        |
| Juruteknik Komputer Gred FT17                      | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17                     | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                | <b>5</b>  | <b>5</b>  | <b>0</b> |





| UNIT PERPUSTAKAAN:                                          |           |           |          |
|-------------------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27                      | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Perpustakaan Gred S17                              | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                         | <b>2</b>  | <b>2</b>  | <b>0</b> |
| PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (SYARIAH):                  |           |           |          |
| Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) Pegawai Syariah Gred LS54 | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17                   | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                         | <b>2</b>  | <b>2</b>  | <b>0</b> |
| BAHAGIAN PENGANTARAAN (SYARIAH):                            |           |           |          |
| Pegawai Syariah Gred LS48                                   | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Syariah Gred LS41                                   | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Syariah Gred LS27                          | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Syariah Gred LS17                                  | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                             | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                         | <b>5</b>  | <b>5</b>  | <b>0</b> |
| BAHAGIAN LIGITASI DAN NASIHAT(SYARIAH):                     |           |           |          |
| Pengarah, Pegawai Syariah Gred LS48                         | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Syariah Gred LS41                                   | 1         | 1         | 0        |
| Penolong Pegawai Syariah Gred LS27                          | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                             | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                         | <b>4</b>  | <b>4</b>  | <b>0</b> |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                                         | <b>69</b> | <b>62</b> | <b>7</b> |

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### 1. PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan salah satu daripada 7 bahagian utama di Ibu Pejabat BBG dan bahagian ini telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan empat tugas utama iaitu dalam urusan pentadbiran, perkhidmatan dan latihan, kewangan dan akaun, teknologi maklumat dan perpustakaan. Bagi merealisasikan matlamat untuk meningkatkan kecekapan dalam aspek pengurusan, Bahagian Khidmat Pengurusan BBG telah disusun semula selaras dengan penstrukturan semula BBG pada tahun 2006.

Fungsi Bahagian Khidmat Pengurusan merangkumi segala urusan yang berkaitan dengan pentadbiran Jabatan, perkhidmatan dan sumber manusia, kewangan dan akaun, teknologi maklumat dan perpustakaan. Fungsi Bahagian ini adalah berdasarkan kepada 4 unit iaitu:

- Unit Pentadbiran, Perkhidmatan dan Latihan
- Unit Kewangan dan Akaun
- Unit Teknologi Maklumat
- Unit Perpustakaan

## 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut:

### 2.1 Ruang Pejabat Baru

Sehingga 31 Disember 2008, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menguruskan perkara berkaitan kontrak penyewaan 11 buah pejabat cawangan-cawangan BBG yang menyewa di bangunan swasta. Pejabat-pejabat tersebut adalah pejabat BBG cawangan Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Muar, Langkawi, Miri, Labuan, Sabah, Sibul, Gua Musang dan Kelantan.

### 2.2 Kursus dan Latihan

BBG sentiasa menggalakkan pegawai dan kakitangannya untuk meningkatkan kemajuan dan keupayaan diri melalui penyertaan program, latihan, kursus, bengkel serta seminar yang dianjurkan oleh Jabatan serta agensi seperti ILKAP, JPA, JPM, INSTUN, JKSM, INTAN, BHEUU, BBG dan lain-lain agensi. Sepanjang tahun 2008, seramai 245 orang pegawai dan kakitangan Jabatan telah mengikuti kursus yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing.

### 2.3 Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri adalah aktiviti tahunan BBG yang diadakan dua kali setahun. Walaubagaimanapun, pada tahun 2008, Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri hanya dapat dijalankan sekali sahaja kerana peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Tahun 2008 telah diadakan pada 02 hingga 05 Disember 2008 di Hotel Mahkota, Melaka. Melalui forum ini, pegawai-pegawai dapat mengenalpasti, merancang serta berbincang mengenai aktiviti Jabatan dan juga cawangan, serta pengendalian kes di mahkamah bagi maksud pencapaian sasaran kerja tahunan Jabatan. Mesyuarat tersebut juga merupakan forum bagi Pengarah-Pengarah Negeri dan Ketua Pengarah BBG menyelesaikan masalah-masalah berkaitan pengendalian kes-kes di Mahkamah serta berbincang mengenai isu pengurusan dan pentadbiran Jabatan. Antara isu



yang dibincangkan termasuklah pengurusan dan pengendalian kes-kes sivil, syariah dan jenayah di setiap cawangan, pengurusan kewangan serta isu-isu pentadbiran dan pengurusan cawangan BBG di seluruh negeri.

## 2.4 Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2008, BBG telah diluluskan peruntukan belanjawan mengurus sebanyak RM9,984,300.00. Peruntukan ini telah diagihkan kepada Ibu Pejabat dan semua cawangan BBG berdasarkan peruntukan kewangan yang telah diluluskan.

## BAHAGIAN SYARIAH

### 1. PENGENALAN

Bahagian Syariah merupakan salah satu daripada tujuh bahagian utama di Ibu Pejabat BBG Malaysia. Kehadiran Pegawai Syariah di BBG Malaysia bermula sejak tahun 1994 dengan penempatan awal seorang Pegawai Syariah di setiap negeri di Malaysia.

Perkembangan seterusnya bermula pada tahun 2006 dengan pengwujudan Bahagian Syariah di BBG dengan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) serta dibantu oleh Pengarah Bahagian Litigasi dan Nasihat (Syariah) dan Pengarah Bahagian Mediasi (Syariah). Sehingga tahun 2009, sebanyak 35 jawatan untuk pegawai Syariah, 35 jawatan untuk Penolong Pegawai Syariah dan 34 jawatan untuk Pembantu Syariah telah diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan mereka ditempatkan di 22 cawangan BBG di seluruh Malaysia.

Di setiap negeri, Penolong Pengarah Kanan Syariah (Gred LS 44) mengetuai unit tersebut dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Syariah dan Pembantu Syariah. Fungsi utama Bahagian ini adalah bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan Syariah melalui khidmat nasihat, pengantaraan dan guaman syarie.

Fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

- a) Memberi khidmat nasihat syariah serta khidmat guaman kepada pelanggan melibatkan Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah berdasarkan Bahagian IV, V dan Bahagian VI Jadual ketiga Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26).
- b) Memberikan Khidmat Pengantaraan Syariah kepada Pelanggan berdasarkan Bahagian V Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26).

- c) Mengurus atau mengendalikan latihan kemahiran kepeguaman kepada semua pegawai dan kakitangan.
- d) Memberi khidmat nasihat Syariah yang berkaitan hal ehwal kekeluargaan Islam mengikut Hukum Syarak.
- e) Memberi khidmat nasihat Syariah yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan Islam selaras dengan peruntukan Jadual Ketiga, Akta BBG 1971 dan mengendalikan sidang pengantaraan bagi kes hal ehwal kekeluargaan Islam selaras dengan Hukum Syarak dan Akta BBG 1971.
- f) Memberi khidmat nasihat atau mewakili pihak-pihak yang dibantu di Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah di seluruh Malaysia.
- g) Memberi khidmat penerangan dan menyebarkan maklumat berhubung isu-isu perundangan Islam kepada masyarakat.
- h) Mengurus atau mengendalikan program dan latihan untuk meningkatkan kecekapan dan kepakaran kepada pegawai dan kakitangan.
- i) Memantau dan mengawalselia pengendalian kes-kes Syariah di negeri-negeri dan cawangan-cawangan kecil.

### 2. AKTIVITI 2008

Sepanjang tahun 2008, aktiviti yang berjaya dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut:

#### a) Sesi Brainstorming

Melibatkan pegawai-pegawai Syariah dan Sivil julung kali diadakan pada 10 hingga 13 Jun 2008 di Hotel Merdeka Palace, Kuching bermatlamat semua pegawai di BBG memahami setiap aspek kerja samada melibatkan tindakan sivil dan syariah.

#### b) Mock Trial

Bahagian Syariah mengadakan kursus Mock Trial bagi Penolong Pegawai Syariah pada 24 sehingga 27 November 2008 di Hotel Seri Malaysia Port Dickson, Negeri Sembilan bertujuan memberikan pendedahan dan latihan yang praktikal mengenai pengendalian kes-kes syariah.

#### c) Lain-lain kursus yang dijalankan

Kursus ke arah mempertingkatkan kemahiran Kepada semua pegawai dan kakitangan Syariah, semua pegawai dihantar bagi menghadiri pelbagai kursus kemahiran seperti Jadual 12:

**Jadual 12: Pelbagai Kursus kemahiran Yang Dihadiri Pegawai/Kakitangan Bahagian Syariah, 2008**

| Bil. | Kursus                                                                   | Tarikh              | Tempat                                           | Peserta               |
|------|--------------------------------------------------------------------------|---------------------|--------------------------------------------------|-----------------------|
| 1.   | Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Tengah Siri 1/2008                          | 11-14 Januari 2008  | Hotel Quality, Kuala Lumpur                      | LS 48 – 44<br>5 Orang |
| 2.   | Program Bengkel Pemahaman Tatacara Mal Mahkamah Syariah LS44             | 27-30 Januari 2008  | Tiara Beach Resort Port Dickson, Negeri Sembilan | LS 44<br>3 Orang      |
| 3.   | Seminar Undang-Undang Syariah                                            | 28-30 Januari 2008  | ILKAP                                            | LS 41<br>4 Orang      |
| 4.   | Kursus Penyiasatan Dan Penguatkuasaan (JKSM)                             | 11-3 Februari 2008  | ILKAP                                            | LS 41<br>2 Orang      |
| 5.   | Program Bengkel Pemahaman Undang-Undang Keterangan Hotel De Palma Ampang | 11-14 Februari 2008 | Hotel De Palma Ampang                            | LS 41<br>4 Orang      |
| 6.   | Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Utara Siri 1/2008                           | 22-25 Februari 2008 | Hotel Cititel Pulau Pinang                       | LS 44 – 41<br>5 Orang |
| 7.   | Program Kursus Keselamatan Maklumat (Zon Tengah)                         | 25-28 Februari 2008 | Hotel Ancasa Kuala Lumpur                        | LS 54 – 41<br>7 Orang |
| 8.   | Kursus Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Mahkamah JKSM             | 24-28 Mac 2008      | ILKAP                                            | LS 41<br>2 Orang      |
| 9.   | Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Pantai Timur Siri 1/2008                    | 21-24 Mac 2008      | Permai Inn Kuala Terengganu, Terengganu          | LS 44 – 41<br>9 Orang |
| 10.  | Program Kursus Persediaan Mediasi                                        | 24-27 Mac 2008      | Hotel Ancasa Kuala Lumpur                        | LS 44 – 41<br>2 Orang |
| 11.  | Program Bengkel Asas Metodologi Penyelidikan                             | 14-17 April 2008    | Hotel Prescott Metro Inn, Kajang Selangor        | LS 41<br>8 Orang      |
| 12.  | Program Kursus Pengurusan Faraid (Lanjutan)                              | 12-15 Mei 2008,     | Hotel Equotarial Cameron Highlands               | LS 41<br>5 Orang      |
| 13.  | Program Kelas Pengajian Tafaqquh Zon Tengah Siri 1/2008 (Kumpulan 2)     | 23-26 Mei 2008      | Hotel Quality Kuala Lumpur                       | LS 41<br>6 Orang      |
| 14.  | Program Kursus Seni Guaman                                               | 26-29 Mei 2008      | Hotel Quality City Centre, Kuala Lumpur          | LS 44 – 41<br>6 Orang |
| 15.  | Program Kursus Keselamatan Maklumat (Zon Utara)                          | 5-8 Mei 2008        | Bayview Hotel Langkawi                           | LS 44 – 41<br>6 Orang |
| 16.  | Program Kursus Seni Pengukuhan Integriti                                 | 1-3 Jun 2008        | Hotel Quality Shah Alam                          | LS 54 – 48<br>3 Orang |
| 17.  | Program Kursus Intensif Bahasa Arab, Kursus Khas Kehakiman Syariah,      | 9-13 Jun 2008       | Hotel Residence @ UNITEN Kajang                  | LS 48 – 44<br>3 Orang |
| 18.  | Program Kursus Psikoterapi Kanak-kanak (Lanjutan)                        | 17-19 Jun 2008      | Hotel Bayview Melaka                             | LS 54 – 48<br>2 Orang |
| 19.  | Program Kursus Pemahaman Undang-Undang & Seni Guaman                     | 2-6 Mac 2008        | ESSET Bangi, Selangor                            | LS 27<br>35 Orang     |
| 20.  | Program Kursus Pemahaman Faraid                                          | 5-8 Mei 2008        | Hotel De Palma, Shah Alam Selangor               | LS 27<br>1 Orang      |
| 21.  | Program Kursus Pemahaman Faraid                                          | 5-8 Mei 2008        | Hotel De Palma, Shah Alam Selangor               | LS 17<br>1 Orang      |



Ke arah memperkembangkan lagi Bahagian Syariah, perancangan jangka pendek dan panjang BBG telah dan sedang di jalankan, ianya melibatkan tindakan menaiktaraf jawatan-jawatan tertentu di bahagian ini dan juga mewujudkan beberapa cawangan baru di seluruh Malaysia. Di samping meningkatkan pengurusan kes syariah melalui teknologi maklumat (IT) dengan menggunakan Case Management System (CMS).

Bidangkuasa Syariah BBG juga akan diperluaskan dengan adanya cadangan memasukkan pindaan Jadual Kedua dan Ketiga Akta Bantuan Guaman di mana bantuan guaman juga akan diperluaskan kepada kes-kes Jenayah Syariah di peringkat mitigasi dan juga melibatkan perluasan bidang kuasa mal untuk kes-kes Syariah sahaja dan juga amalan di mahkamah syariah.

Asas pertimbangannya adalah supaya semua pihak dapat dibantu untuk penyelesaian sebarang kes dan juga setiap kes dapat diadili dan diselesaikan dengan cepat dan kemudahan kepada pelanggan berurusan dengan BBG.

#### 4. PENCAPAIAN 2008

Statistik kes-kes syariah bagi tahun 2008 yang telah didaftarkan ialah : Cerai Syariah sebanyak 4,011, Nafkah Syariah 1,611, Harta Sepencarian Syariah 409, Jagaan Syariah 1,002, Mutaah 488, Menguatkuasakan perintah Syariah 429, Perubahan Perintah Syariah 1,211 dan Rayuan Syariah 2 kes. Jumlah kes yang didaftarkan oleh 22 cawangan untuk tahun 2008 berjumlah 8,816 kes. Statistik bagi tahun 2008 adalah seperti berikut ;

### UNIT LITIGASI DAN NASIHAT

#### 1. PENGENALAN

Unit Litigasi dan Nasihat (Sivil) adalah merupakan suatu unit di bawah Bahagian Sivil di ibu pejabat BBG Malaysia, Putrajaya yang bertanggungjawab untuk memantau, mengawal selia urusan pengendalian serta pentadbiran kes di cawangan-cawangan BBG serta memberi nasihat dalam semua perkara yang berhubungkait dengan litigasi kepada para pegawai serta kakitangan di semua 23 cawangan BBG di seluruh negara termasuk ibu pejabat.

Fungsi Unit adalah seperti berikut:

- a. Memantau, menyelia serta memberi nasihat dalam semua perkara yang berhubungkait dengan litigasi kepada para pegawai dan kakitangan di semua 23 cawangan BBG.

- b. Berguam dengan mewakili mana-mana anak guam dari mana-mana cawangan BBG di mana-mana Mahkamah di Malaysia dalam apa-apa prosiding yang berhubungkait dengan apa-apa perkara yang di bawah bidangkuasa BBG sebagaimana yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga kepada Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta) atas arahan Ketua Pengarah/Timbangan Ketua Pengarah apabila diperlukan dari semasa ke semasa.
- c. Memberi khidmat nasihat undang-undang kepada orang awam yang bermastautin dan berada di Malaysia bagi pemohon-pemohon sama ada yang dikemukakan oleh pelanggan yang hadir ke ibu pejabat atau secara "on line" selaras dengan peruntukan Jadual Keempat, Seksyen 29 (1) Akta.
- d. Mengendalikan program-program yang melibatkan mesyuarat pengarah-pengarah negeri, persidangan tahunan dan juga latihan/kursus dalaman kepada semua pegawai dan kakitangan.
- e. Menyediakan perkhidmatan klinik nasihat undang-undang dengan mengadakan program-program mengenai kesedaran undang-undang kepada orang ramai, badan-badan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan tinggi dan sebagainya dari semasa ke semasa.

#### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

##### a) **Berguam di Mahkamah-Mahkamah di Seluruh Malaysia**

Pada tahun 2008, BBG telah mengendalikan sebanyak 8208 kes syariah, 2024 kes keluarga sivil, 197 kes sivil dan 837 kes jenayah serta 15912 khidmat nasihat di seluruh Malaysia. Kes-kes keluarga sivil melibatkan kes-kes seperti nafkah, perubahan perintah nafkah, penguatkuasaan perintah nafkah, cerai dan jagaan anak. Kes-kes sivil pula adalah seperti pampasan pekerja, penanam padi, harta pesaka kecil, kemalangan, pinjaman wang, sewa beli, surat mentadbir pesaka, anak angkat dan tuntutan pengguna. Manakala litigasi jenayah pula adalah terhad kepada mitigasi sahaja di mana anakguam mengaku salah terhadap tuduhan dan mitigasi/pembelaan di dalam kes-kes jenayah dan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 selaras dengan peruntukan Jadual Kedua Akta. Pengendalian kes sivil dan jenayah oleh BBG adalah melibatkan prosiding di Mahkamah Rendah, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi serta Mahkamah Rayuan di seluruh Malaysia





yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai BBG di peringkat cawangan-cawangan di seluruh negara. Secara keseluruhannya bilangan kes yang dikendalikan oleh BBG pada tahun 2008 adalah seperti di Jadual 13

Jadual 13: Statistik Kes-Kes Sivil Sepanjang Tahun 2008

| Jenis Kes          | Jumlah Kes Didaftarkan | Jumlah Kes Selesai | Jumlah Kes Belum Selesai |
|--------------------|------------------------|--------------------|--------------------------|
| Kes Keluarga Sivil | 2024                   | 2095               | 3743                     |
| Kes Sivil          | 196                    | 411                | 841                      |
| Kes Jenayah        | 837                    | 776                | 380                      |
| JUMLAH             | 3057                   | 3282               | 4964                     |

b) Nasihat Guaman

Unit Litigasi & Nasihat juga bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dalam segala perkara di bawah Jadual Keempat Akta Bantuan Guaman 1971. Sepanjang tahun 2008 seramai 15,912 orang telah hadir ke BBG untuk mendapatkan khidmat nasihat.

Cawangan-cawangan BBG juga telah mengadakan program-program promosi secara aktif dan menyeluruh di mana klinik-klinik nasihat guaman bergerak di kawasan-kawasan kampung bagi memberikan perkhidmatan kepada mereka yang jauh di pedalaman yang tidak dapat hadir ke pejabat-pejabat BBG. Sepanjang Tahun 2008, pelbagai program promosi telah dikendalikan oleh kesemua 23 cawangan BBG di seluruh negara yang termasuk hebahan media massa, klinik guaman, program sehari bersama pelanggan serta penampalan poster di Jabatan Kerajaan, tempat awam, penjara, balai raya, pejabat penghulu, mahkamah bagi membolehkan lebih ramai orang awam mendapat khidmat nasihat dan bantuan guaman dari BBG. Secara keseluruhannya bilangan khidmat nasihat yang dikendalikan oleh BBG pada tahun 2008 adalah seperti di Jadual 14.

Jadual 14: Bilangan Khidmat Nasihat , 2008

| Cawangan            | Bil. Khidmat Nasihat |
|---------------------|----------------------|
| Putrajaya           | 214                  |
| Perlis              | 729                  |
| Kedah               | 837                  |
| Pulau Pinang        | 933                  |
| Perak               | 1298                 |
| Wilayah Persekutuan | 2283                 |
| Selangor            | 366                  |
| Negeri Sembilan     | 741                  |
| Melaka              | 1136                 |
| Johor Bahru         | 957                  |
| Pahang              | 397                  |
| Terengganu          | 303                  |
| Kelantan            | 534                  |
| Sarawak             | 851                  |
| Sabah               | 2067                 |
| Langkawi            | 549                  |
| Taiping             | 337                  |
| Muar                | 87                   |
| Gua Musang          | 370                  |
| Raub                | 433                  |
| Miri                | 60                   |
| Sibu                | 206                  |
| Labuan              | 224                  |
| JUMLAH              | 15912                |

c) Kursus Khas BBG

Kursus Khas BBG telah diadakan pada 3 hingga 6 Mac 2008 dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan dihadiri oleh Pegawai Undang-Undang dan Pembantu Undang-Undang BBG Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta dari seluruh cawangan.

Kursus ini telah memberi pendedahan mengenai penyediaan fakta-fakta kes yang bersistematik



dalam setiap prosiding sebelum pliding difailkan ke mahkamah. Kursus ini juga meningkatkan kemahiran seni kepeguaman dan melatih pegawai tentang selok-belok mengendalikan kes-kes BBG di Mahkamah.

#### d) Sesi Brain-storming Pegawai dan Kakitangan Sivil dan Syariah BBG

Sesi Brain-storming pegawai dan kakitangan Sivil dan Syariah BBG telah diadakan di Kuching Sarawak pada 10 hingga 13 Jun 2008. Sesi ini dihadiri oleh Ketua Pengarah BBG, Timbalan Ketua Pengarah Sivil dan Syariah, Pengarah-Pengarah Litigasi dan Nasihat Sivil dan Syariah, Pengantaraan dan Peguam Panel serta pegawai-pegawai kanan BBG daripada Ibu Pejabat. Juga turut hadir di sesi tersebut adalah para pegawai dan kakitangan BBG yang mengendalikan litigasi sivil dan syariah di cawangan Sarawak (Kuching, Miri dan Sibul), Sabah (Kota Kinabalu) dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sesi Brain-storming ini diadakan bertujuan untuk bertukar fikiran antara pegawai BBG, pejabat dan cawangan BBG untuk mengenal pasti isu-isu semasa, berkaitan pengendalian kes di mahkamah sivil, kes syariah dan jenayah serta membincangkan isu-isu penting berkaitan pengurusan dan pentadbiran cawangan-cawangan Sarawak, Sabah dan Labuan. Isu-isu yang dibangkitkan telah melalui perbincangan-perbincangan secara terbuka dan sesi-sesi bersama Pengurusan Tertinggi Ibu Pejabat yang "turun padang" ke cawangan-cawangan untuk mendapatkan "first-hand knowledge" tentang permasalahan-permasalahan yang sering dihadapi di cawangan-cawangan.

Isu yang dikenalpasti untuk dibincangkan termasuklah isu kes-kes yang tertunggak, masalah-masalah yang berbangkit daripada pengendalian kes dalam mahkamah, penyeragaman ujian kemampuan di peringkat cawangan, isu bidangkuasa yang kurang jelas sebelum pemohon boleh diwakili oleh pihak BBG serta penyelarasan dan penyeragaman tatacara dan amalan kerja selaras dengan peruntukan Akta 26 dan Arahan Ketua Pengarah yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, sesi ini juga bertujuan untuk mengenalpasti serta menyelesaikan isu-isu pengendalian kes-kes di mahkamah, khidmat nasihat Sivil dan Syariah, Peguam Panel serta Pengantaraan Sivil dan Syariah yang berbangkit di cawangan Sarawak (Kuching, Miri dan Sibul), Sabah (Kota Kinabalu) dan Wilayah Persekutuan Labuan.



**Gambar 30: Sesi Brain-storming pegawai dan kakitangan Sivil dan Syariah BBG pada 10 hingga 13 Jun 2008 di Hotel Merdeka Palace, Kuching Sarawak.**

#### e) Klinik Khidmat Nasihat Undang-Undang

- i. Klinik Undang-Undang anjuran Fakulti Undang-Undang UPM Serdang Selangor telah diadakan pada 15-27 Mac 2008 di Universiti Putra Serdang Selangor. Program telah diadakan untuk memberi kesedaran mengenai hak-hak seseorang individu di sisi undang-undang kepada warga UPM serta memberi khidmat nasihat tentang pelbagai undang-undang negara.
- ii. Membantu BBG cawangan Wilayah Persekutuan untuk mengadakan Klinik Khidmat Nasihat Undang-Undang/Road-Show di Wisma MCA, Jalan Ampang Kuala Lumpur pada 21 Mei 2008 dan di Surau An-Nurhidayah, PPR Pantai Permai Jalan Pantai dalam Kuala Lumpur pada 21 Jun 2008. Tujuannya adalah untuk memastikan orang awam khususnya orang yang kurang berkemampuan sedar akan hak mereka di sisi undang-undang dan mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh BBG.

#### f) Promosi BBG

Promosi BBG telah dianjurkan sepanjang tahun oleh Ibu Pejabat, pejabat-pejabat negeri dan cawangan BBG. Promosi BBG diadakan di Mahkamah, balai raya, dewan masyarakat, pejabat kerajaan, pusat membeli belah, penjara dan tempat-tempat awam yang lain. Promosi ini juga di adakan dengan NGO dan badan-badan bukan kerajaan untuk menyebarkan maklumat berkaitan peranan, fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh BBG kepada orang awam. Ianya juga untuk



memastikan orang awam khususnya orang yang kurang berkemampuan sedar akan hak mereka di sisi undang-undang.

Hasil daripada promosi yang telah dilaksanakan jelas menunjukkan pada tahun di bawah laporan ini, iaitu tahun 2008 terdapat pertambahan kes-kes yang dikendalikan oleh BBG dari tahun-tahun sebelumnya, iaitu tahun 2007 dan 2006. Pertambahan kes-kes ini juga dapat dilaksanakan dengan agak baik dengan penambahan pegawai-pegawai undang-undang secara kontrak dari semasa ke semasa di BBG (Jadual 15)

**Jadual 15: Bilangan Khidmat nasihat BBG, 2006 - 2008**

| Cawangan            | 2006         | 2007         | 2008         |
|---------------------|--------------|--------------|--------------|
| Putrajaya           | 32           | 156          | 224          |
| Perlis              | 167          | 381          | 214          |
| Kedah               | 265          | 396          | 729          |
| Pulau Pinang        | 211          | 169          | 837          |
| Perak               | 731          | 669          | 933          |
| Wilayah Persekutuan | 1394         | 1144         | 1298         |
| Selangor            | 1389         | 2400         | 2283         |
| Negeri Sembilan     | 620          | 301          | 366          |
| Melaka              | 470          | 545          | 741          |
| Johor bahu          | 997          | 1323         | 1136         |
| Pahang              | 671          | 546          | 957          |
| Terengganu          | 506          | 392          | 397          |
| Kelantan            | 596          | 480          | 303          |
| Sarawak             | 119          | 145          | 534          |
| Sabah               | 1097         | 412          | 851          |
| Langkawi            | 196          | 1483         | 2067         |
| Taiping             | 543          | 460          | 549          |
| Muar                | 251          | 293          | 337          |
| Gua Musang          | 51           | 102          | 87           |
| Raub                | 208          | 197          | 370          |
| Miri                | 132          | 242          | 433          |
| Sibu                | 78           | 5            | 60           |
| Labuan              | 87           | 97           | 206          |
| <b>JUMLAH</b>       | <b>10811</b> | <b>12338</b> | <b>15912</b> |

g) **Menyediakan statistik mengenai kes-kes yang dikendalikan oleh BBG**

Penyediaan statistik ini adalah untuk rujukan dan pemantauan bagi mengenalpasti beban tugas setiap cawangan dan mengukur prestasi penyampaian perkhidmatan BBG dengan tepat. Statistik ini juga turut dibentangkan semasa mesyuarat ketua jabatan yang diadakan setiap

bulan bagi menilai prestasi cawangan. Laporan statistik juga dikemukakan kepada jabatan dan agensi kerajaan serta NGO yang memerlukan. Ianya juga disediakan untuk memberi jawapan kepada soalan yang dibangkitkan di Parlimen.

h) **Memantau serta mengendalikan kes-kes sivil di Mahkamah Tinggi Kuantan bagi cawangan BBG Pahang.**

Di samping mengendalikan tugas-tugas pemantauan, penyeliaan dan memberi nasihat, Pengarah Litigasi dan Nasihat juga telah mengendalikan kes-kes BBG Cawangan Pahang dengan berguam di Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Kuantan, Pahang Darul Makmur dari semasa ke semasa sejak Januari 2008 hingga Januari 2009 bagi memastikan pengendalian kes-kes BBG cawangan Pahang dapat diteruskan ekoran pertukaran Pengarah Negeri cawangan Pahang tanpa pengganti sejak Oktober 2007 sehingga kini.

## BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR

### 1. PENGENALAN

Bahagian Penyelidikan Dan Dasar adalah merupakan salah satu daripada 7 bahagian utama di Ibu Pejabat BBG yang bertanggungjawab menjalankan fungsi penyelidikan dan pengurusan Perpustakaan BBG.

Fungsi Bahagian adalah sepertimana berikut:

- Menggubal dan menyemak Peraturan-Peraturan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.
- Mengkaji, Menggubal dan menyemak cadangan pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971.
- Menjadi ahli Panel Aduan Undang-Undang.
- Membuat kajian dan penyelidikan berkenaan proses dan isu undang-undang yang melibatkan BBG.
- Menganjurkan, memantau dan menyelaras program dan aktiviti BBG sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa seperti operasi fail.
- Melaksanakan program hebahan dan hasil kajian serta literasi undang-undang kepada orang awam khususnya golongan yang kurang berkemampuan.

### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

Sepanjang tahun 2008, Unit ini telah menjalankan aktiviti yang berikut:



- (a) Membuat kajian berkaitan dengan undang-undang yang hendak dipinda yang melibatkan undang-undang bantuan guaman;
- (b) Mengemaskini Akta Bantuan Guaman 1971;
- (c) Menggubal Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Bantuan Dan Nasihat) 2007;
- (d) Mengumpul maklumat mengikut kategori bagi kes syariah dan sivil yang di bawah bidang kuasa BBG;
- (e) Menyelaras dan memberi nasihat undang-undang kepada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan orang awam dalam semua perkara undang-undang.
- (f) Mengumpul maklumat dan data serta koleksi bahan perundangan, bagi memastikan semua bahan dan data dapat dikesan dan diperolehi dengan cepat dan tepat.
- (g) Menjalankan sistem Operasi fail di Ibu Pejabat dan semua cawangan BBG seluruh negara.

**Jadual 16: Jadual Aktiviti lain BBG, 2008**

| Bil. | Tarikh           | Aktiviti                                                                                                                                             | Tempat                                                    |
|------|------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| 1.   | 15 Feb 2008      | Penceramah persediaan PTK 1 dan 2 Siri 7 bil 1/2008                                                                                                  | Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) Bangi  |
| 2.   | 29 Feb 2008      | Pencalonan penceramah bagi kursus Persediaan PTK untuk Pembantu Undang-Undang                                                                        | Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) Bangi  |
| 3.   | 18-19 Mac 2008   | Mesyuarat Pindaan Kepada Akta Bantuan Guaman                                                                                                         | Bilik Mesyuarat Utama BBG (BBG)                           |
| 4.   | 27 Mac 2008      | Klinik Undang-Undang                                                                                                                                 | Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang                   |
| 5.   | 3 April 2008     | Majlis Taklimat Ketua Pengarah YB Senator Datuk Zaid Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri                                                     | Aras 10, Bilik Gerakan, BHEUU                             |
| 6.   | 11-14 April 2008 | Persidangan Bersama Pegawai Bahagian Gubalan JPN, JIM, BBG dan ILKAP tahun 2008                                                                      | Primula Beach Resort, Kuala Terengganu, Terengganu        |
| 7.   | 4 April 2008     | Mesyuarat Persediaan Percambahan Fikiran Sivil dan Syariah                                                                                           | Bilik Mesyuarat Ketua Pengarah BBG (BBG)                  |
| 8.   | 28 April 2008    | Cadangan bagi taklimat persembahan sistem E-Filing oleh Formis                                                                                       | Istana Kehakiman, Putrajaya                               |
| 9.   | 30 April 2008    | Taklimat tentang penyelidikan mengenai perkhidmatan BBG, pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA)                                                 | Bilik mesyuarat utama BBG (BBG)                           |
| 10.  | 12-14 Mei 2008   | Kursus "Islamic Banking and Finance"                                                                                                                 | Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) Bangi  |
| 11.  | 9 Mei 2008       | Mesyuarat Operasi Fail Kes Sivil dan Syariah BBG (BBG) Malaysia                                                                                      | Bilik Mesyuarat Utama BBG (BBG)                           |
| 12.  | 27 Mei 2008      | Sesi Taklimat Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam                                                                                  | Bilik Mesyuarat, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) |
| 13.  | 11 Ogos 2008     | Mesyuarat Penstrukturan semula BBG (BBG)                                                                                                             | Bilik Mesyuarat Ketua Pengarah BBG (BBG)                  |
| 14.  | 20 Ogos 2008     | Mesyuarat Panel PTK 1 dan 2 bagi Pegawai Undang-Undang Gred L41 Bil 8/2008                                                                           | Jabatan Peguam Negara (JPN)                               |
| 15.  | 25 Ogos 2008     | Mesyuarat Penstrukturan semula BBG (BBG)                                                                                                             | Bilik mesyuarat Ketua Pengarah BBG (BBG)                  |
| 16.  | 5 September 2008 | Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan bagi Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke Skim Pembantu Undang-Undang Gred L29 Bil 2/2008 | Istana Kehakiman, Putrajaya                               |
| 17.  | 4 November 2008  | Mesyuarat Ketua Pengarah Bersama Pegawai BBG Negeri Selangor                                                                                         | Bilik mesyuarat utama BBG                                 |
| 18.  | 21 November 2008 | Mesyuarat membincangkan persediaan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri BBG                                                                            | Bilik Mesyuarat Utama BBG                                 |
| 19.  | 24 November 2008 | Mesyuarat lanjutan "Arahan Pengarah"                                                                                                                 | Bilik Mesyuarat Utama BBG                                 |





## UNIT PEGUAM PANEL

### 1. PENGENALAN

Peguam Panel ialah peguam swasta yang dilantik oleh Ketua Pengarah BBG Malaysia di bawah seksyen 5 Akta Bantuan Guaman, 1971 untuk mengendalikan kes-kes Sivil, Syariah dan Jenayah di Mahkamah-Mahkamah Sivil, Syariah dan Jenayah di Malaysia. Berdasarkan prinsip keadilan, BBG tidak boleh mewakili atau mengendalikan kes-kes di mana kedua-dua pihak yang bertikai adalah anakguam BBG. Kes-kes yang diserahkan kepada peguam panel dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Bantuan dan Nasihat Guaman (Pindaan) 2000. Kos perkhidmatan Peguam Panel ditanggung sepenuhnya oleh BBG.

Fungsi Unit adalah seperti berikut

- a) Menerima, menyemak dan memproses permohonan cawangan untuk penyerahan kes kepada peguam panel yang dilantik.
- b) Menerima, menyemak, meluluskan dan melantik peguam swasta untuk menjadi peguam panel BBG.
- c) Membuat pembayaran ke atas bil-bil tuntutan fi guaman yang dikemukakan oleh peguam panel setelah kes selesai dikendalikan.
- d) Memproses permohonan cawangan dan anakguam untuk mendapatkan Sijil Pengecualian Menteri bagi kes-kes luar bidang kuasa BBG.
- e) Mengawal, menyelia dan memantau perkembangan kes-kes yang telah diserahkan dan sedang dikendalikan oleh peguam panel.

Permohonan untuk penyerahan kes kepada peguam panel perlu mendapat kelulusan dari Ketua Pengarah terlebih dahulu. Kes-kes yang diserahkan kepada peguam panel adalah terdiri daripada kes-kes di mana kedua-dua anakguam BBG layak untuk mendapat Bantuan Guaman dan kes-kes yang rumit. Sepanjang tahun 2008 sebanyak 320 kes sivil dan syariah telah diserahkan kepada peguam panel untuk dikendalikan. Jumlah kes yang dikendalikan oleh Unit Peguam Panel mengikut cawangan adalah seperti di Jadual 1. Daripada jumlah ini 308 kes adalah kes syariah dan 12 kes adalah kes sivil. Jumlah ini menunjukkan kes syariah merupakan 96.2% daripada jumlah kes yang diserahkan oleh BBG kepada peguam panel. Kebanyakan daripada kes-kes syariah yang diserahkan untuk dikendalikan oleh peguam panel adalah merupakan kes-kes yang mana kedua-dua pihak adalah layak mendapat bantuan guaman. Negeri Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan

adalah merupakan negeri-negeri yang paling banyak menyerahkan kes untuk dikendalikan oleh peguam panel. Sehingga kini kes-kes yang masih di dalam pengendalian peguam panel diseluruh negara adalah sebanyak 1092 kes.

Selain itu, Unit Peguam Panel juga bertanggungjawab memproses permohonan peguam swasta untuk menjadi peguam panel BBG. Mana-mana peguam yang memiliki sijil amalan guaman layak memohon untuk menyertai peguam panel di BBG. Untuk memohon, seorang peguam perlu mengemukakan profil peribadi dan maklumat mengenai pengalaman dan kepakarannya didalam sesuatu bidang serta sijil amalan guaman yang sah. Sehingga kini terdapat 314 orang peguam dari seluruh Malaysia telah didaftarkan sebagai peguam panel BBG.

Sepanjang tahun 2008 sebanyak 126 kes telah dapat diselesaikan oleh Peguam Panel BBG yang melibatkan pembayaran sebanyak RM144,492.09. Walau bagaimanapun bayaran perkhidmatan yang dibayar kepada peguam panel bagi kes-kes BBG adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan caj sebenar yang dikenakan oleh peguam swasta. Kadar bayaran ini menyebabkan peguam swasta kurang berminat untuk mengenadlikan kes-kes BBG. Namun demikian peguam swasta juga memahami bahawa perkhidmatan yang diberikan kepada BBG adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada masyarakat yang kurang berkemampuan.

## UNIT PENGANTARAAN

### 1. PENGENALAN

Unit Pengantaraan ialah satu unit di BBG yang memberi perkhidmatan pengantaraan dan mengendalikan sidang pengantaraan bagi kes-kes sivil dan syariah yang tersenarai di dalam Jadual Ketiga Akta Bantuan Guaman 1971. Unit ini telah mula diperkenalkan pada tahun 2001 melalui pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971, adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian diantara pihak-pihak di luar mahkamah secara sukarela dan damai tanpa perlu kepada perbicaraan.

Adalah menjadi objektif Unit Pengantaraan untuk memberi perkhidmatan pengantaraan kepada mereka yang berkecukupan dengan cekap, tepat dan berkesan dan juga memastikan bahawa sidang pengantaraan diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh persetujuan untuk pengantaraan oleh pihak-pihak dibuat.



Fungsi unit adalah seperti berikut

- a) Mengadakan sesi pengantaraan dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh perjanjian persetujuan untuk pengantaraan ditandatangani;
- b) Menyaksikan pihak-pihak menandatangani perjanjian persetujuan untuk pengantaraan;
- c) Menjalankan pengantaraan setelah sesuatu kes didaftarkan;
- d) Menyediakan perjanjian penyelesaian selepas penyelesaian dicapai oleh pihak-pihak dalam sesi pengantaraan.
- e) Menyaksikan pihak-pihak menandatangani perjanjian penyelesaian.
- f) Menyerahkan fail kes yang telah melalui sidang pengantaraan kepada unit ligitasi untuk merekodkan penghakiman persetujuan di mahkamah

## 2. AKTIVITI 2008

### a) **Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan**

Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantara telah diadakan pada 22 hingga 25 April 2008 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi latihan teknik kemahiran dengan kemahiran, pengetahuan serta pendedahan teknik pengendalian sidang pengantara bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan semasa sesi pengantaraan dijalankan.

Selain itu, kursus ini juga telah memberi ruang untuk Pengantara daripada seluruh negara berbincang mengenai isu-isu yang berbangkit daripada cawangan masing-masing bagi isu-isu semasa yang berkaitan dengan pengantaraan di BBG.



**Gambar 31: Kursus Peningkatan Kemahiran Pengantaraan pada 22 hingga 25 April 2008 di Hotel Ancasa, Kuala Lumpur.**

Kursus ini telah berjaya melatih dan memberi pendedahan berkaitan dengan Khidmat Pengantaraan dan Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Pengantaraan) 2006 kepada pegawai BBG.

### b) **Bengkel Mediasi**

Bengkel Mediasi telah diadakan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) pada 26 hingga 28 Mei 2008. Bengkel ini telah dihadiri oleh pelbagai agensi kerajaan lain yang mempunyai unit pengantara di agensi masing-masing seperti Bank Negara, Biro Pengantara Kewangan, Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil dan juga BBG. Semua Pengantara BBG terlibat dalam bengkel ini.

Bengkel ini berjaya mendedahkan pegawai pengantara-pengantara BBG kepada peranan, fungsi serta masalah pengantara di jabatan kerajaan yang lain dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran Pengantara BBG dalam pengendalian sidang pengantara di cawangan masing-masing. Semasa bengkel ini diadakan, peserta telah didedahkan dengan pelbagai situasi tegang yang mungkin timbul semasa sesi pengantara dijalankan, yang dilakonkan oleh peserta bengkel dimana para peserta telah memegang watak sebagai pengantara dan sebagai pihak yang bertikai mengikut giliran masing-masing.

Bengkel ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan juga keyakinan para peserta dalam mengendalikan sidang pengantaraan di cawangan masing-masing.



**Gambar 32: Bengkel Mediasi**

### c) **Forum Mediasi Antarabangsa (Asia Pasifik) Kali Ke-4**

Forum Mediasi Antarabangsa ini telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2008 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ia dihadiri oleh



para peserta dari seluruh rantau Asia Pasifik seperti New Zealand, Australia, Singapura, Thailand, Indonesia, dan banyak lagi. Forum ini telah dihadiri oleh Pengarah Unit Pengantara (Sivil) daripada ibu pejabat dan Pengantara Kanan dari Kuantan, Pahang.

Melalui forum ini, para peserta telah bertukar-tukar pendapat dan pengalaman di negara masing-masing berkaitan pengantaraan. Melalui forum ini, peserta dapat mengenalpasti halangan-halangan (constraints) dan cabaran-cabaran (challenges) yang dihadapi oleh Mediasi di seluruh rantau Asia Pasifik ini. Selain itu, para peserta telah didedahkan kepada pelbagai teknik pengantaraan baru yang diamalkan di negara Asia Pasifik lain turut dikongsi bersama dalam forum ini.



**Gambar 33: Forum Mediasi Antarabangsa (Asia Pasifik)  
Kali Ke-4**

### 3. PENCAPAIAN 2008

Statistik 2008 menunjukkan ada peningkatan pendaftaran dalam kes-kes baru. Sehingga Disember 2008, jumlah kes yang direkodkan ialah 3018 kes dan kes yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 2885 kes iaitu 96% daripada jumlah kes, sementara 489 kes masih dalam proses pengantaraan.

Statistik di atas, telah membuktikan bahawa pengantaraan adalah alternatif terbaik bagi penyelesaian pertikaian pihak-pihak yang bertikai. Dalam setiap sidang pengantara, pihak BBG akan memanggil kedua-dua pihak yang bertikai untuk menghadiri sidang pengantaraan dalam masa 30 hari dari tarikh kes didaftarkan.

Selain itu, sekiranya pertikaian telah berjaya diselesaikan, pihak BBG akan menyediakan perjanjian penyelesaian untuk ditandatangani oleh pihak-pihak yang bertikai serta merta dan merekodkan perjanjian penyelesaian dalam tempoh yang singkat. Ini akan membantu menjimatkan masa dan kos pihak-pihak tanpa perlu menunggu tarikh perbicaraan dan proses perbicaraan yang lama di mahkamah.

Peningkatan statistik pendaftaran serta penyelesaian melalui sidang pengantara jelas menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia semakin matang dan sedar tentang kebaikan kaedah penyelesaian diluar mahkamah. Memandangkan kebanyakan kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman adalah kes-kes kekeluargaan, maka pengantaraan adalah satu proses dan alternatif terbaik bagi pihak-pihak yang bertikai mencapai penyelesaian secara damai di luar mahkamah. Isu kekeluargaan bukan sahaja sulit dan bersifat peribadi, ianya juga akan mengambil masa yang lama jika dikendalikan melalui proses perbicaraan di mahkamah yang mana melibatkan pihak yang bertikai, ahli keluarga serta pihak-pihak tertentu memberi keterangan di mahkamah. Oleh itu, khidmat pengantaraan di BBG merupakan suatu khidmat kepada golongan kurang berkemampuan terutama para isteri, ibu dan anak mendapat pembelaan undang-undang secara efektif dan berkesan.

### Statistik

Statistik kes pengantaraan seluruh cawangan BBG bagi bulan Januari sehingga Disember 2008 adalah seperti di Jadual 17 dan Jadual 18 di bawah.



**Jadual 17: Statistik Kes Pengantaraan Seluruh Cawangan BBG, 2008**

| Cawangan      | Kes Dibawa Dari tahun Lepas | Pendaftaran          |                    |           | Jumlah Pendaftaran Tahun ini | Selesai     | Belum Selesai |
|---------------|-----------------------------|----------------------|--------------------|-----------|------------------------------|-------------|---------------|
|               |                             | Kes keluarga Syariah | Kes Keluarga Sivil | Kes sivil |                              |             |               |
| Putrajaya     | 0                           | 16                   | 4                  | 2         | 22                           | 22          | 0             |
| K. Lumpur     | 0                           | 59                   | 92                 | 1         | 152                          | 152         | 0             |
| Selangor      | 12                          | 64                   | 37                 | 3         | 104                          | 97          | 19            |
| Johor         | 23                          | 177                  | 32                 | 2         | 211                          | 212         | 22            |
| Muar          | 0                           | 0                    | 0                  | 0         | 0                            | 0           | 0             |
| Perak         | 1                           | 68                   | 8                  | 0         | 76                           | 71          | 6             |
| Taiping       | 5                           | 96                   | 1                  | 0         | 97                           | 91          | 11            |
| Kelantan      | 22                          | 140                  | 0                  | 0         | 140                          | 140         | 22            |
| Gua Musang    | 2                           | 13                   | 0                  | 0         | 13                           | 15          | 0             |
| Kedah         | 67                          | 260                  | 8                  | 0         | 268                          | 273         | 62            |
| P. Pinang     | 101                         | 248                  | 172                | 0         | 420                          | 403         | 118           |
| Terengganu    | 27                          | 180                  | 2                  | 0         | 182                          | 171         | 38            |
| N. Sembilan   | 5                           | 20                   | 45                 | 0         | 65                           | 68          | 2             |
| Melaka        | 0                           | 356                  | 6                  | 0         | 362                          | 336         | 26            |
| Perlis        | 3                           | 104                  | 0                  | 0         | 104                          | 79          | 28            |
| Sabah         | 1                           | 74                   | 32                 | 4         | 110                          | 104         | 7             |
| Labuan        | 4                           | 6                    | 0                  | 0         | 6                            | 6           | 4             |
| Miri          | 2                           | 27                   | 8                  | 0         | 35                           | 21          | 16            |
| Sibu          | 0                           | 20                   | 0                  | 0         | 20                           | 10          | 10            |
| Kuching       | 66                          | 245                  | 21                 | 0         | 268                          | 318         | 16            |
| Pahang        | 12                          | 284                  | 6                  | 1         | 291                          | 223         | 80            |
| Raub          | 3                           | 72                   | 0                  | 0         | 72                           | 73          | 2             |
| <b>JUMLAH</b> | <b>356</b>                  | <b>2529</b>          | <b>474</b>         | <b>13</b> | <b>3018</b>                  | <b>2885</b> | <b>489</b>    |





**Jadual 18: Jumlah kes pengantaraan yang didaftarkan di BBG, 2007 - 2008**

| Bil.   | Cawangan            | 2007 | 2008 |
|--------|---------------------|------|------|
| 1      | Putrajaya           | 39   | 22   |
| 2      | Wilayah Persekutuan | 83   | 152  |
| 3      | Selangor            | 85   | 104  |
| 4      | Johor Bahru         | 188  | 211  |
| 5      | Muar                | 77   | 0    |
| 6      | Perak               | 134  | 76   |
| 8      | Kelantan            | 155  | 140  |
| 9      | Gua Musang          | 24   | 13   |
| 10     | Kedah               | 269  | 268  |
| 11     | Pulau Pinang        | 294  | 420  |
| 12     | Terengganu          | 155  | 182  |
| 13     | Negeri Sembilan     | 47   | 65   |
| 14     | Melaka              | 288  | 362  |
| 15     | Perlis              | 16   | 104  |
| 16     | Sabah               | 132  | 110  |
| 17     | Labuan              | 8    | 6    |
| 18     | Miri                | 73   | 35   |
| 19     | Taiping             | 146  | 97   |
| 21     | Pahang              | 182  | 291  |
| 20     | Kuching             | 357  | 268  |
| 22     | Raub                | 0    | 72   |
| 23     | Sibu                | 0    | 20   |
| JUMLAH |                     | 2752 | 3018 |

Jumlah keseluruhan kes pada tahun 2008 adalah sebanyak 3018 berbanding tahun 2007 iaitu 2752. Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak 9.7 % untuk tahun 2008. Merujuk kepada jadual 17 tersebut, cawangan Pulau Pinang mencatatkan daftar kes yang tertinggi pada tahun 2008 iaitu 13.9%

diikuti oleh Melaka (12%), Pahang (9.6%), Sarawak (8.8%) dan Kedah (8.8%). Daripada Jadual 1 juga menunjukkan statistik daftar kes yang terendah adalah terdiri daripada cawangan kecil seperti Muar(0%), Labuan (0.2%) dan Gua Musang (0.4%).

Merujuk kepada jadual 17 juga, kes yang selesai pada tahun 2008 adalah sebanyak 2885 kes iaitu 96% daripada jumlah kes untuk tahun tersebut. Sebanyak 489 kes yang didaftarkan pada tahun 2008 dibawa ke tahun 2009.

Pada keseluruhannya kewujudan Unit Pengantara di BBG ini telah dapat membantu sistem perundangan yang sedia ada di Malaysia. Orang ramai mempunyai alternatif yang lain selain prosedur melalui proses perbicaraan di mahkamah. Selain daripada itu juga, dengan adanya Unit Pengantaraan juga, dapat membantu mahkamah untuk mengurangkan jumlah kes-kes yang banyak tertunggak.

Sepanjang kewujudan Unit Pengantara di BBG terdapat beberapa kerumitan yang dihadapi, diantaranya ialah ketiadaan Pegawai Pengantara yang mencukupi. Ini menyebabkan Pegawai Pengantara daripada cawangan negeri yang sama terpaksa menjalankan sidang di 3 cawangan, contohnya Pegawai Pengantara cawangan Kuching yang terpaksa membuat sidang pengantaraan di cawangan kecil di Sibu dan Miri. Di Pulau Pinang, walaupun kes yang didaftarkan adalah tinggi (444 kes), tetapi hanya seorang Pengantara sahaja. Masalah kes-kes tertangguh juga akan dihadapi sekiranya Pegawai Pengantara tersebut berpindah ataupun dinaikkan pangkat. Perkara ini dapat diatasi sekiranya Pegawai Pengantara dapat ditempatkan di semua cawangan BBG di seluruh negara dan diharapkan agar dapat memantapkan lagi penyelesaian pertikaian alternatif melalui pengantaraan yang masih baru diperkenalkan di Malaysia



# **Laporan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)**



## SEJARAH

Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada awalnya dikenali sebagai Bankruptcy Office ditubuhkan pada tahun 1949 dan diketuai oleh orang Inggeris sehingga tahun 1958.

Pada tahun 1963 ditukarkan kepada Jabatan Pemegang Harta Malaysia dan Ketua Jabatan bergelar Pegawai Pemegang Harta. Mulai 1 Oktober 2003 namanya sekali lagi ditukarkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia dan kini diketuai oleh Ketua Pengarah Insolvensi. Bermula dengan sebuah pejabat kecil di Bangunan Sultan Abdul Samad, selepas itu berpindah ke Bangunan Bank Rakyat, Kuala Lumpur dan sekarang mempunyai ibu pejabat di Putrajaya dengan 14 buah pejabat Cawangan Negeri di semua negeri di Malaysia diketuai oleh Pengarah Insolvensi Negeri dan 7 buah cawangan kecil diketuai oleh Penolong Pengarah Insolvensi Negeri.

JIM pernah diletak di bawah pengawasan Kementerian Kehakiman dan Kementerian Undang-Undang Malaysia bersama-sama dengan Amanah Raya Berhad, BBG dan Mahkamah. Selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang, JIM diletakkan di bawah pengawasan BHEUU Jabatan Perdana Menteri hingga kini.

## MAKLUMAT KORPORAT JIM

### Visi

Untuk Menjadi Sebuah Agensi Ulung Yang Menyumbang Kepada Sistem Pentadbiran Keadilan Negara.

### Misi

Untuk mentadbir urusan perkhidmatan insolvensi selaras dengan kehendak undang-undang dan keperluan masyarakat.

### Objektif

Mentadbir urusan perkhidmatan insolvensi selaras dengan kehendak Undang-Undang dan keperluan pelanggan dengan cekap, tepat dan berkesan.

### Fungsi

1. Mentadbir hal ehwal siberhutang dan sibankrap mengikut Akta Kebankrapan 1967 dan Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969;
2. Melaksanakan fungsi sebagai Pelikuidasi Sementara atau Pelikuidasi yang dilantik bagi syarikat-syarikat yang digulungkan mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972;
3. Mentadbir hal ehwal pertubuhan yang dibatalkan mengikut Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984;
4. Mentadbir hal ehwal kesatuan sekerja mengikut Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 1959;
5. Menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan apa-apa kesalahan yang disyaki yang dilakukan oleh sibankrap atau pengarah syarikat di bawah Akta Kebankrapan 1967, Akta Syarikat 1965, Akta Pertubuhan 1984, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan di bawah mana-mana perundangan lain yang berkaitan dengan kebangkrapan atau penggulungan syarikat;
6. Menjalankan pendakwaan semua jenis kes jenayah dan kuasi jenayah di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Syarikat 1965;
7. Menjadi sumber rujukan kepada Jabatan dan Kerajaan mengenai apa-apa masalah perundangan mengenai kebangkrapan atau penggulungan syarikat yang timbul;
8. Mewakili Kerajaan, Jabatan, sibankrap dan syarikat yang digulungkan dalam semua perbicaraan sivil di mahkamah;
9. Menyediakan khidmat carian status kebangkrapan individu dan status syarikat;
10. Menguruskan hal ehwal kewangan Jabatan dan perakaunan insolvensi serta menjalankan aktiviti penghasilan bagi pihak Kerajaan melalui sumber-sumber di bawah kawalan yang dibenarkan di bawah Akta Kebankrapan 1967, Akta Syarikat 1965, Akta Acara Kewangan 1957 atau Arahan Perbendaharaan; dan
11. Mengurus dan mengawalselia pentadbiran Ibu Pejabat dan semua pejabat cawangan JIM seluruh Malaysia.






### Piagam Pelanggan

Kami akan:

1. Memastikan tindakan untuk menghasilkan harta dibuat dalam masa 2 minggu selepas dikenalpasti;
2. Memastikan tindakan pengisytiharaan dividen dimulakan dalam masa satu minggu dari tarikh baki terakhir akaun mencukupi, untuk tujuan pembayaran dividen;
3. Mengeluarkan jawapan carian yang tepat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima;
4. Memastikan semua urusan di kaunter carian akan diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi 30 minit;
5. Memberikan pengesahan akuan terima secara bertulis kepada semua aduan dalam tempoh 3 hari selepas diterima;
6. Memastikan siasatan dalam 3 hari selepas arahan untuk menyiasat diterima;
7. Memastikan pemfailan kes di Mahkamah dibuat dalam tempoh 1 minggu selepas menerima arahan untuk mendakwa.



# Carta Organisasi





## Maklumat Perjawatan

Kedudukan Bilangan, Pengisian dan kekosongan perjawatan Ibu Pejabat JIM pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Gelaran/Jawatan/Gred                                                            | Bilangan  | Pengisian | Kekosongan |
|---------------------------------------------------------------------------------|-----------|-----------|------------|
| Ketua Pengarah Insolvensi Pegawai Undang-Undang Gred Utama B                    | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22                                       | 1         | 0         | 1          |
| Pemandu                                                                         | 1         | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                             | <b>3</b>  | <b>2</b>  | <b>1</b>   |
| Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L54/Gred Utama C | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N22/N17                                   | 1         | 1         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                             | <b>2</b>  | <b>2</b>  | <b>0</b>   |
| <b>BAHAGIAN KEBANKRAPAN:</b>                                                    |           |           |            |
| Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L52                             | 1         | 1         | 0          |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                                                  | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                                                 | 2         | 1         | 1          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                                                 | 4         | 4         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                                                 | 8         | 8         | 0          |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17                                  | 14        | 14        | 0          |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                                                 | 2         | 2         | 0          |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                                                     | 2         | 2         | 0          |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                                             | <b>34</b> | <b>33</b> | <b>1</b>   |
| <b>BAHAGIAN LIKUIDASI</b>                                                       |           |           |            |
| Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L52                             | 1         | 0         | 1          |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                                                  | 2         | 2         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                                                 | 3         | 2         | 1          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                                                 | 1         | 1         | 0          |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                                                 | 3         | 3         | 0          |

|                                                     |           |           |          |
|-----------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17      | 12        | 12        | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                     | 3         | 3         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                         | 2         | 2         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                 | <b>27</b> | <b>25</b> | <b>2</b> |
| <b>BAHAGIAN PERUNDANGAN</b>                         |           |           |          |
| Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L52 | 1         | 0         | 1        |
| Pegawai Undang-Undang Gred L48                      | 2         | 2         | 0        |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                      | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                     | 2         | 1         | 1        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                     | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                     | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17      | 3         | 3         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                     | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                         | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                 | <b>15</b> | <b>13</b> | <b>2</b> |
| <b>BAHAGIAN PENYIASATAN&amp;PENGUATKUASAAN :</b>    |           |           |          |
| Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L52 | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                      | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                     | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                     | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                     | 6         | 6         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17      | 4         | 4         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                     | 2         | 2         | 0        |
| Penghantar Notis Gred N3                            | 3         | 3         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                         | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                                 | <b>21</b> | <b>21</b> | <b>0</b> |
| <b>BAHAGIAN PENDAKWAAN :</b>                        |           |           |          |
| Pengarah Insolvensi, Pegawai Undang-Undang Gred L52 | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Undang-Undang Gred L44                      | 2         | 2         | 0        |



|                                                  |           |           |          |
|--------------------------------------------------|-----------|-----------|----------|
| Pembantu Undang-Undang Gred L38                  | 2         | 0         | 2        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L32                  | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Undang-Undang Gred L29                  | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17   | 4         | 4         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                  | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                      | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>16</b> | <b>14</b> | <b>2</b> |
| <b>BAHAGIAN PERAKAUNAN:</b>                      |           |           |          |
| Pengarah, Akauntan Gred W52                      | 1         | 1         | 0        |
| Akauntan Gred W48                                | 1         | 1         | 0        |
| Pegawai Penilaian Gred W48                       | 1         | 1         | 0        |
| Akauntan Gred W44                                | 1         | 0         | 1        |
| Pegawai Penilaian Gred W44                       | 1         | 1         | 0        |
| Akauntan Gred W41                                | 2         | 2         | 0        |
| Penolong Akauntan Gred W36                       | 2         | 2         | 0        |
| Penolong Akauntan Gred W32                       | 2         | 2         | 0        |
| Penolong Akauntan Gred W27                       | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Akauntan Gred W22                       | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Akauntan Gred W17                       | 2         | 2         | 0        |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17              | 5         | 5         | 0        |
| Pembantu Penilaian Gred W17                      | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                  | 1         | 1         | 0        |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                      | 1         | 1         | 0        |
| <b>Jumlah Kecil</b>                              | <b>23</b> | <b>22</b> | <b>1</b> |
| <b>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN:</b>              |           |           |          |
| Pengarah, Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M48 | 1         | 0         | 1        |

|                                                |            |            |           |
|------------------------------------------------|------------|------------|-----------|
| Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41         | 1          | 1          | 0         |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N32               | 2          | 1          | 1         |
| Penolong Pegawai Tadbir Gred N27               | 2          | 2          | 0         |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22            | 1          | 1          | 0         |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 | 3          | 2          | 1         |
| Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17            | 4          | 4          | 0         |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17      | 1          | 1          | 0         |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 | 13         | 13         | 0         |
| Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17             | 1          | 1          | 0         |
| Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                | 3          | 3          | 0         |
| Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3             | 3          | 3          | 0         |
| Pembantu Am Pejabat Gred N1                    | 4          | 4          | 0         |
| <b>Jumlah Kecil</b>                            | <b>39</b>  | <b>36</b>  | <b>3</b>  |
| <b>BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>             |            |            |           |
| Pengarah, Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44  | 1          | 1          | 0         |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32   | 1          | 1          | 0         |
| Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29   | 3          | 3          | 0         |
| Juruteknik Komputer Gred FT17                  | 2          | 1          | 1         |
| Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 | 5          | 5          | 0         |
| Operator Mesin Prosesan Data Gred F11          | 14         | 13         | 1         |
| <b>Jumlah Kecil</b>                            | <b>26</b>  | <b>24</b>  | <b>2</b>  |
| <b>JUMLAH BESAR</b>                            | <b>206</b> | <b>192</b> | <b>14</b> |



## BAHAGIAN KEBANKRAPAN

### 1. PENGENALAN

Fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

- a) Mentadbirkan segala hal ehwal, liabiliti, aset dan harta si bankrap
- b) Melindungi si bankrap dari diganggu oleh pemiutang-pemiutangnya yang tidak memfailkan bukti hutang
- c) Membantu si bankrap dalam menguruskan hal ehwal kebankrapannya supaya pentadbiran kes bankrap akan lebih teratur
- d) Memastikan semua harta si bankrap dizahir dan dihasilkan untuk diagihkan mengikut pemiutang keutamaan dan/atau sama rata kepada pemiutang-pemiutangnya
- e) Menjaga hak-hak seorang bankrap dan pemiutang-pemiutang
- f) Memastikan agar si bankrap ditetapkan untuk membuat bayaran ansuran bulanan kepada JIM, agar wang yang terkumpul dalam estet si bankrap dapat diagihkan kelak kepada semua pemiutangnya.

### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

#### 2.1 Pentadbiran Estet Bankrap

Terdapat sebanyak 13,855 kes kebankrapan telah didaftarkan di seluruh 21 cawangan JIM seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagi tahun 2008. Pecahan bagi kes-kes kebankrapan di setiap cawangan boleh dilihat dalam Jadual 19.





LAMPIRAN A

JADUAL 19 : BILANGAN KES KEBANKRAPAN BULANAN MENGIKUT CAWANGAN

| BULAN<br>CAWANGAN |               | JAN   | FEB   | MAC   | APR   | MEI   | JUN   | JUL   | OGOS | SEPT  | OKT   | NOV   | DIS   | JUMLAH |
|-------------------|---------------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|------|-------|-------|-------|-------|--------|
| WIL. PERSEKUTUAN  |               | 238   | 224   | 191   | 239   | 215   | 225   | 194   | 167  | 218   | 150   | 230   | 195   | 2,486  |
|                   | SELANGOR      | 181   | 165   | 149   | 206   | 144   | 237   | 253   | 132  | 245   | 226   | 235   | 148   | 2,321  |
| JOHOR BAHRU       |               | 162   | 132   | 169   | 162   | 280   | 221   | 245   | 117  | 277   | 330   | 253   | 378   | 2,726  |
|                   | IPOH          | 48    | 36    | 42    | 44    | 42    | 40    | 40    | 47   | 37    | 27    | 54    | 59    | 516    |
| PULAU PINANG      |               | 82    | 65    | 37    | 55    | 104   | 48    | 38    | 51   | 38    | 70    | 116   | 66    | 770    |
|                   | KEDAH         | 62    | 55    | 44    | 59    | 47    | 38    | 67    | 67   | 65    | 64    | 55    | 47    | 670    |
| MUAR              |               | 43    | 34    | 81    | 66    | 54    | 42    | 38    | 32   | 21    | 42    | 46    | 40    | 539    |
|                   | KOTA KINABALU | 33    | 25    | 31    | 24    | 48    | 38    | 44    | 2    | 23    | 38    | 23    | 39    | 368    |
| KELANTAN          |               | 47    | 44    | 43    | 28    | 20    | 30    | 52    | 9    | 25    | 27    | 56    | 28    | 409    |
|                   | MELAKA        | 27    | 34    | 32    | 48    | 42    | 39    | 30    | 23   | 42    | 32    | 25    | 32    | 406    |
| NEGERI SEMBILAN   |               | 8     | 49    | 37    | 60    | 34    | 35    | 40    | 35   | 44    | 52    | 33    | 22    | 449    |
|                   | TEMERLOH      | 2     | 11    | 13    | 17    | 12    | 20    | 12    | 11   | 9     | 4     | 16    | 3     | 130    |
| KUANTAN           |               | 35    | 38    | 29    | 34    | 19    | 20    | 30    | 27   | 37    | 31    | 39    | 40    | 379    |
|                   | KUCHING       | 46    | 28    | 46    | 62    | 39    | 36    | 32    | 70   | 50    | 79    | 47    | 44    | 579    |
| TERENGGANU        |               | 19    | 20    | 13    | 32    | 9     | 14    | 14    | 5    | 26    | 31    | 15    | 11    | 209    |
|                   | MIRI          | 10    | 15    | 40    | 39    | 25    | 33    | 32    | 28   | 33    | 34    | 26    | 48    | 363    |
| TAIPING           |               | 25    | 12    | 7     | 22    | 21    | 13    | 7     | 12   | 18    | 20    | 16    | 14    | 187    |
|                   | SIBU          | 3     | 11    | 9     | 13    | 8     | 16    | 17    | 7    | 20    | 15    | 9     | 23    | 151    |
| TAWAU             |               | 4     | 13    | 0     | 12    | 1     | 7     | 10    | 1    | 8     | 9     | 7     | 10    | 82     |
|                   | SANDAKAN      | 0     | 6     | 0     | 6     | 2     | 18    | 8     | 4    | 1     | 13    | 6     | 1     | 65     |
| PERLIS            |               | 6     | 3     | 6     | 8     | 4     | 4     | 3     | 0    | 2     | 7     | 3     | 4     | 50     |
|                   | JUMLAH        | 1,081 | 1,020 | 1,019 | 1,236 | 1,170 | 1,174 | 1,206 | 847  | 1,239 | 1,301 | 1,310 | 1,252 | 13,855 |



## LAMPIRAN B

**JADUAL 20 : BILANGAN KES-KES KEBANKRAPAN YANG DIDAFTARKAN MENGIKUT KATEGORI SEBAB-SEBAB KEBANKRAPAN JUMLAH TERKUMPUL TAHUN 2008**

| KATEGORI                                                             | BULAN        |              |              |              |              |              |              |            |              |              |              |              | JUMLAH        |
|----------------------------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|------------|--------------|--------------|--------------|--------------|---------------|
|                                                                      | JAN          | FEB          | MAC          | APRIL        | MEI          | JUN          | JULAI        | OGOS       | SEPT         | OKT          | NOV          | DIS          |               |
| Hutang Cukai Pendapatan                                              | 6            | 6            | 11           | 5            | 7            | 4            | 7            | 6          | 4            | 6            | 80           | 12           | 154           |
| Hutang Kad Kredit                                                    | 88           | 77           | 70           | 104          | 88           | 107          | 118          | 65         | 95           | 86           | 72           | 95           | 1,065         |
| Pinjaman Perniagaan/<br>Kegagalan Perniagaan                         | 98           | 81           | 97           | 108          | 139          | 156          | 177          | 147        | 155          | 151          | 92           | 134          | 1,535         |
| Pinjaman Peribadi<br>(termasuk pembelian<br>secara kredit/sewa beli) | 364          | 411          | 383          | 550          | 470          | 379          | 500          | 360        | 537          | 625          | 561          | 599          | 5,739         |
| Penjamin Korporat                                                    | 44           | 37           | 37           | 61           | 51           | 100          | 66           | 32         | 86           | 84           | 64           | 75           | 737           |
| Penjamin Sosial                                                      | 85           | 65           | 56           | 88           | 61           | 88           | 112          | 30         | 83           | 75           | 66           | 87           | 896           |
| Ditipu                                                               | 6            | 6            | 1            | 7            | 14           | 2            | 4            | 0          | 5            | 12           | 2            | 2            | 61            |
| Lain-lain/tiada maklumat                                             | 385          | 323          | 354          | 313          | 336          | 330          | 218          | 226        | 281          | 264          | 385          | 253          | 3,668         |
| <b>Jumlah Keseluruhan Kes</b>                                        | <b>1,076</b> | <b>1,006</b> | <b>1,009</b> | <b>1,236</b> | <b>1,166</b> | <b>1,166</b> | <b>1,202</b> | <b>866</b> | <b>1,246</b> | <b>1,303</b> | <b>1,322</b> | <b>1,257</b> | <b>13,855</b> |



Bagi bilangan kes-kes kebangkrutan yang didaftarkan mengikut kategori sebab-sebab kebangkrutan bagi tahun 2008 boleh dilihat dalam Jadual 20. Bagi Pecahan bilangan kes kebangkrutan mengikut kaum bagi tahun 2008 boleh dirujuk dalam Jadual 21, dan juga pecahan bilangan kes kebangkrutan mengikut jantina bagi tahun 2008 boleh dirujuk di Jadual 22.

**Jadual 21: Pecahan Bilangan Kes Kebankrutan Mengikut Kaum Tahun 2008**

| KAUM           | TAHUN 2008    |
|----------------|---------------|
| Melayu         | 6,405         |
| Cina           | 5,251         |
| India          | 1,350         |
| Lain-lain      | 548           |
| Tiada Maklumat | 301           |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>13,855</b> |

**Jadual 22: Pecahan Bilangan Kes Kebankrutan Mengikut Jantina Tahun 2008**

| JANTINA        | TAHUN 2008    |
|----------------|---------------|
| Lelaki         | 8,398         |
| Perempuan      | 2,785         |
| Tiada Maklumat | 2,672         |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>13,855</b> |

Seseorang individu yang diisytiharkan bankrap seharusnya mengetahui kewajipan sebagai seorang bankrap memandangkan banyak sekatan yang akan dikenakan ke atasnya. Justeru, adalah perlu bagi seseorang bankrap menghadirkan diri ke Jabatan Insolvency di cawangan yang mentadbir kes mereka bagi membincangkan hal-hal berkaitan kes kebangkrutannya dan menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul sepanjang pentadbiran kes kebangkrutan tersebut.

Bagi tujuan tersebut, beberapa tindakan perlu diambil oleh seseorang bankrap apabila hadir ke JIM, iaitu:

- Memberikan maklumat lengkap mengenai peribadinya dan memfailkan pernyataan hal ehwal mengenai aset dan liabilitinya.
- Mematuhi perintah Mahkamah dan arahan Ketua Pengarah Insolvency.
- Tidak melanggar mana-mana larangan dan sekatan yang dikenakan ke atasnya.
- Tidak melakukan kesalahan di bawah Akta Kebankrutan 1967

- Memfailkan pernyataan pendapatan dan perbelanjaan setiap enam(6) bulan sekali.
- Sentiasa memaklumkan kepada Ketua Pengarah Insolvency tentang sebarang perubahan kepada pendapatannya, tempat tinggal, pemilikan sebarang harta dan sebagainya.

Bahagian Kebankrutan di Ibu Pejabat telah dibahagikan kepada beberapa Unit tertentu untuk memudahkan lagi cawangan-cawangan untuk berurusan dengan Bahagian Kebankrutan Ibu Pejabat. Terdapat 5 Unit yang telah diwujudkan di Bahagian Kebankrutan, iaitu:

- Unit Pelepasan Sijil Ketua Pengarah Insolvency (S33A)
- Unit Penghasilan Aset
- Unit Permohonan Seksyen 38 (1) (c ), (d) dan (e)
- Unit Rayuan/Sanksi
- Unit Khidmat Am

Sejak wujudnya kelima-lima unit tersebut, perjalanan kerja Bahagian Kebankrutan Ibu Pejabat semakin lancar dan segala permohonan dan masalah yang dirujuk oleh cawangan akan terus ditangani oleh Unit-unit tersebut. Dengan adanya unit-unit ini juga, ia lebih memudahkan cawangan untuk menghubungi pegawai dan kakitangan dalam unit-unit tersebut.

#### a) **Unit Pelepasan Sijil Ketua Pengarah Insolvency (S33A)**

Unit ini bertanggung jawab untuk memantau fail-fail yang telah dicadangkan oleh cawangan untuk dicadangkan kepada Ketua Pengarah Insolvency untuk memperoleh perakuan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvency.

Satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Semakan ditubuhkan untuk mencadangkan kepada Ketua Pengarah Insolvency sama ada fail-fail yang dicadangkan itu layak untuk diberi Pelepasan Melalui Sijil Ketua Pengarah Insolvency ataupun tidak. Cawangan-cawangan akan mencadangkan sejumlah kes untuk disemak oleh Pegawai di cawangan sama ada kes-kes tersebut layak untuk diberi Pelepasan ataupun tidak. Ketua Unit Kebankrutan di cawangan bersama-sama Ketua Cawangan



akan menyemak kes-kes yang dicadangkan oleh Pegawai dan terpulang kepada mereka sama ada bersetuju atau tidak dengan cadangan Pegawai. Ketua Pengarah Insolvensi merupakan pemutus sama ada beliau bersetuju untuk memberikan Pelepasan itu ataupun tidak. Jawatankuasa Khas Semakan (JKS) ini akan bersidang di cawangan di mana ia diterajui oleh Ketua Pengarah Insolvensi. Persidangan JKS ini akan mengambil masa selama 1 hingga 2 hari untuk menyemak dan memberi kata putus sama ada Pelepasan layak diberikan ataupun tidak.

Bagi tahun 2008 sebanyak 3,086 kes telah disemak di kesemua 21 cawangan JIM. Setiap keputusan diklasifikasikan sebagai K1, K2 dan K3. K1 adalah untuk kes yang didapati sesuai untuk dilepaskan, K2 untuk fail-fail yang masih belum sesuai untuk dilepaskan dan beberapa tindakan perlu diambil oleh pihak cawangan terhadap kes-kes tersebut dan K3 dan untuk kes yang dikemukakan didapati tidak layak untuk pertimbangan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,832 telah diberikan pelepasan oleh JKS. Jadual 23 di bawah menunjukkan statistik kes pelepasan bagi tahun 2008.

**JADUAL 2 3: STATISTIK PELEPASAN DI BAWAH SEKSYEN 33A AKTA KEBANKRAPAN BAGI TAHUN 2008**

| BIL.          | CAWANGAN            | JUMLAH KES DIPERTIMBANGKAN UNTUK PELEPASAN | JUMLAH PELEPASAN DILULUSKAN |
|---------------|---------------------|--------------------------------------------|-----------------------------|
| 1             | WILAYAH PERSEKUTUAN | 425                                        | 338                         |
| 2             | SELANGOR            | 319                                        | 249                         |
| 3             | JOHOR BAHRU         | 206                                        | 51                          |
| 4             | PULAU PINANG        | 52                                         | 28                          |
| 5             | IPOH                | 313                                        | 240                         |
| 6             | KEDAH               | 168                                        | 119                         |
| 7             | MELAKA              | 205                                        | 58                          |
| 8             | NEGERI SEMBILAN     | 146                                        | 65                          |
| 9             | KUCHING             | 211                                        | 109                         |
| 10            | KOTA KINABALU       | 161                                        | 13                          |
| 11            | KUANTAN             | 194                                        | 175                         |
| 12            | KELANTAN            | 144                                        | 96                          |
| 13            | TERENGGANU          | 142                                        | 96                          |
| 14            | TAIPING             | 32                                         | 23                          |
| 15            | PERLIS              | 24                                         | 12                          |
| 16            | MUAR                | 148                                        | 77                          |
| 17            | TEMERLOH            | 41                                         | 29                          |
| 18            | SIBU                | 67                                         | 24                          |
| 19            | MIRI                | 85                                         | 29                          |
| 20            | SANDAKAN            | 3                                          | 1                           |
| 21            | TAWAU               | 0                                          | 0                           |
| <b>JUMLAH</b> |                     | <b>3,086</b>                               | <b>1,832</b>                |

**b) Unit Penghasilan Aset**

Unit Penghasilan Aset merupakan satu unit yang tidak kurang pentingnya dalam Bahagian Kebankrapan. Unit ini berperanan untuk membantu pihak cawangan dalam menguruskan sebarang Perjanjian Jual Beli harta milik si bankrap yang kebanyakannya terdiri daripada hartanah, rumah, dan juga saham. Unit ini akan menghasilkan harta milik si bankrap setelah kepastian diperolehi daripada Pejabat Tanah berkaitan status tanah/aset tersebut. Harta yang hendak dihasilkan itu mestilah bebas daripada sebarang bebanan (gadaian). Semua permohonan yang diterima daripada cawangan akan dirujuk kepada satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh jabatan ini iaitu Jawatankuasa Unit Jualan Aset (JUJA). Jawatankuasa tersebut akan bersidang sebulan sekali bagi membincangkan kes-kes penjualan aset sibankrap secara triti persendirian. Tawaran akan dipertimbangkan sekiranya harga yang ditawarkan sama atau lebih daripada penilaian kerajaan yang diterima daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Unit ini kini bertindak aktif dalam membantu cawangan dalam menguruskan penjualan harta milik si bankrap bagi memastikan bahawa hasil daripada penjualan hartanah/aset tersebut akan dimasukkan ke dalam aset si bankrap, untuk menjaga kepentingan pemiutang dan seterusnya dapat digunakan untuk melunaskan hutang si bankrap.

**c) Unit Permohonan Seksyen 38(1)(c) (d)&(e)**

Unit Permohonan Seksyen 38 (1) (c ) (d) & (e) merupakan unit yang paling banyak menerima permohonan daripada pihak cawangan setiap hari. Melalui unit ini, permohonan si bankrap untuk keluar Negara di bawah Seksyen 38 (1) (c ) akan diproses terlebih dahulu oleh pihak cawangan setelah menerima permohonan daripada si bankrap. Permohonan yang dibuat oleh bankrap perlu disertakan dengan dokumen-dokumen yang lengkap dan setelah itu ia akan diproses terlebih dahulu oleh pihak cawangan setelah kesemua dokumen tersebut lengkap, dan

kemudian barulah permohonan tersebut akan dihantar melalui fax ke Ibu Pejabat, bagi mempercepatkan proses tersebut.

Setelah itu, permohonan tersebut akan diproses oleh Pegawai di Ibu pejabat, dan kemudian akan diagihkan kepada Penolong Pengarah Insolvensi I dan II untuk disemak dan diluluskan. Penolong-Penolong Pengarah akan menyemak dengan teliti sama ada permohonan-permohonan tersebut mempunyai asas yang kuat untuk diluluskan ataupun tidak. Lebih kurang 250-300 permohonan yang diterima sebulan oleh unit ini.

Unit ini juga memproses permohonan Si bankrap untuk menjawat jawatan sebagai Pengarah /Pengurus dalam sesebuah syarikat di bawah Seksyen 38 (1) (d) dan juga permohonan Si bankrap untuk menjawat jawatan sebagai Pengarah / Pengurus di syarikat milik keluarga mereka sendiri di bawah Seksyen 38 (1) (e) Akta Kebankrapan 1967, dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh JIM.

**d) Unit Rayuan/Saksi**

Unit ini berperanan dalam memproses rayuan yang dikemukakan oleh Si bankrap ke cawangan, iaitu berkenaan dengan kes-kes yang dirayu oleh Si bankrap. Bagi Sanksi, ia merupakan permohonan yang dikemukakan oleh Si bankrap untuk memulakan sesuatu prosiding di Mahkamah di bawah Seksyen 38 (1) (a). Ketua Pengarah Insolvensi boleh memberikan sanksi kepada seseorang bankrap untuk memulakan atau meneruskan sesuatu tindakan Mahkamah jika berpuashati bahawa ia mempunyai merit dan akan mendatangkan kebaikan/kepentingan kepada aset kebankrapannya. Permohonan yang diterima oleh cawangan akan dikemukakan kepada Bahagian Kebankrapan Ibu Pejabat bersama dokumen sokongan yang diperlukan. Sanksi akan diberikan bersama-sama dengan syarat-syarat tertentu bagi melindungi kepentingan Ketua Pengarah Insolvensi dan juga aset Si bankrap.

Unit ini juga berperanan dalam memproses rayuan berkenaan permohonan keluar Negara dan sanksi yang dikemukakan oleh





bankrap. Cadangan akan diberikan oleh unit ini sama ada rayuan wajar diterima ataupun tidak. Seterusnya, ia akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk diberi keputusan akhir sama ada rayuan wajar diterima ataupun tidak.

#### e) **Unit Khidmat Am**

Unit ini berperanan dalam menjawab surat-surat pelbagai yang dihantar oleh si bankrap, pemiutang, dan juga peguam. Unit ini juga akan memproses permohonan bankrap untuk pengeluaran wang di akaun ASB, KWSP, dan juga Tabung Haji.

Unit Khidmat Am ini juga bertanggung jawab dalam menjawab surat-surat daripada cawangan berkaitan perkara-perkara am dan juga akan membantu Pengarah Insolvensi Bahagian Kebankrapan berhubung dengan perkara-perkara am dan pelbagai.

## 2.2 **Khidmat Nasihat dan Penyelesaian Masalah**

Bahagian ini juga telah membuka satu kaunter pertanyaan bagi memudahkan bankrap untuk berurusan dengan pegawai di Ibu Pejabat mengenai masalah kebangkrutan, cara untuk menyelesaikan kes mereka, dan segala permohonan yang berkaitan dengan Bahagian ini. Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai dan juga kakitangan Bahagian ini sentiasa berusaha untuk menjadi penyelesaian masalah kepada segala permasalahan seseorang bankrap.

## 2.3 **Program Latihan**

Bagi meningkatkan dan menyediakan pegawai dan kakitangan dengan pengetahuan yang diperlukan dalam urusan pentadbiran kes-kes kebangkrutan, Bahagian ini bercadang untuk mengadakan Bengkel Penghasilan Aset, Bengkel Pelepasan di Bawah Sijil Ketua Pengarah Insolvensi untuk memberi pendedahan dan mempertingkatkan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai hal-hal kebangkrutan kepada pegawai-pegawai di Bahagian ini dan juga pegawai-pegawai di cawangan.

## **BAHAGIAN LIKUIDASI**

### **1. PENGENALAN**

Fungsi Bahagian Likuidasi adalah memastikan bahawa aktiviti-aktiviti Bahagian ini dan Cawangan

dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang di samping memberi khidmat nasihat mengikut peruntukan undang-undang Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) & Peraturan-Peraturan dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262) dan Peraturan-Peraturan 1959 dengan memberi khidmat yang terbaik.

## **2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008**

Pada tahun 2008, Bahagian Likuidasi telah menetapkan 6 sasaran seperti yang berikut:

### a) **Pasukan Jawatankuasa Semakan Likuidasi (JKSL) ke Cawangan**

Pasukan JKSL ditubuhkan bagi menyelesaikan pentadbiran penggulungan syarikat dan pembatalan pertubuhan serta kesatuan sekerja dapat dilakukan dengan lancar dan sempurna. Bahagian ini telah merancang untuk mengadakan lawatan JKSL sebanyak 2 kali sebulan sepanjang tahun 2008. Walau bagaimanapun, lawatan tersebut hanya sempat dilaksanakan bagi 3 Cawangan sahaja iaitu JIM Cawangan Wilayah Persekutuan, Selangor dan Tawau. Bagi lawatan ke JIM Cawangan Melaka dan Ipoh pula tertangguh akibat daripada pertindihan tarikh mesyuarat di Ibu Pejabat dan Agensi Luar seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pemudah dan Kementerian Kerja Raya. Bagi Cawangan JIM lain lawatan JKSL telah diadakan pada tahun 2007 dan ulangan ke Cawangan tersebut akan dilakukan pada masa hadapan kelak.

### b) **Penggulungan Syarikat Secara Sukarela ke dalam Sistem Pengurusan Kes (CMS)**

Sasaran ini bertujuan untuk mengemaskini data dalam CMS. Bahagian telah dapat mendaftarkan sebanyak 4050 kes ( kes-kes tersebut adalah kes dari tahun 2003 sehingga 1995) penggulungan sukarela ke dalam data CMS. Pendaftaran bagi kes-kes dari tahun 1994 hingga 1966 akan diteruskan sehingga selesai. Kerja-kerja kemasukan maklumat dalam sistem dibuat secara 'task force' di mana semua kakitangan terlibat membuat kerja-kerja tersebut selain dari membuat kerja-kerja hakiki.

### c) **Mengemaskini Arahan Jabatan (Penggulungan Syarikat untuk diedarkan ke Cawangan-Cawangan JIM.**

Tujuan sasaran ini dilaksanakan adalah untuk membekalkan Arahan Jabatan yang telah dikemaskini kepada pegawai-pegawai dan



kakitangan yang sedia ada di JIM untuk dijadikan sebagai panduan dalam menjalankan tugas-tugas harian. Bahagian Likuidasi telah mengemaskini serta membuat salinan untuk edaran ke Cawangan-Cawangan serta Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat yang telah diedarkan pada 31. Julai 2008.

d) **Bengkel-Bengkel yang telah dianjurkan**

Salah satu sasaran Bahagian Likuidasi adalah mengadakan Bengkel-Bengkel bagi Pegawai-Pegawai Insolvensi. Bahagian Likuidasi telah menganjurkan 2 bengkel seperti yang berikut:-

(i) **Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integrasi Sektor Awam (SPAI)**

Bengkel ini adalah dengan kerjasama Badan Pencegah Rasuah dan telah diadakan pada 10 hingga 13 November 2008 di ILKAP. Kos penginapan, makan dan minum peserta-peserta dibiayai oleh pihak ILKAP. Seramai 72 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Ibu Pejabat dan Cawangan terlibat dengan Bengkel tersebut.

Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai daripada segi teori dan pratikal mengenai pencegahan rasuah di dalam sektor awam. Selanjutnya juga dapat mengenalpasti proses pelaksanaan sesuatu aktiviti atau "output" utama Jabatan yang boleh terdedah kepada sesuatu risiko.

(ii) **Bengkel Asas-Asas Pentadbiran Penggulfungan Syarikat Untuk Pegawai-Pegawai Insolvensi Gred L29**

Bengkel ini telah diadakan pada 23 hingga 27 November 2008 di ILKAP. Kos penginapan, makan dan minum peserta-peserta dibiayai oleh pihak ILKAP. Seramai 70 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Ibu Pejabat dan Cawangan terlibat dengan Bengkel tersebut.

Tujuan bengkel ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada Pegawai-Pegawai Insolvensi, terutamanya lantikan baru dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat kurang daripada lima tahun dari segi teori dan praktikal mengenai hal-hal penggulfungan.

Selanjutnya juga dengan adanya bengkel sebegini dapat memberi kefahaman yang mendalam serta meningkatkan kemahiran

kerja, di samping ia juga adalah forum perbincangan bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam tugas pentadbiran penggulfungan syarikat di JIM.

iii) **Mengadakan Mesyuarat Bersama Pengarah-Pengarah Negeri**

Sasaran ini diadakan adalah bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan Pengarah-Pengarah Negeri bagi membincangkan isu-isu perundangan yang berkaitan dengan penggulfungan Syarikat. Mesyuarat ini tidak diadakan kerana Bahagian ini telah mengambil kesempatan berbincang setiap kali Pengarah-Pengarah Negeri hadir apabila dipanggil oleh Ketua Pengarah untuk mesyuarat di Ibu Pejabat.

Walau bagaimanapun, terdapat satu sasaran tidak dilaksanakan iaitu Bengkel Penyediaan Manual Prosidur Kerja (Fail Meja) Pembatalan Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja. Bengkel tersebut tidak dapat dijalankan oleh sebab tiada peruntukan kewangan.

e) **Aktiviti 2008**

i) **Mesyuarat Bulanan.**

Sepanjang tahun 2008 Bahagian Likuidasi telah mengadakan Mesyuarat Bulanan. Mesyuarat tersebut diadakan 3 bulan sekali iaitu pada bulan Januari 2008, Jun 2008 dan Disember 2008. Mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan serta menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi oleh pegawai dan kakitangan.

ii) **Memberi ceramah**

Pegawai Bahagian Likuidasi telah memberi ceramah-ceramah seperti yang berikut:

- Ceramah kepada Pegawai-Pegawai Baru Gred L29 di ILKAP pada bulan April 2008 dan November 2008; dan
- Taklimat kepada pegawai-pegawai CIDB di Hotel Allson Klana, Nilai, Sepang.

### 3. STATISTIK

a) **Peningkatan bilangan kes-kes penggulfungan syarikat terpaksa dan sukarela**

Kes-kes Penggulfungan Syarikat Terpaksa ditadbirkan oleh 21 cawangan dan kes-kes penggulfungan




syarikat secara sukarela ditadbir terus oleh Ibu Pejabat. Kes-kes penggulangan syarikat dari tahun ke tahun sentiasa meningkat.

Terdapat peningkatan kes berjumlah 1,561 bagi kes penggulangan syarikat terpaksa iaitu tahun 2008 berjumlah 17,886 kes berbanding

tahun 2007 berjumlah 16,325 kes. Bagi kes penggulangan syarikat sukarela peningkatan kes adalah sebanyak 157 kes iaitu tahun 2008 berjumlah 7,466 kes berbanding tahun 2007 berjumlah 7,309 kes (Rajah 4)

**Rajah 4: Bilangan Kes Penggulangan Syarikat Secara Sukarela dan Terpaksa, 2005-2008**




**b) Peningkatan bilangan kes-kes pembatalan pertubuhan dan kesatuan sekerja**

Terdapat peningkatan kes berjumlah 57 bagi kes pembatalan pertubuhan iaitu tahun 2008

berjumlah 1,131 kes berbanding tahun 2007 berjumlah 1,074 kes. Bagi kes pembatalan kesatuan sekerja tiada peningkatan kes iaitu tahun 2008 berjumlah 47 kes berbanding tahun 2007 berjumlah 52 kes (Rajah 5).




**Rajah 5: Bilangan Kes Pembatalan Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja, 2005-2008**



c) Kes Pengguguran Syarikat (terpaksa) dan Sukarela yang telah diselesaikan (Rajah 6)

**Rajah 6: Bilangan Kes Pengguguran Syarikat Secara Terpaksa dan sukarela Yang Berjaya Diselesaikan, 2005 - 2008**





## BAHAGIAN PERUNDANGAN

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

#### a) Mengemaskini Status dan Sistem Pemfailan

Mengemaskini status fail dan sistem pemfailan Bahagian Perundangan bagi tujuan memudahkan sistem carian fail dan status terkini setiap kes. Pengemaskinian ini telah dibuat dari masa ke semasa. Sehingga Disember 2008 jumlah fail yang ditadbirkan oleh Bahagian ini adalah seperti di bawah:

- i. Jumlah fail Mahkamah Persekutuan bagi kes penggulangan syarikat adalah sebanyak 2 buah fail
- ii. Jumlah fail Mahkamah Persekutuan bagi kes kebangkrutan adalah sebanyak 1 buah fail.
- iii. Jumlah fail Mahkamah Rayuan bagi kes penggulangan syarikat adalah sebanyak 120 buah fail.
- iv. Jumlah fail Mahkamah Rayuan bagi kes kebangkrutan adalah sebanyak 77 buah fail.
- v. Jumlah fail Mahkamah Tinggi bagi kes penggulangan syarikat adalah sebanyak 101 buah fail.

vi. Jumlah fail Mahkamah Tinggi bagi kes kebangkrutan adalah sebanyak 77 buah fail.

vii. Jumlah fail Mahkamah Perusahaan adalah sebanyak 1 buah fail.

viii. Jumlah fail Saman Terhadap Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia adalah sebanyak 12 buah fail.

ix. Jumlah fail Saman Terhadap Pegawai Penerima Malaysia adalah sebanyak 6 buah fail.

x. Jumlah fail 33B Akta Kebankrutan 1967 adalah sebanyak 66 buah fail.

#### b) Menghadiri Dan Mengendalikan Kes-Kes Di Mahkamah

Menghadiri dan mengendalikan kes-kes di Mahkamah untuk mewakili Ketua Pengarah Insolvensi/Pegawai Penerima Malaysia dalam kes-kes guaman apabila terdapat tindakan undang-undang oleh atau terhadap bankrap dan, atau syarikat yang dalam penggulangan yang berada di bawah pentadbiran Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia. Ianya bertujuan memastikan setiap kes ditadbir dan diuruskan dengan teratur dan tepat agar perbicaraan dapat dijalankan dan kes-kes dapat diselesaikan sebanyak mungkin. Sepanjang tahun ini, para pegawai Bahagian ini telah menghadiri dan mengendalikan kes mengikut tarikh bicara yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah (Jadual 24).

**Jadual 24: Statistik Kehadiran Bahagian Perundangan Ke Mahkamah, 2008**

| Bulan & Mahkamah                               | Jan       | Feb       | Mac       | Apr       | Mei       | Jun       | Jul       | Ogos      | Sept      | Okt       | Nov       | Dis       | Jumlah Keseluruhan |
|------------------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|--------------------|
| Mahkamah Persekutuan/<br>Penggulangan Syarikat | -         | -         | 2         | -         | -         | -         | 1         | -         | 1         | 1         | 2         | -         | 7                  |
| Mahkamah Persekutuan/<br>Kebankrutan           | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | 1         | -         | -         | 1                  |
| Mahkamah Rayuan/<br>Penggulangan syarikat      | 3         | 10        | 5         | 11        | 9         | 10        | 12        | 22        | 18        | 24        | 29        | 35        | 188                |
| Mahkamah Rayuan/<br>Kebankrutan                | 11        | 5         | 7         | 2         | 8         | 8         | 13        | 15        | 18        | 25        | 27        | 26        | 165                |
| Mahkamah Tinggi/<br>Penggulangan Syarikat      | 11        | 16        | 19        | 12        | 5         | 11        | 14        | 11        | 6         | 6         | 14        | 4         | 129                |
| Mahkamah Tinggi/<br>Kebankrutan                | 13        | 15        | 18        | 8         | 12        | 10        | 8         | 6         | 8         | 12        | 6         | 9         | 125                |
| Mahkamah Perusahaan                            | -         | -         | -         | 1         | 1         | -         | 1         | -         | -         | -         | 1         | 1         | 5                  |
| <b>Jumlah</b>                                  | <b>38</b> | <b>46</b> | <b>51</b> | <b>34</b> | <b>35</b> | <b>39</b> | <b>49</b> | <b>54</b> | <b>51</b> | <b>69</b> | <b>79</b> | <b>75</b> | <b>620</b>         |





c) **Menyediakan Dan Menyemak Saman/ Pembelaan/Afidavit/Hujahan/Perintah Mahkamah**

Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk menyediakan saman, pembelaan, afidavit jawapan/balasan dan hujahan bertulis dan perintah Mahkamah bagi pihak Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia/Pegawai Penerima Malaysia. Setiap saman/pembelaan/affidavit/hujahan/perintah tersebut telah disediakan dengan begitu teliti dan tepat untuk memenuhi kehendak undang-undang dan Mahkamah dan telah dibuat mengikut jumlah kes yang dirujuk.

d) **Memberi Khidmat Nasihat Perundangan**

Khidmat nasihat perundangan yang tepat dan betul serta bersesuaian dengan kehendak kes telah diberikan kepada semua rujukan kes yang telah dirujuk kepada Bahagian ini oleh Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Cawangan-Cawangan bagi kes-kes kebangkrutan, penggulangan syarikat dan pembatalan persatuan/kesatuan sekerja.

e) **Menyelenggara Dan Mentadbir Bilik Bacaan**

Bilik Bacaan JIM diwujudkan bertujuan untuk menyediakan bahan rujukan undang-undang yang bertaraf antarabangsa bagi memudahkan para pegawai dan kakitangan mendapat rujukan yang tepat terutamanya bagi kes-kes yang berkaitan dengan perihal kebangkrutan dan penggulangan syarikat dan pembatalan persatuan/kesatuan sekerja. Selain daripada itu juga terdapat bahan rujukan lain seperti koleksi keagamaan, ekonomi, teknologi maklumat, pengurusan dan lain-lain rujukan ringan. Bahagian ini telah menjalankan tugas menyelenggara dan mentadbir hal ehwal pentadbiran Bilik Bacaan JIM bagi memastikan bilik bacaan dapat memenuhi kehendak para pegawai dan kakitangan JIM untuk mendapatkan rujukan yang bersesuaian disamping memastikan bahan rujukan adalah yang terkini dan sistem penyusunan yang lebih sistematik bagi memudahkan pencarian bahan. Bagi tahun 2008, JIM telah diperuntukkan sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Tiga Puluh Ribu bagi pembelian bahan bacaan. Agihan bahan-bahan bacaan tersebut telah dibuat oleh Bahagian ini kepada Cawangan-Cawangan JIM.

f) **Menyediakan Ikatan Otoriti**

Bahagian ini telah memajukan otoriti undang-undang berkaitan undang-undang Kebankrutan

dan penggulangan syarikat kepada Cawangan-Cawangan JIM bagi mendedahkan pegawai dan kakitangan kepada keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mahkamah untuk dijadikan rujukan harian di dalam menjalankan tugas harian.

g) **Mengadakan Bengkel Kursus Dalam**

Pada 3 dan 4 Julai 2008 Bahagian ini telah mengadakan Bengkel Penyediaan Afidavit, Perintah dan Tatacara Kehadiran di Mahkamah bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan BHEUU kepada 50 orang Pembantu Undang-Undang bagi memberi pendedahan berkaitan prosedur dan gambaran yang jelas melalui latihan amal penyediaan afidavit, perintah dan tatacara kehadiran di Mahkamah. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 62 orang Pembantu Undang-Undang. Bahagian ini juga turut mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu (Pembatalan Persatuan/Kesatuan Sekerja) bersama Tn Hj. Mohammed Noor Bin Mohd Alias, Pegawai Insolvensi Kanan Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan JIM dengan pegawai-pegawai Bahagian Perundangan pada 28.8.2008 untuk mendedahkan para pegawai Bahagian ini berkenaan undang-undang dan pentadbiran Pembatalan Persatuan/Kesatuan Sekerja.

h) **Mesyuarat Dan Jemputan Sebagai Penceramah**

Pegawai Undang-Undang daripada Bahagian ini turut terlibat dalam menghadiri mesyuarat yang dianjurkan di dalam mahupun di luar JIM serta terlibat sebagai penceramah jemputan. Berikut adalah senarai mesyuarat yang telah dihadiri dan juga senarai jemputan sebagai penceramah:

- i. Mesyuarat Unit Jualan Aset
- ii. Mesyuarat Ketua Pengarah Insolvensi Dan Pegawai Undang-Undang dan Ketua Cawangan
- iii. Mesyuarat Pengarah-Pengarah Ibupejabat
- iv. Mesyuarat Jawatankuasa Pindaan Akta Kebankrutan 1967
- v. Mesyuarat 'Reengineering' CMS JIM
- vi. Mesyuarat Focus Group On Closing A Business (Kementerian Wilayah Persekutuan Putrajaya)
- vii. Mesyuarat Di Antara Wakil Jawatankuasa Perhubungan Mahkamah (Sivil) dan Ketua Pengarah Insolvensi
- viii. Annual General Meeting JALSOA



- ix. Majlis Penyerahan Laporan Akhir CLRC di Hotel Legend, Kuala Lumpur
- x. Panel Temuduga Untuk Jawatan Penghantar Notis (N3) dan Bailif (N11)
- xi. Projek Khas Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara Tahun 2008
- xii. Penceramah Kursus Induksi Khusus Kumpulan Sokongan Anjuran Jabatan Perdana Menteri
- xiii. Penceramah Kepada Pembantu Tadbir N17 (Induksi Khusus)
- xiv. Penceramah Kepada Bengkel Penyediaan Affidavit, Perintah dan Tatacara Kehadiran Di Mahkamah
- xv. Penceramah Kursus Asas Pembantu Undang-Undang Gred L29

## BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

### 1. PENGENALAN

Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan ditubuhkan di Ibu Pejabat JIM untuk menjalankan penyiasatan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang (Akta Kebankrapan 1967, Kaedah Kebankrapan 1969, Akta Syarikat 1965, Kaedah Penggulangan Syarikat 1972, Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan 1984, Akta Kesatuan Sekerja dan Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 dan Kanun Keseksamaan) yang menyentuh hal ehwal, harta dan "conduct" sibankrap, syarikat yang telah digulungan dan Kesatuan dan Pertubuhan yang dibubarkan untuk faedah pemiutang-pemiutang serta pihak-pihak yang berkaitan, serta melaksanakan penguatkuasaan ke atas perintah-perintah Mahkamah ke atas sibankrap, syarikat yang digulungan dan Kesatuan Sekerja dan Pertubuhan yang dibubarkan.

Fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

- a. Untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kebankrapan 1967, Kaedah Kebankrapan 1969, Akta Syarikat 1965, Kaedah Penggulangan Syarikat 1972, Peraturan Pertubuhan 1984, Akta Kesatuan Sekeja dan Peraturan Kesatuan Sekerja 1959 dan Kanun Keseksamaan yang menyentuh hal ehwal, harta dan 'conduct' sibankrap, syarikat yang telah digulungan dan kesatuan dan pertubuhan yang dibubarkan untuk faedah pemiutang-pemiutang serta pihak-pihak yang berkaitan.
- b. Mengumpul dan mendapatkan keterangan yang relevan, mengenalpasti saksi-saksi di dalam sesuatu

kes, mendapatkan keterangan dokumentari dan membuat syor pertuduhan kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

- c. Membuat naziran ke cawangan-cawangan bagi menyelia status dan memberi nasihat tentang penguatkuasaan di peringkat cawangan.
- d. Menganggotai Jawatankuasa tetap panel Aduan Undang-Undang iaitu dengan menyiasat dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima berkenaan kebangkrutan, Penggulangan Syarikat dan Jabatan daripada Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri

### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

- a) Sasaran kerja Bahagian bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:
  - i. Mengetahui/ mengemaskini dan menutup fail-fail lama bankrap dan juga penggulangan syarikat setelah tindakan diambil dan dipersetujui oleh Bahagian Pendakwaan
  - ii. Menyelesaikan masalah-masalah kes yang dirujuk ke Ibu Pejabat oleh cawangan dan juga membuka kertas siasatan bagi kes-kes yang berprofil tinggi seperti kes jutawan bankrap
  - iii. Mengadakan kursus penyiasatan untuk ketua cawangan dan juga pegawai penyiasat untuk pendedahan penyiasatan dan juga penguatkuasaan
  - iv. Memastikan setiap cawangan menghantar LMAF dan juga statistik bulanan kepada Ibu Pejabat untuk semakan .

#### b) Penubuhan Jawatankuasa Semakan Kes Jutawan Bankrap

Laporan ini adalah berkaitan kes bankrap yang dianggap jutawan. Pendekatan laporan ini disediakan berdasarkan kepada semakan yang telah dibuat pada fail fizikal, temuduga dengan pegawai insolvensi dan juga pegawai penyiasat dan juga pemerhatian dari sudut sistem kerja di cawangan yang terlibat. Semakan terhadap kes jutawan bankrap ini dibuat berdasarkan bukti-bukti yang disediakan oleh cawangan dan pemantauan ini telah dilakukan oleh pegawai penyiasat bersama dengan Bahagian Penilaian. Bahagian Penilaian perlu bagi menyemak dan menilai harta-harta yang dipercayai dimiliki oleh sibankrap. Semakan ini telah mengambil masa selama sebulan dan pemantauan telah dilakukan di setiap cawangan yang mempunyai kes bankrap yang hidup seperti jutawan.



Secara kesimpulannya tindakan siasatan yang lebih lanjut perlu dibuat bagi setiap kes yang dikemukakan kecuali bagi kes-kes yang telah memperolehi perintah pelepasan atau pembatalan. Oleh yang demikian kertas siasatan telahpun dibuka bagi setiap kes yang terlibat dan pemantauan dibuat dari hari ke hari untuk tindakan di atas setiap kesalahan yang dilakukan oleh bankrap yang dianggap jutawan.

c) **Bengkel Penyiasatan dan Penguatkuasaan dan juga Pendakwaan**

Bengkel ini telah diadakan di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang bertempat di dewan aras 2 dan diadakan pada 28 April 2008 sehingga 29 April 2008. Jumlah peserta yang terlibat adalah seramai 51 orang iaitu terdiri daripada pegawai penyiasat dan juga pendakwaan. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan yang menyeluruh kepada pegawai-pegawai yang baru ditempatkan di Unit Penyiasatan dan Penguatkuasaan Ibu Pejabat dan juga cawangan. Selain itu juga, bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan pegawai kepada prosedur yang perlu dipatuhi dan perkara yang perlu dilakukan semasa menjalankan penyiasatan. Bengkel ini telah berjaya mendedahkan proses kerja sebenar sebagai seorang pegawai penyiasat dalam usaha untuk meningkatkan kualiti Bahagian Penyiasatan dan juga Penguatkuasaan.

d) **Kursus Penyiasatan dan Penguatkuasaan di Everly Resort Melaka**

Kursus asas Penyiasatan dan Penguatkuasaan telah diadakan pada 1 November 2008 sehingga 5 November 2008. Bengkel ini telah disertai oleh ketua-ketua cawangan bersama dengan pegawai penyiasat. Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan yang menyeluruh kepada peserta-peserta mengenai tugas sebagai seorang Pegawai Penyiasat di JIM. Kursus ini telah berlangsung selama 5 hari dan mendapat respon yang menggalakkan daripada para peserta. Pengisian modul kursus ini juga telah membuka memberi galakan kepada para peserta. Penceramah-penceramah jemputan adalah dari kalangan yang berpengalaman seperti dari POLIS, BPR dan juga lain-lain.

e) **Statistik Kertas Siasatan dan Juga LMAF**

Statistik ini adalah bertujuan untuk mengetahui perkembangan terkini kertas siasatan di peringkat ibu pejabat dan juga cawangan. Setakat ini, statistik dibuat bagi mengetahui perkembangan kes dan juga pergerakan kes sama ada telah ditutup ataupun didakwa. Terdapat tiga jenis statistik yang dibuat oleh bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan iaitu statistik bulanan ibu pejabat, statistik bulanan jutawan bankrap dan juga statistik bulanan cawangan (Rujuk Jadual 25 dan 26).

JADUAL 25: LAPORAN BULANAN DISEMBER 2008  
BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAN, IBU PEJABAT

| JENIS KES            | Dibawa dari bulan |         | Bil K/S Didaftar |         | Jumlah K/S      |                 | Dalam Siasatan |         | Selesai * |         | Baki Kes Dibawa Ke bulan Hadapan |         |
|----------------------|-------------------|---------|------------------|---------|-----------------|-----------------|----------------|---------|-----------|---------|----------------------------------|---------|
|                      | (a1)              | (a2)    | (b1)             | (b2)    | (c1)            | (c2)            | (d1)           | (d2)    | (e1)      | (e2)    | K/S (B)                          | K/S (L) |
|                      | K/S (B)           | K/S (L) | K/S (B)          | K/S (L) | K/S (B) (a1+b1) | K/S (L) (a2+b2) | K/S (B)        | K/S (L) | K/S (B)   | K/S (L) | c1 - e1                          | c2 - e2 |
| Sek 16 A.Keb         | 7                 |         |                  |         | 7               |                 | 7              |         |           |         | 7                                |         |
| Sek 28 (1)(c) A. Keb |                   |         |                  |         |                 |                 |                |         |           |         |                                  |         |
| Sek 33 A. Keb        | 1                 |         |                  |         | 1               |                 | 1              |         |           |         | 1                                |         |
| Sek 38 A. Keb        | 46                |         |                  |         | 46              |                 | 46             |         |           |         | 46                               |         |
| Sek 52 A. Keb        | 6                 |         |                  |         | 6               |                 | 6              |         |           |         | 6                                |         |
| Sek 91 A. Keb        | 7                 |         |                  |         | 7               |                 | 7              |         |           |         | 7                                |         |
| Sek 109 A. Keb       | 39                |         |                  |         | 39              |                 | 39             |         |           |         | 39                               |         |
| Sek 115 A. Keb       | 3                 |         |                  |         | 3               |                 | 3              |         |           |         | 3                                |         |
| DLL (A. Keb)         | 28                |         |                  |         | 28              |                 | 28             |         |           |         | 28                               |         |
| Jutawan Bankrap      | 80                |         |                  |         | 80              |                 | 80             |         |           |         | 80                               |         |
| Sek 233 A. Sykt      |                   | 1       |                  |         |                 | 1               |                | 1       |           |         |                                  | 1       |
| Sek 277 A. Sykt      |                   | 1       |                  |         |                 | 1               |                | 1       |           |         |                                  | 1       |
| Sek 300 A. Sykt      |                   | 5       |                  |         |                 | 5               |                | 5       |           |         |                                  | 5       |
| Sek 304 A. Sykt      |                   | 2       |                  |         |                 | 2               |                | 2       |           |         |                                  | 2       |
| Sek 421 K. K         | 1                 |         |                  |         | 1               |                 | 1              |         |           |         | 1                                |         |
| Sek 9A A. Pert       | 1                 |         |                  |         | 1               |                 | 1              |         |           |         | 1                                |         |
| DLL (A. Sykt)        |                   | 25      |                  |         |                 | 25              |                | 25      |           |         |                                  | 25      |

\* K/S (B) - Kertas Siasatan Bankrap  
\* K/S (L) - Kertas Siasatan Likuidasi





JADUAL 26: LAPORAN BULANAN DISEMBER 2008 IBU PEJABAT (JUTAWAN BANKRAP)

| JENIS KES            | Dibawa dari bulan lepas |      | Bil K/S Di Daftar |      | Jumlah K/S |      | Dalam Siasatan |      | Selesai * |      | Baki Kes Dibawa Ke bulan Hadapan |                    |
|----------------------|-------------------------|------|-------------------|------|------------|------|----------------|------|-----------|------|----------------------------------|--------------------|
|                      | (a)                     |      | (b)               |      | (c)        |      | (d)            |      | (e)       |      | (f)                              |                    |
|                      | (a1)                    | (a2) | (b1)              | (b2) | (c1)       | (c2) | (d1)           | (d2) | (e1)      | (e2) | K/S (B)<br>c1 - e1               | K/S (L)<br>c2 - e2 |
| SEK 16 A. Keb        | 3                       |      |                   |      | 3          |      | 3              |      |           |      | 3                                |                    |
| SEK 28 (1)(c) A. Keb | 1                       |      |                   |      | 1          |      | 1              |      |           |      | 1                                |                    |
| SEK 33 A. Keb        |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| SEK 38 A. Keb        | 47                      |      |                   |      | 47         |      | 47             |      |           |      | 47                               |                    |
| SEK 91 A. Keb        | 4                       |      |                   |      | 4          |      | 4              |      |           |      | 4                                |                    |
| SEK 109 A. Keb       | 28                      |      |                   |      | 28         |      | 28             |      |           |      | 28                               |                    |
| SEK 115 (2) A. Keb   |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| DLL                  | 13                      |      |                   |      | 13         |      | 13             |      | 5         |      | 8                                |                    |
| SEK 125 A. Sykt      |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| SEK 132 A. Sykt      |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| SEK 234 A. Sykt      |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| SEK 236 A. Sykt      |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| SEK 300 A. Sykt      |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |
| DLL                  |                         |      |                   |      |            |      |                |      |           |      |                                  |                    |





LAPORAN BULANAN DISEMBER 2008  
CAWANGAN - CAWANGAN

| JENIS KES           | Dibawa dari bulan lepas |         | Bil K/S Di Daftar |         | Jumlah K/S      |                 | Dalam Siasatan |         | Selesai * |         | Baki Kes Dibawa Ke bulan Hadapan |         |
|---------------------|-------------------------|---------|-------------------|---------|-----------------|-----------------|----------------|---------|-----------|---------|----------------------------------|---------|
|                     | (a1)                    | (a2)    | (b1)              | (b2)    | (c1)            | (c2)            | (d1)           | (d2)    | (e1)      | (e2)    | K/S (B)                          | K/S (L) |
|                     | K/S (B)                 | K/S (L) | K/S (B)           | K/S (L) | K/S (B) (a1+b1) | K/S (L) (a2+b2) | K/S (B)        | K/S (L) | K/S (B)   | K/S (L) | c1 - e1                          | c2 - e2 |
| SEK 16 A.Keb        | 57                      | 4       | 9                 |         | 66              | 4               | 58             |         | 2         |         | 64                               | 4       |
| SEK 28 (1)(c) A.Keb | 103                     |         | 13                |         | 116             |                 | 59             |         | 3         |         | 113                              |         |
| SEK 33 A.Keb        | 2                       |         |                   |         | 2               |                 | 2              |         |           |         | 2                                |         |
| SEK 38 A.Keb        | 29                      |         | 3                 |         | 32              |                 | 31             |         |           |         | 32                               |         |
| SEK 91 A.Keb        | 41                      |         | 10                |         | 51              |                 | 51             |         |           |         | 51                               |         |
| SEK 109 A.Keb       | 32                      |         | 14                |         | 46              |                 | 39             |         | 2         |         | 44                               |         |
| SEK 115 (2) A.Keb   | 1                       |         |                   |         | 1               |                 |                |         |           |         | 1                                |         |
| DLL                 | 16                      |         | 6                 |         | 22              |                 | 21             |         |           |         | 22                               |         |
|                     |                         |         |                   |         |                 |                 |                |         |           |         |                                  |         |
| SEK 125 A.Sykt      | 2                       |         |                   |         | 2               |                 | 2              | 2       |           |         | 2                                |         |
| SEK 132 A.Sykt      | 1                       |         | 1                 |         | 2               |                 | 2              |         |           |         | 2                                |         |
| SEK 234 A.Sykt      |                         | 4       |                   |         |                 | 4               |                | 12      |           |         |                                  | 4       |
| SEK 236 A.Sykt      |                         | 2       |                   |         |                 | 2               |                | 1       |           | 2       |                                  |         |
| SEK 300 A.Sykt      |                         | 2       |                   |         |                 | 2               |                | 5       |           |         |                                  | 2       |
| DLL                 |                         | 5       |                   |         |                 | 5               |                | 13      |           |         |                                  | 5       |



**Gambar 34: Ahli Panel Bengkel Penyiasatan 1/2008**



**Gambar 35: Seorang peserta sedang membuat pertanyaan pada Bengkel Penyiasatan Bil. 1/2008**



**Gambar 36: Perasmian Kursus Penyiasatan oleh Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia di Everly Resort, Melaka**



**Gambar 37: Sesi pertanyaan semasa Kursus Penyiasatan pada 1-5 Disember 2008**

## **BAHAGIAN PENDAKWAAN**

### **1. PENGENALAN**

Bahagian ini pada mulanya dikenali sebagai Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan. Pada tahun 2002 bahagian ini dipisahkan daripada Bahagian Penguatkuasaan dan dijadikan satu bahagian tersendiri.

Fungsi Bahagian Pendakwaan adalah untuk menjalankan pendakwaan semua kes jenayah dan kuasi-jenayah di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan Akta Syarikat 1965 bagi JIM di Mahkamah seluruh Malaysia. Dalam melaksanakan fungsi di atas Bahagian Pendakwaan adalah dikehendaki:

- a. Meneliti dan mengkaji kes-kes atau Kertas Siasatan serta permohonan Komital atau lebih dikenali sebagai kertas LMAF (Loose Action Minute File) yang dikemukakan oleh Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah atas apa-apa kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967.
- b. Mengeluarkan Perintah untuk Menyiasat (Order to Investigate) kepada Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan bagi sebarang aduan yang diterima terus oleh Bahagian Pendakwaan.
- c. Penyediaan Permohonan Saman.  
  
Menyediakan Kertas Pertuduhan berdasarkan maklumat saman yang dikemukakan oleh Pegawai Penyiasat yang berkenaan (dari Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan).
- d. Kehadiran di Mahkamah pada tarikh sebutan yang ditetapkan oleh Mahkamah sama ada saman tidak dapat diserahkan atau pun saman dapat diserahkan kepada Orang Kena Tuduh dan seterusnya kehadiran di Mahkamah pada hari perbicaraan.
- e. Menjalankan pendakwaan semua kes jenayah di bawah bidang kuasa Akta Kebankrapan 1967 dan Kanun Keseksaan KECUALI Kes-kes Terkelas dalam Arah Timbalan Pendakwa Raya 5/94 dan kes kuasi jenayah bagi pihak JIM.

### **2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008**

#### **2.1 Aktiviti Bahagian**

Bahagian Pendakwaan dengan kerjasama Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan telah mengendalikan Bengkel Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Bersama Bahagian Pendakwaan. Kursus ini telah



diadakan pada 28 dan 29 April 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, BHEUU. Peserta kursus adalah terdiri daripada para Pegawai Insolvensi Gred L29 hingga Gred L38 dari Unit Penyiasatan dan Unit Pendakwaan Cawangan.

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan kepada pegawai-pegawai JIM mengenai kaedah siasatan yang betul berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Kebankrapan dan Akta Syarikat. Selain daripada itu ia adalah bertujuan melatih pegawai-pegawai memantapkan penguasaan dengan undang-undang insolvensi serta kemahiran berhujah di Mahkamah.

### 3.2 Statistik Kes

Di samping itu juga, bermula pada bulan September 2008, Bahagian Pendakwaan turut memantau dan menyemak semua permohonan Komital (LMAF) di bawah Akta Kebankrapan 1967 yang dikemukakan oleh cawangan. Jumlah kes komital yang dikendalikan oleh Bahagian Pendakwaan setakat 31 Disember 2008 adalah sebanyak 257 kes. Kes-kes yang dikendalikan adalah melibatkan kesalahan di bawah subseksyen 16(3) iaitu kegagalan menyerahkan Penyataan Hal Ehwal (PHE) dalam tempoh yang ditetapkan, subseksyen 91(2) kegagalan menjelaskan bayaran ansuran bulanan, subseksyen 38(1)(c) meninggalkan negara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi, subseksyen 38(1)(d) menjadi Pengarah Syarikat tanpa kebenaran Ketua Pengarah dan lain-lain kesalahan.

**Jadual 27: Pendaftaran kes komital, 2008**

| Dibawa Dari Tahun Lepas | K/S Didaftarkan (2008) | K/S Dalam Tindakan<br>( c ) | K/S Dikembalikan |               | Arahan Mendakwa | Baki Dibawa Hadapan |
|-------------------------|------------------------|-----------------------------|------------------|---------------|-----------------|---------------------|
|                         |                        |                             | NFA              | Dengan Arahan |                 |                     |
| ( a )                   | ( b )                  | ( c = a )                   | (d1)             | (d2)          |                 | ( a+b ) – (d1+d2)   |
| 17                      | 71                     | 17                          | 54               | 32            | 2               | 2                   |

### 3.3 Aktiviti-Aktiviti Lain

Selain daripada aktiviti-aktiviti utama, Bahagian Pendakwaan juga turut menganggotai beberapa Jawatankuasa seperti berikut:

- Jawatankuasa Pindaan Akta Kebankrapan 1967
- Jawatankuasa Khas Semakan Pelepasan Sijil Ketua Pengarah Insolvensi
- Jawatankuasa INSIST
- Jawatankuasa Unit Jualan Aset
- Jawatankuasa Penggubalan Soalan Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK)
- Pasukan Khas (Task Force) Pelepasan Sijil Ketua Pengarah Insolvensi bagi Cawangan Wilayah Persekutuan
- Pemantauan JIM Cawangan Pulau Pinang.

### BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

#### 1. PENGENALAN

Memastikan jawapan carian kebangkrapan dan penggulangan syarikat adalah tepat, cepat dan berkualiti.

#### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

##### a) Khidmat Carian Status Kebankrapan Individu dan Penggulangan Syarikat (Kaunter)

Perkhidmatan carian melalui Kaunter Carian hanya terdapat di Ibu Pejabat, JIM. Perkhidmatan carian kaunter adalah satu alternatif carian selain daripada carian melalui internet iaitu e-Insolvensi.

Di antara aktiviti yang dijalankan dalam khidmat carian ini adalah seperti berikut:



- i. Menerima atau mengambil borang permohonan carian dari Kaunter Bayaran.
- ii. Kelompokkan borang dalam 150-200 carian dalam satu fail sebelum dibahagikan kepada OMPD yang bertugas pada bulan tersebut.
- iii. Masukkan data dengan membuat carian satu persatu mengikut nombor rujukan dan nombor fail.
- iv. Menerima borang faharasat (maklumat asas si bankrap/syarikat yang digulungan) dari cawangan samada faharasat baru atau pindaan.
- v. Masukkan maklumat faharasat ke dalam sistem.
- vi. Mengendalikan carian segera dan mencetak Sijil tersebut kepada pelanggan yang membuat carian Kebankrapan/Pengulungan Syarikat melalui Kaunter Carian.
- vii. Membuat pembetulan secara 'endorsement' jika kesilapan minor atau mengeluarkan sijil kali kedua jika kesilapan major.
- viii. Menyemak sijil yang telah dicetak bagi menentukan kesahihan maklumat.
- ix. Membuat penghantaran sijil melalui pos atau melalui laci.
- x. Mengendalikan Kaunter Carian untuk urusan penyerahan sijil carian melalui e-Insolvensi kepada pelanggan yang memilih untuk memungutnya di Ibu Pejabat.


- xi. Mengembalikan semula borang permohonan yang tidak lengkap untuk pertanyaan dan mengembalikan semula cek/wang kiriman/wang pos bagi bayaran yang tidak cukup atau yang bermasalah.
- xii. Menerima dan memproses permohonan carian segera bagi Tentera/Polis atau carian dari agensi kerajaan.
- xiii. Merekod dan mencetak sijil carian melalui e-Insovensi yang dibuat di cawangan-cawangan dan mengepos sijil-sijil carian yang siap dicetak.

Dari segi pencapaian sehingga 31.12.2008 dalam tempoh setahun, jumlah permohonan carian status kebangkrapan individu dan penggulungan syarikat yang telah diproses untuk dikeluarkan sijilnya adalah sebanyak 1,101,951 permohonan. Jumlah ini terbahagi dua iaitu bagi carian individu sebanyak 984,601 carian dan bagi carian syarikat sebanyak 117,350 carian. Jadual 28 menunjukkan jumlah permohonan yang telah diproses dan dikeluarkan sijil carian bagi tempoh 5 tahun iaitu 2004 hingga 2008.

**Jadual 28: Permohonan Carian Bagi Tempoh 2004-2008**

| Tahun Carian  | 2004           | 2005           | 2006           | 2007             | 2008             |
|---------------|----------------|----------------|----------------|------------------|------------------|
| Individu      | 784,565        | 880,048        | 865,122        | 933,139          | 984,601          |
| Syarikat      | 78,170         | 97,783         | 93,148         | 112,534          | 117,350          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>862,735</b> | <b>977,831</b> | <b>958,270</b> | <b>1,045,673</b> | <b>1,101,951</b> |



**Rajah 7 : Prestasi Permohonan Carian, 2004-2008**

Rajah 7 menunjukkan perbandingan jumlah carian yang diterima dan diproses bagi tempoh 2004 hingga 2008. Berbanding dengan tahun lalu, carian status kebangkrutan individu menunjukkan peningkatan sebanyak 5.51% dan carian status penggulangan syarikat menunjukkan peningkatan 4.28% dari jumlah tahun sebelumnya. Ini menunjukkan peningkatan keseluruhan carian bertambah 56,278 carian berbanding tahun lalu. Ini adalah seiring dengan peningkatan penggunaan e-insolvency pada tahun ini.

#### b) **Sistem Pengurusan Kes (CMS)**

Sistem Pengurusan Kes (CMS) adalah sistem yang merekodkan segala maklumat mengenai kes kebangkrutan individu dan penggulangan syarikat bermula dari penerimaan deposit untuk failkan petisyen hinggalah kepada proses diberi pelepasan bagi individu atau perintah penggantungan bagi penggulangan syarikat. Di antara aktiviti yang dijalankan terhadap sistem ini adalah seperti berikut:

- i. Menerima surat seperti daripada syarikat guaman, agensi kerajaan, orang awam membuat aduan.
- ii. Membalas surat-surat yang diterima selepas selesai membuat pengemaskinian atau mengenalpasti punca masalah yang berlaku.
- iii. Melakukan pengemaskinian secara 'back door' bagi membantu dalam menyelesaikan masalah mengemaskini data perakaunan, kebangkrutan, dan juga likuidasi.
- iv. Memberi khidmat nasihat kepada pengguna CMS apabila mereka menghadapi masalah sistem.
- v. Melakukan pemindahan fail dari cawangan ke cawangan yang sepatutnya ia didaftarkan dan kes pemindahan fail ke cawangan baru seperti cawangan Kangar dan Temerloh.
- vi. Mewujudkan identiti dan katalaluan kepada pengguna baru yang terlibat dalam urusan sistem CMS mengikut peranan tugas yang telah ditetapkan.
- vii. Memastikan Sistem CMS berjalan lancar di peringkat cawangan dan Ibu pejabat dengan melakukan proses 'back-up' pangkalan data pada setiap Sabtu minggu ke-3 dan 'back-up' data transaksi pada setiap hari dan melakukan





proses 'housekeeping' dalam server aplikasi dengan menghapuskan semua 'log file' yang menjadi bebanan pada capaian aplikasi.

- viii. Aktiviti tambahan yang dilakukan pada tahun ini adalah menyelesaikan kes-kes tertunggak. Ianya termasuk pemulangan semula wang deposit dan juga pembayaran dividen kepada pemiutang.
- ix. Aktiviti tambahan yang lain adalah 'data cleansing'. Pada peringkat permulaan ini, rekod-rekod di dalam CMS yang tidak mempunyai kad pengenalan lama atau baru akan dilengkapkan. Maklumat Nombor Pengenalan Diri ini adalah dari kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Dari segi pencapaian, Bahagian ini telah banyak membantu cawangan yang menghadapi masalah penggunaan sistem CMS dan juga mengemaskini data secara 'back door' yang disebabkan kelemahan yang terdapat pada sistem CMS. Walau bagaimanapun dengan kerjasama pihak Seksyen Sistem Maklumat, BHEUU kelemahan sistem CMS cuba diatasi dengan mengenalpasti segala masalah dan keperluan bagi memantapkan lagi sistem ini. Kes pemindahan fail dari cawangan ke cawangan sepatutnya juga telah banyak diselesaikan.

Aduan mengenai status kebangkrapan juga telah dapat dikurangkan apabila kerja-kerja 'data cleansing' dijalankan. Setelah selesai, kerja-kerja ini, tindakan-tindakan susulan yang lain akan dibuat supaya maklumat yang diberikan semasa carian rasmi adalah betul.

### c) **Projek e-Insolvency**

Projek e-Insolvency adalah satu projek yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada

pengguna untuk melakukan carian status kebangkrapan dalam persekitaran Internet melalui kemudahan e-Services. Di antara aktiviti yang dijalankan pada tahun ini ialah:

- i. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat berkaitan projek e-Insolvency bagi memastikan keperluan sistem dipenuhi bila dilaksanakan nanti.
- ii. Menjalpasti keperluan yang diperlukan oleh BTM, JIM semasa kerja-kerja cetakan dilaksanakan.
- iii. Melakukan UAT/FAT untuk perubahan-perubahan yang diminta oleh JIM/BHEUU.
- iv. Perbincangan dari masa ke semasa dengan Seksyen Maklumat, BHEUU untuk memantapkan lagi proses kerja
- v. Mengendalikan pertanyaan berkenaan dengan carian samada kaunter atau e-Insolvency.
- vi. Mengendalikan cetakan yang diminta oleh pelanggan e-Insolvency dan menguruskan penghantaran sijil-sijil berkenaan di tempat yang dipilih oleh pelanggan tersebut.

Dari segi pencapaian, Bahagian ini bertindak memainkan peranan bagi mengenalpasti keperluan dalam projek e-Insolvency bersama-sama dengan pihak Seksyen Sistem Maklumat, BHEUU. Beberapa perbincangan telah dibuat untuk menentukan pendekatan dari segi pembangunan sistem, infrastruktur sistem, kaedah cetakan, audit trail, integriti data, keselamatan data dan sebagainya. Sepanjang tahun 2008, mengikut Jadual 29, terdapat peningkatan penggunaan e-Insolvency jika dibanding pada tahun 2007.



Jadual 29 : Bilangan Carian, 2007-2008

| Tahun       | Bulan   | Bukan e-Insolvensi |           |         |      | e-Insolvensi |           |          |      |
|-------------|---------|--------------------|-----------|---------|------|--------------|-----------|----------|------|
|             |         | Kebankrapan        | Likuidasi | Jumlah  | %    | Kebankrapan  | Likuidasi | Jumlah   | %    |
| 2008        | Jan-08  | 9,485              | 940       | 10,425  | 11.1 | 74,649       | 9,156     | 83,805   | 89.0 |
|             | Feb-08  | 13,167             | 829       | 13,996  | 16.3 | 64,634       | 7,228     | 71,862   | 83.7 |
|             | Mac-08  | 8,713              | 1,068     | 9,781   | 10.6 | 73,387       | 9,443     | 82,830   | 89.5 |
|             | Apr-08  | 2,739              | 348       | 3,087   | 3.2  | 83,185       | 9,767     | 92,952   | 96.8 |
|             | Mei-08  | 3,010              | 406       | 3,416   | 3.8  | 77,811       | 9,461     | 87,272   | 96.3 |
|             | Jun-08  | 2,535              | 385       | 2,920   | 3.1  | 80,546       | 7,726     | 90,272   | 96.9 |
|             | Jul-08  | 3,431              | 449       | 3,880   | 3.7  | 90,542       | 10,660    | 101,202  | 96.3 |
|             | Ogos08  | 2,562              | 413       | 2,975   | 3.1  | 83,501       | 9,575     | 93,076   | 96.9 |
|             | Sept-08 | 2,722              | 337       | 3,059   | 3.3  | 79,226       | 9,629     | 88,855   | 96.7 |
|             | Okt-08  | 2,336              | 241       | 2,577   | 3.1  | 71,781       | 8,632     | 80,413   | 96.9 |
|             | Nov-08  | 2,746              | 248       | 2,994   | 3.3  | 77,426       | 9,305     | 86,731   | 96.7 |
|             | Dis-08  | 5,553              | 501       | 6,054   | 7.2  | 69,158       | 8,603     | 77,761   | 92.8 |
| Jumlah 2008 |         | 58,999             | 6,165     | 65,164  | 5.9  | 925,846      | 111,185   | 1037,031 | 94.1 |
| Jumlah 2007 |         | 132,071            | 14,196    | 146,267 | 14.0 | 801,068      | 98,338    | 899,406  | 86.0 |



d) **Perolehan dan Penyelenggaraan Peralatan ICT**

Dalam tahun 2008, pihak JIM Cawangan Wilayah telah mendapat 10 unit komputer bersama meja daripada MIMOS secara sewaan bagi tujuan 'task force' pembayaran deposit dan dividen. Segala urusan sewaan adalah diuruskan oleh pihak BHEUU.

Pihak IT JIM yang diwakili oleh En Ahmad Fuad Razif bin Baharuddin bersama-sama dengan pihak IT BHEUU telah menjalankan aktiviti preventive maintenance di semua cawangan JIM bagi memastikan kesemua peralatan komputer dalam keadaan baik disamping itu pengemaskinian aset ICT juga dijalankan.

e) **Projek Data Migrasi**

Projek Data Migrasi adalah bertujuan untuk memberi memindahkan kes-kes lama dalam fizikal fail yang terdapat di semua cawangan JIM. Bagi modul akaun terdapat hanya lima cawangan yang dapat dilakukan sepenuhnya iaitu cawangan Kuala Lumpur, Selangor, Johor Bharu, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Manakala bagi modul non-akaun pula hanya lima cawangan yang telah selesai iaitu Cawangan Ipoh, Sibu, Taiping, Melaka dan Negeri Sembilan. Di antara aktiviti yang telah dijalankan ialah:

- i. Menenalpasti proses-proses kerja yang bersesuaian untuk dilaksanakan di dalam pelaksanaan projek ini.
- ii. Menghadiri mesyuarat atau perbincangan berkaitan data migrasi bagi memantau pelaksanaan dan menenalpasti masalah yang dihadapi oleh vendor tersebut ketika melaksanakan projek ini.
- iii. Membantu BHEUU di dalam menghasilkan template yang digunakan untuk memindahkan maklumat kebangkrutan dari fail fizikal sebelum dikuncimasuk di dalam CMS.
- iv. Membuat penyediaan bersama-sama dengan cawangan Selangor dan Wilayah Persekutuan di dalam memberi latihan kepada Hei Tech Padu di dalam proses pemindahan maklumat tersebut.
- v. Taklimat Data Migrasi telah diadakan di M.S Garden, Kuantan, Pahang pada 30 November

2007 – 2 Disember 2007. Taklimat ini dihadiri oleh semua Pengarah-pengarah Bahagian, JIM, Ketua-ketua Cawangan JIM, Pegawai Insolvensi Gred 32 ke atas dan semua Gred 29 keatas bagi Cawangan Kelantan, Terengganu, Kuantan dan Temerloh.

f) **Sistem Insolvensi Bersepadu (INSISTS)**

Setelah mengkaji penambahbaikan yang perlu dibuat kepada CMS JIM adalah terlalu banyak dan melibatkan banyak kos, BHEUU bersetuju dengan permintaan JIM untuk melihat semula keperluan sebenar JIM dan membangunkan satu sistem baru yang lebih dikenali sebagai INSISTS.

Beberapa siri 'brainstorming' oleh JIM yang dipecahkan mengikut kumpulan untuk mendapatkan satu aliran proses kerja yang standard yang boleh digunakan di setiap cawangan JIM.

Satu kertas kerja telah dibentangkan pada 4 Ogos 2008 kepada BHEUU. BHEUU di dalam proses untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak MAMPU.

Sepanjang tahun 2008, Bahagian Teknologi Maklumat telah berusaha memberi perkhidmatan terbaik dalam setiap aktiviti seperti di atas terutamanya dalam mengeluarkan sijil carian rasmi untuk status kebangkrutan dan penggulungan syarikat. Pencapaian yang dinyatakan merupakan peningkatan dari permohonan yang semakin bertambah walaupun menghadapi masalah ketidakcukupan kakitangan. Banyak juga kes-kes pemindahan fail dalam sistem CMS dapat diselesaikan.

Bagi projek e-Insolvensi pula, Bahagian cuba membantu menenalpasti keperluan secukupnya kerana projek ini mendatangkan faedah yang besar terutamanya dapat mengurangkan beban yang dipikul dan kebergantungan kepada tenaga kerja yang ramai. Selaras dengan perkembangan e-Insolvensi, projek data migrasi diharap dapat dilaksanakan dengan jayanya pada penghujung bulan April 2009 supaya pangkalan data CMS menjadi lebih mantap lagi.

Di samping itu juga, diharap semoga mendapat kelulusan projek INSISTS dari MAMPU. Dengan adanya INSISTS nanti, kerja-kerja seharian terutama di Cawangan JIM akan menjadi lebih lancar.



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

### 1. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2008

#### 1.1 Unit Pentadbiran Am

##### a) Sewa Ruang Pejabat

Dimaklumkan pada tahun 2008 ini terdapat 21 pejabat cawangan JIM seluruh Malaysia. Daripada keseluruhan jumlah berkenaan, 17 buah pejabat cawangan mempunyai kontrak menyewa ruang pejabat dan selebihnya menduduki bangunan-bangunan kerajaan. Berikutan kelulusan waran perjawatan baru, sebanyak 17 pejabat cawangan telah memohon untuk penyewaan ruang pejabat baru yang lebih luas bagi menanggung jumlah pegawai dan kakitangan yang bertambah. Hasil dari semakan Jabatan, 11 cawangan telah beroperasi di ruang pejabat baru yang lebih luas dan selesai pada tahun ini.

##### b) Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Cash In Transit (CIT) JIM

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Cash In Transit (CIT) telah dikuatkuasakan pada 11/08/2008 yang melibatkan Ibu Pejabat dan 10 pejabat cawangan JIM. Untuk makluman, pada tahun 2007 yang lalu, JIM telah melaksanakan perkhidmatan kawalan statik di beberapa cawangan JIM yang dikenalpasti sahaja. Walaubagaimanapun pihak Jabatan dalam perancangan untuk melaksanakan kedua-dua perkhidmatan tersebut kepada kesemua cawangan-cawangan Jabatan Insolvency Malaysia dimasa akan datang.

##### c) Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Ruang Pejabat

Dimaklumkan bahawa pihak Ibu Pejabat bertanggungjawab dalam menguruskan perkhidmatan pembersihan dan pencucian ruang-ruang pejabat bagi cawangan-cawangan JIM. Berdasarkan semakan Jabatan pada tahun 2008, 15 pejabat cawangan JIM telah memeterai perjanjian/kontrak melibatkan perkhidmatan tersebut berbanding pada tahun sebelumnya. Pertambahan ini berlaku berikutnya pembukaan pejabat-pejabat baru cawangan-cawangan JIM yang disewa dimana sebelumnya menduduki bangunan-bangunan persekutuan.

##### d) Pameran/Road-Tour/Program Bersama Pelanggan

Pada tahun 2008, JIM juga telah terlibat samada secara langsung atau tidak langsung bersama

BHEUU dalam beberapa program dan pameran yang bertujuan untuk mendekatkan Jabatan dengan masyarakat tentang peranan, fungsi, matlamat, perkhidmatan serta sumbangan yang boleh dilaksanakan oleh JIM. Diantara program-program yang telah disertai ialah.

- i. Sambutan Jubli Emas SPA di PICC pada 24/01/2008
- ii. Hari Bersama Pelanggan di Kuala Kangsar, Perak pada Mac 2008
- iii. Hari Bersama Pelanggan Anjuran Jabatan Insolvency Terengganu pada 13/07/2008
- iv. Pameran Persidangan CIO di PICC pada 31 – 01/08/2008
- v. Pameran hari Kualiti Jabatan Perdana Menteri di Puspanita di Putrajaya pada 11/12/2008

##### e) Pembekalan/Pengangkutan Kenderaan-Kenderaan Rasmi Jabatan

Pada tahun 2008 ini juga, JIM juga telah diluluskan pembekalan 8 unit kenderaan-kenderaan baru untuk kegunaan rasmi di cawangan-cawangan JIM yang masih tiada kenderaan Jabatan seperti Cawangan Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, Johor Bahru, Miri, Tawau, Sandakan dan Sibiu. Kerja-kerja penghantaran kepada semua cawangan-cawangan telah selesai sepenuhnya pada Disember 2008 yang lalu.

##### f) Majlis Ceramah/Taklimat Rasmi Jabatan

Jabatan juga telah mengadakan beberapa siri program ceramah/taklimat melibatkan semua pegawai/anggota JIM bertujuan memantapkan organisasi dan melahirkan pegawai-pegawai yang berdedikasi dan berfikiran positif. Di antara program-program yang telah berlangsung ialah

- i. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan JIM di Ibu Pejabat, Putrajaya pada 25/02/2008
- ii. Perjumpaan Puan Ketua Pengarah Insolvency dengan Pembantu Undang-Undang L29 Cawangan Selangor/Wilayah Persekutuan pada 21/03/2008 bertempat di Dewan Serbaguna, BHEUU Putrajaya.
- iii. Sesi Perbincangan Pelaksanaan Sistem My Stor dengan Seksyen Sistem Maklumat BHEUU pada 30/05/2008.
- iv. Menganjurkan Taklimat Opsyen Pelanjutan Umur Persaraan Wajib 58 Tahun oleh Bahagian Khidmat Pengurusan pada 12/06/2008.





- v. Taklimat Bahagian Khidmat Pengurusan bagi Pegawai Undang-Undang Gred L41 Kontrak pada 08 – 09/07/2008 di Ibu Pejabat.
- vi. Majlis Ceramah “Pembentukan Sikap Positif” kepada pegawai-pegawai JIM L29 – L38 di BHEUU pada 30/07/2008 yang disampaikan oleh Puan Norzah Abdul Ghani.
- vii. Majlis Sambutan Hari Raya bersama BBG pada 23/10/2008 bertempat di BHEUU , Putrajaya.

### g) **Pembekalan Peralatan Aset/Inventori Jabatan**

Pada tahun 2008 juga, pihak Jabatan terlibat dalam menguruskan pembekalan peralatan pejabat khususnya meja dan kerusi kepada semua 21 cawangan JIM. Keperluan kerusi dan meja begitu mendesak berikutan pertambahan jawatan baru yang mendadak pada tahun 2007 yang lalu. Berikutan itu usaha telah dijalankan oleh Jabatan bagi menangani isu ini dan pada tahun ini, pembekalan telah dilaksanakan sepenuhnya. Walaubagaimanapun masih terdapat lagi peralatan aset/inventori yang diperlukan oleh cawangan-cawangan JIM yang tidak dapat dibekalkan kerana peruntukan terhad dan pihak Jabatan akan berusaha untuk memastikan aset/inventori dicawangan-cawangan akan dapat dibekalkan sepenuhnya dimasa hadapan.



**Gambar 38: Perjumpaan Ketua Pengarah Insolvency bersama Pengarah-Pengarah Bahagian dan Semua Ketua Cawangan**



**Gambar 39: Lawatan Pegawai-Pegawai ke Bahagian Kebankrapan**



**Gambar 40 : Hari Bersama Pelanggan di Kuala Kangsar**

## **BAHAGIAN PERAKAUNAN**

### **1. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008**

#### **a) Pengurusan Akaun Amanah**

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan Akaun Amanah di peringkat Ibu Pejabat dan mengawal serta memantau pengurusan Akaun Deposit di peringkat cawangan. Akaun Amanah yang diuruskan adalah merupakan Akaun Kebankrapan (863501) dan Akaun Penggulangan Syarikat (863502) manakala lima (5) akaun deposit yang diuruskan di peringkat cawangan terdiri dari Akaun Deposit Penggulangan Syarikat (873501), Akaun Harta Penggulangan Syarikat (873502), Akaun Deposit Kebankrapan (873503), Akaun Harta Kebankrapan (873504) dan Akaun Pertubuhan & Kesatuan Sekerja (873505). Pemantauan akaun deposit meliputi pengendalian urusan terimaan dan bayaran di cawangan-cawangan, pengurusan Panjar Khas Insolvency, pelaporan, kajian ke atas perkhidmatan perakaunan serta khidmat nasihat kepada cawangan dalam memastikan akaun diuruskan secara teratur mengikut akta-akta dan arahan-arahan berkuatkuasa. Dalam usaha untuk mengatasi masalah bayaran tertunggak di cawangan-cawangan khususnya cawangan Wilayah Persekutuan yang merupakan cawangan terbesar, satu Jawatankuasa Bertindak Penyelesaian Bayaran Deposit dan Dividen Tertunggak telah diwujudkan di cawangan tersebut pada Julai 2008 susulan arahan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN). Tujuan jawatankuasa ini dibentuk adalah bagi mengenalpasti masalah-masalah bayaran serta penyelesaian terbaik dalam mempercepatkan proses bayaran. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memantau projek bayaran tertunggak di Cawangan Wilayah Persekutuan di mana laporan status projek perlu dikemukakan ke YBhg. Tan Sri KSN setiap bulan.





Pihak Bahagian juga turut melaksanakan kajian ke atas proses bayaran JIM bagi memperbaiki kualiti perkhidmatan perakaunan yang diberikan. Hasil kajian didapati antara punca peningkatan bayaran tertunggak adalah disebabkan kekurangan kakitangan perakaunan di cawangan. Susulan kajian tersebut, satu kertas kerja memohon pengambilan 82 pegawai perakaunan kontrak telah dikemukakan dan mendapat kelulusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk dilaksanakan. Pertambahan perjawatan kontrak di cawangan akan mula diisi secara berperingkat-peringkat bermula tahun 2009. Bagi menyeragamkan proses bayaran di cawangan, satu tatacara pembayaran deposit dan dividen tertunggak telah dikeluarkan bagi memastikan urusan bayaran dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.

Dari segi pelaporan, pemantauan dibuat ke atas penyediaan Penyata Terimaan dan Bayaran di cawangan bagi membolehkan Sijil Pengesahan Baki Disatukan dan Penyata Penyesuaian Disatukan disediakan di peringkat Ibu Pejabat setiap bulan. Bahagian juga bertanggungjawab memantau penyediaan laporan bulanan Panjar Khas Insolvensi yang terdiri dari Penyata Penyesuaian Bank Panjar Khas dan Penyata Penyesuaian Amanah Panjar Khas. Bahagian juga turut terlibat di dalam penyediaan Laporan Kedudukan Akaun Amanah JIM yang perlu dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akaun (JPKA) peringkat BHEUU. Bagi laporan tahunan, Bahagian bertanggungjawab memantau dan menyelaras penyediaan Penyata Kewangan Akhir Tahun 2008 yang terdiri dari Penyata Terimaan & Bayaran, Lembaran Imbangan dan Senarai Baki Lejar yang dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Bahagian juga turut terlibat di dalam penyelarasan Dokumen Kewangan Akhir Tahun bagi Panjar Khas Insolvensi yang perlu dikemukakan ke Cawangan Akaun, Jabatan Perdana Menteri.

Bagi memantapkan pengurusan akaun amanah di peringkat cawangan, khidmat nasihat secara berterusan telah diberikan kepada cawangan-cawangan oleh pegawai-pegawai "Help-Desk" perakaunan dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan perakaunan Insolvensi melalui Sistem Pengurusan Kes (CMS).

#### b) Pengurusan Akaun Hasil

Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan Akaun Hasil di Ibupejabat dan di 21 Cawangan JIM dengan teratur, betul serta tepat mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Ini merangkumi penyediaan Penyata Kutipan Hasil yang disatukan

bagi JIM untuk dikemukakan kepada BHEUU, Penyata Penyesuaian Akaun Hasil kod 72409 dan 72499 (Ibupejabat) untuk dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri serta Laporan Kira-Kira Wang Tunai kod 72409 dan 72499 (Ibupejabat) untuk dikemukakan kepada Unit Naziran dan Audit Terimaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada setiap bulan.

Bahagian juga turut terlibat di dalam pengurusan hasil bagi perkhidmatan carian secara internet yang dikenali sebagai e-Insolvensi. Ia merangkumi penyediaan penyata tuntutan dan dokumen sokongan bagi pembayaran fi perkhidmatan kepada pihak Penyedia Laluan (GP), bayaran tuntutan caj kad kredit dan bayaran balik hasil bagi transaksi carian yang tidak berjaya kepada pihak Penyedia Perkhidmatan (SP). Selain itu, Bahagian juga bertanggungjawab memantau pengurusan terimaan dan pungutan melalui Mesin Terimaan (RM20IRPOS) dan "Backroom Machine" (RM20BRM) sebelum data terimaan dimuat naik ke Sistem Pengurusan Kes (CMS) untuk diakaunkan.

**Jadual 30: Jumlah Akaun Amanah dan Akaun Hasil yang ditadbir oleh Bahagian Perakaunan, 2004 - 2008**

| Tahun | Jumlah Akaun Amanah (RM) | Jumlah Akaun Hasil (RM) |
|-------|--------------------------|-------------------------|
| 2004  | 700,503,000.00           | 11,094,000.00           |
| 2005  | 807,180,711.28           | 11,637,989.92           |
| 2006  | 943,611,206.84           | 11,478,607.66           |
| 2007  | 1,025,758,330.14         | 14,550,177.76           |
| 2008  | 1,101,105,215.45         | 22,633,600.83           |

#### c) Naziran Hasil dan Amanah ke Cawangan JIM

Bagi tahun 2008, Bahagian Perakaunan telah melakukan lawatan naziran ke JIM Cawangan Kota Kinabalu. Tujuan naziran adalah untuk memastikan Akaun Amanah, Deposit serta terimaan/pungutan diurus dengan teratur serta mematuhi Akta-Akta dan Pekeliling yang berkuatkuasa di samping membantu cawangan menyelesaikan masalah berkaitan akaun secara lebih efektif dan efisien.

Selain itu, juga Bahagian ini telah mengadakan naziran di beberapa cawangan dalam usaha memantapkan kualiti pengurusan akaun amanah di peringkat cawangan. Antara cawangan yang dilawati adalah Kedah, Kota Kinabalu dan Selangor.



Pelbagai isu perakaunan meliputi operasi terimaan dan bayaran telah dikenalpasti dan tindakan sewajarnya telah diambil oleh pasukan naziran dalam mengatasi masalah-masalah tersebut.

d) **Projek Migrasi Data**

Bahagian bertanggungjawab melaksanakan Projek Migrasi Data (DMS) iaitu pemindahan data perakaunan dari lejar manual ke sistem legasi jabatan iaitu Sistem Pengurusan Kes (CMS). Sehingga 31 Disember 2008, status pelaksanaan projek DMS di seluruh cawangan terlibat adalah pada 89%. Pengurusan projek ini turut meliputi penyelesaian ke atas masalah yang timbul seperti pengwujudan akaun-akaun yang tiada no. CMS, pelarasan baki buku tunai serta isu-isu teknikal yang diselesaikan secara berperingkat-peringkat di sepanjang tahun 2008.

e) **Pelaksanaan Penggunaan Satu Akaun Bank Bagi Pembayaran Dividen**

Pada Julai 2008, pihak Bahagian telah berjaya mewujudkan satu sistem pembayaran dividen menggunakan satu akaun bank khusus bagi pembayaran kepada pihak bank. Sistem pembayaran ini diwujudkan bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan bayaran dividen kepada pihak bank yang bertindak sebagai pemiutang. Bagi menyelaraskan pelaksanaan prosedur baru ini, satu tatacara telah dikeluarkan sebagai panduan kepada cawangan-cawangan. Sehingga kini, terdapat lapan (8) bank yang terlibat iaitu Affin Bank Berhad, Alliance Bank Berhad, Ambank (M) Bhd, Bank Islam, Bank Muamalat, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad dan R Islamic. Pihak Bahagian juga mengadakan perbincangan secara berterusan dalam usaha memantapkan lagi pelaksanaan prosedur tersebut.

f) **Ahli Jawatankuasa Pembangunan Semula Sistem Pengurusan Kes (CMS)-JIM**

Bahagian ini terlibat secara langsung dengan pembangunan semula CMS-JIM di mana beberapa pegawai perakaunan telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Semula Sistem CMS-JIM. Kajian ke atas proses kerja sedia ada telah dilaksanakan dan Bahagian telah mengemukakan cadangan proses kerja baru bagi Modul Perakaunan ke Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dengan mengambil kira pelaksanaan Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS). Bagi memantapkan proses kerja baru, beberapa siri perbincangan telah diadakan

dengan BTM JIM dan BHEUU di sepanjang tahun 2008.

g) **Pelaksanaan Sistem e-SPKB bagi Akaun Deposit/Amanah**

Sistem eSPKB yang telah dilaksanakan di cawangan sedia ada iaitu JIM Malaysia Timur dan Perlis serta Negeri Sembilan kini diperluaskan dengan Cawangan JIM Kuala Lumpur. Namun, pelaksanaan yang dirancang pada bulan Oktober 2008 telah ditunda ke bulan Januari 2009. Segala persiapan pelaksanaan telah dibuat seperti kad pintar, kursus pengguna sistem dan persiapan peralatan komputer dan rangkaian telah disediakan pada 31 Disember 2008.

h) **Semakan Pelikuidasi Luar, Penilaian Saham & Pelaburan**

Bahagian Perakaunan telah menganalisa 5 kes syarikat di bawah likuidasi selaras dengan kehendak Perkara 159(1) Kaedah-Kaedah Penggulangan Syarikat dan 9 kes penilaian saham aset sibankrap atau syarikat digulungan Dalam perihal pelaburan, dua mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah telah diadakan sepanjang tahun 2008 dan pelaburan telah mula dibuat pada Jun 2008. Sehingga 31 Disember 2008 sejumlah RM 250,000,000.00 telah dilaburkan dari Akaun Harta Kebankrapan Kod 873504 dan sejumlah RM 1,500,000.00 telah dilaburkan dari Akaun Harta Penggulangan Syarikat Kod 873502. Kedua-dua jumlah pelaburan ini dilaburkan di dalam simpanan tetap yang diuruskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

i) **Taklimat Perakaunan**

Pada 12 hingga 14 Ogos 2008, satu Taklimat Perakaunan telah diadakan di Putrajaya khusus untuk pegawai-pegawai perakaunan Ibu Pejabat dan Cawangan. Taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman pegawai tentang perakaunan insolvensi serta pengetahuan di dalam pengendalian Akaun Amanah. Sesi perbincangan juga turut diadakan dengan peserta taklimat di mana antara isu-isu yang dibincangkan adalah peningkatan tahap kualiti pengurusan kaunter, pengenaltasian permasalahan proses pembayaran pemulangan deposit dan dividen tertunggak serta pengurusan lejar individu /syarikat yang tidak mencukupi. Penyelesaian isu-isu tersebut telah dikenalpasti dan tindakan sewajarnya telah diambil.



**Gambar 42: Majlis Penutupan Taklimat Perakaunan Pada 12 Hingga 14 Ogos 2008**

j) **Pelaksanaan Kontrak Penyelenggaraan Sistem Kutipan Hasil ( RM20IRPOS / RM20BRM ) dan Pencetak Dot Matrix bagi JIM**

Kontrak penyelenggaraan Sistem Kutipan Hasil telah pun berkuatkuasa semula pada 1 Disember 2008 memandangkan masalah berkaitan sistem ini semakin kritikal dan boleh menjejaskan kelancaran operasi harian di Ibupejabat dan di cawangan JIM. Kontrak ini diaktifkan semula bagi membantu Cawangan-Cawangan JIM menangani masalah teknikal berkaitan sistem ini di samping memastikan sistem tersebut beroperasi dengan sempurna.

k) **Kedudukan Akaun Deposit dan Akaun Amanah**


Kedudukan baki Akaun Deposit dan Akaun Amanah pada 31 Disember 2008 adalah seperti di Jadual 31 di bawah.

**Jadual 31: Kedudukan Baki Akaun Deposit dan Akaun Amanah pada 31 Disember 2008**

| Jenis Akaun                                      | Kod    | Jumlah (RM)             |
|--------------------------------------------------|--------|-------------------------|
| Akaun Kebankrapan                                | 863501 | 5,527,649.00            |
| Akaun Penggulangan Syarikat                      | 863502 | 13,081,262.50           |
| Akaun Deposit Penggulangan Syarikat              | 873501 | 74,686,227.52           |
| Akaun Harta Penggulangan Syarikat                | 873502 | 156,062,910.52          |
| Akaun Deposit Kebankrapan                        | 873503 | 139,088,455.90          |
| Akaun Harta Kebankrapan                          | 873504 | 708,946,160.38          |
| Akaun Pembatalan Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja | 873505 | 3,712,549.63            |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>                        |        | <b>1,101,105,215.45</b> |


Bagi tahun 2008, Bahagian Perakaunan telah menguruskan akaun amanah dan deposit yang berjumlah RM 1.1 bilion di seluruh cawangan yang melibatkan transaksi RM 237.3 million terimaan dan RM 162.4 million bayaran. Secara keseluruhannya terdapat peningkatan sebanyak 7.3 % dalam jumlah Akaun Deposit dan Akaun Amanah yang diuruskan dalam tahun 2008 berbanding tahun 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan dalam jumlah terimaan Akaun Deposit Kebankrapan sebanyak 4% dan Akaun Harta Kebankrapan sebanyak 31%. Manakala dari segi prestasi bayaran, terdapat peningkatan sebanyak 12% bagi Akaun Deposit Kebankrapan dan 21% bagi Akaun Harta Kebankrapan. Perbandingan kedudukan Akaun Amanah dan pecahannya adalah sepertimana yang ditunjukkan di Carta 1 dan Carta 2.

**Rajah 8 : Perbandingan Kedudukan Akaun Amanah Bagi Tahun 2007 dan 2008**





**Carta 2 : Pecahan Akaun Amanah Tahun 2008**




#### 1) **Status Akaun Hasil**

Pada tahun 2008, kutipan hasil JIM secara keseluruhannya adalah sebanyak RM22.64 juta. Ini terdiri daripada bayaran prosesan carian status kebangkrapan dan status penggulangan syarikat sebanyak RM11.49 juta, kutipan fi penghasilan dan fi pembahagian sebanyak RM10.36 juta dan bayaran perkhidmatan yang lain sebanyak RM0.79 juta. Kutipan hasil tahun 2008 ini serta pecahannya mengikut jenis hasil adalah seperti di Carta 3.

Tahun 2008 telah mencatatkan peningkatan kutipan hasil yang amat membanggakan, berbanding tahun 2007, kutipan hasil JIM telah bertambah dari RM14.55 juta kepada RM22.64 juta. Pertambahan sebanyak 55.6% yang bersamaan dengan RM8.09 juta ini adalah disebabkan peningkatan ketara prestasi kutipan fi penghasilan dan fi pembahagian. Ini kerana penjana fi telah dapat dilakukan melalui sistem CMS berbanding secara manual sebelum ini memandangkan hampir 90% cawangan JIM telah selesai melaksanakan projek data migrasi. Kutipan fi berkenaan meningkat hampir tiga kali

**Carta 3 : Kutipan Hasil Tahun 2008 Mengikut Jenis Hasil**





ganda daripada RM3.46 juta pada tahun 2007 kepada RM10.36 juta pada tahun 2008.


Walaupun bagaimanapun, kutipan hasil carian masih mendahului kedudukan hasil tertinggi JIM dengan jumlah kutipan sebanyak RM11.49 juta. Kutipan hasil ini juga meningkat sebanyak 9.64% bersamaan dengan RM1.01 juta berbanding tahun 2007, di mana sebahagian besar hasil tersebut diperolehi daripada perkhidmatan carian e-Insolvensi. Manakala bagi kutipan bayaran perkhidmatan lain, walaupun secara peratusannya kutipan jenis ini menurun sebanyak 1% berbanding tahun 2007, tetapi dari segi amaunnya meningkat iaitu dari RM0.61 juta kepada RM0.79 juta pada tahun 2008. Carta 4 menunjukkan prestasi kutipan hasil JIM bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2004 hingga 2008.

#### m) Kutipan Hasil e-Insolvensi


Daripada RM11.49 juta kutipan hasil carian tahun 2008, sebanyak RM10.42 juta (91%) diperolehi daripada perkhidmatan e-Insolvensi manakala hanya RM1.07 juta (9%) merupakan hasil pungutan carian melalui Kaunter Bayaran. Carta 5 menunjukkan peratusan dan amaun di antara kutipan hasil perkhidmatan eInsolvensi berbanding kaedah carian secara manual.

Proses carian atas talian ("online") ini telah dapat mengurangkan kebergantungan pelanggan berurusan di kaunter JIM. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan carian e-Insolvensi yang berterusan dari tahun ke tahun sejak ia dilancarkan pada Oktober 2005. Di samping dapat memudahkan pelanggan, keputusan carian juga dapat diperolehi serta merta.

**Rajah 9 : Prestasi Kutipan Hasil JIM, 2004 - 2008**



**Carta 4 : Kutipan Hasil eInsolvensi berbanding Kaunter Bayaran Carian**







Terdapat juga masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak JIM berhubung dengan perkhidmatan e-Insolvensi ini. Antaranya adalah seperti masalah gangguan talian atau rangkaian yang menyebabkan keputusan carian e-Insolvensi tidak berjaya diperolehi diperingkat pengguna. Kes sebegini dikenali sebagai kes "dispute" iaitu transaksi carian yang tidak berjaya. Walaupun kadar purata kes "dispute" ini kurang 1% daripada jumlah carian sebulan, pemantauan sistem rangkaian dan talian serta penambaaikan sewajarnya adalah perlu dari masa ke semasa untuk memantapkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan. Selain itu, terdapat juga kelewatan pembayaran melalui kaedah "desktop banking" daripada pihak penyedia perkhidmatan (SP) kepada Bahagian Perakaunan JIM. Keadaan ini disebabkan masalah "server down" di pihak bank menyebabkan pembayaran transaksi carian yang sepatutnya tidak dapat dibuat pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah tersebut telah dapat diselesaikan melalui mesyuarat dan perbincangan di antara Bahagian Perakaunan JIM, Bahagian Teknologi Maklumat JIM, Seksyen Sistem Maklumat BHEUU serta pihak penyedia laluan (GP) dan pihak penyedia perkhidmatan (SP).

## UNIT PENILAIAN (HARTA)

### 1. PENGENALAN

Fungsi unit ini adalah seperti berikut;

- Memproses permohonan penilaian yang diterima daripada Bahagian JIM dan mengemukakannya kepada pihak JPPH untuk mendapatkan penilaian aset terlibat.
- Membantu cawangan mendapatkan penilaian aset bagi kes-kes segera atau kes yang belum lagi diperolehi nilainya daripada JPPH.
- Menjadi Ahli Jawatankuasa Mesyuarat JUJA, Mengurus Mesyuarat JUJA termasuk penyediaan Minit Mesyuarat JUJA. Mesyuarat JUJA akan diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan.
- Membantu menyelesaikan kes-kes tertentu (rumit) berkaitan, yang dirujuk oleh Bahagian-Bahagian JIM Ibu Pejabat dan yang dirujuk oleh cawangan-cawangan.
- Melaksanakan pengurusan harta/aset JIM, iaitu:
  - Penyediaan awal/mengemaskini inventori semua harta alih dan tidak alih
  - Kemaskini penilaian aset/harta JIM

- Menghasilkan/menjual secara tender aset JIM berkenaan
- Mengurus setor JIM

### 2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN 2008

Berikut adalah beberapa pencapaian unit ini sepanjang tahun 2008, iaitu:

- Mengadakan Mesyuarat JUJA seperti mana jadual sepanjang tahun iaitu sebanyak 13 kali.
- Berjaya mengujudkan satu prosedur mentadbir harta tanah tidak bercagar yang terlibat dengan kes penggugungan dan kebangkrutan di Cawangan-Cawangan JIM. Ianya bermula dengan mendapatkan maklumat daripada cawangan berkaitan harta tanah yang tidak bercagar yang telah diserahkan kepada KPI. Kemudian memprosesnya dan mendapatkan nilai harta tanah dan seterusnya mengiklan harta tanah tersebut di dalam laman web Jabatan untuk tujuan jualan.
- Sehubungan di atas, Unit ini juga telah berjaya mengadakan satu prosedur atau mekanisme bagi memantau kemajuan pengurusan harta/aset tidak bercagar di Cawangan-Cawangan JIM. Ini adalah hasil daripada pembentangan kertas dan mesyuarat/perbincangan dengan TKPI dan Pengara-Pengarah di Ibu Pejabat.
- Mengujud dan melengkapkan satu mekanisme menjual aset alih syarikat yang telah digugurkan yang masih tersimpan di dalam setor JIM. Penjualan aset ini adalah secara "runcit" di mana tunai diterima daripada pembeli dan resit rasmi dikemukakan kepada pembeli berkenaan. Selain aset tersebut diiklankan dalam laman web dan juga diiklankan melalui "poster" di samping jualan yang dibuat secara runcit



Gambar 43: Contoh iklan aset melalui laman web



**Gambar 44: Contoh aset yang dijual secara runcit**

- e) Berjaya mendapat sebuah setor JIM yang baru di Balakong bagi menggantikan setor JIM sedia ada di Subang Jaya. Setor baru ini berkedudukan lebih dekat, ianya adalah bangunan baru bertingkat satu dengan kemudahan yang lebih baik. Sila rujuk Gambar 45.
- f) Mengadakan satu peti tender khas bagi tujuan tender jualan harta JIM.
  - i. Telah membentangkan satu lagi kertas berkaitan cara-cara untuk menjual (secara lot) aset-aset alih yang masih tersimpan di dalam



**Gambar 45: Setor baru JIM di Balakong, Selangor**

setor JIM. Kertas ini juga telah dibincangkan di peringkat TKPI dan Pengarah-Pengarah di Ibu Pejabat. Pada prinsipnya cadangan dalam dalam kertas ini untuk menjual aset tersebut secara tender lot juga telah diterima. Walau bagaimana pun mesyuarat mencadangkan supaya kita mendapatkan dahulu rezab setiap lot tersebut. Pada masa ini JPPH masih dalam proses melaksanakan penilaian berkenaan.



## AHLI-AHLI JAWATANKUASA TADBIR KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN BHEU BAGI SESI 2008 / 2010



### JAWATAN

### NAMA

|                     |                                                             |
|---------------------|-------------------------------------------------------------|
| Pengerusi           | : YBhg Dato' Abdullah Sani Bin Ab. Hamid                    |
| Timbalan Pengerusi  | : Puan Hamidah binti Khalid                                 |
| Naib Pengerusi I    | : Tuan Haji Abd. Latif bin Ibrahim                          |
| Naib Pengerusi II   | : Encik Mohamad Azlam bin Jusoh                             |
| Setiausaha          | : Encik Khairulizam bin Othman                              |
| Penolong Setiausaha | : Pn. Rosmawati Bte Salehuddin                              |
| Bendahari           | : Encik Megat Amirul Zaini Jamalullail bin Megat Jamaluddin |

### AJK TADBIR (BIRO)

|                           |                                                   |
|---------------------------|---------------------------------------------------|
| Ekonomi dan Kewangan      | : Encik Sollehuddin Alyubi bin Zakaria            |
| Biro Kabajikan dan Sosial | : Encik Lim Wee Keong                             |
| Biro Keahlian             | : Pn. Lee Swee Imm                                |
| Biro Sukan                | : Encik Asri bin Pilus                            |
| Biro Pendidikan dan Agama | : Pn. Zuhriyah Bte Yusof (sehingga November 2008) |

### AHLI JAWATANKUASA BIASA

|                 |                                    |
|-----------------|------------------------------------|
| BHEUU           | : Tn. Syed Mohamed Koyakutty       |
| BHEUU           | : Tn. Hj. Norzaini bin Abd. Rahman |
| JIM KL          | : Pn. Umi Kalthum bt. A. Kasabani  |
| BBG KL          | : Pn. Ramlahana bt. Mohammed Dan   |
| JIM IBU PEJABAT | : Pn. Yogita A/P V. Muniandy       |
| BBG IBU PEJABAT | : Pn. Mini Panggi                  |





## AKTIVITI KELAB TAHUN 2008

### 1. MESYUARAT AGUNG KELAB

Mesyuarat telah diadakan pada 11 Jun 2008 dan pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir Kelab bagi sesi 2008/2010 telah dibuat secara undian. Satu jawatan portfolio baru telah diwujudkan iaitu Biro Pendidikan dan Agama yang bertanggungjawab terhadap urusan-urusan kebajikan ahli kelab yang berkaitan dengan pendidikan dan agama.



### 2. PERTANDINGAN BHEUU IDOL 2008

Pertandingan ini terbuka kepada semua warga BHEUU, BBG dan JIM. Pertandingan telah diadakan secara dua peringkat iaitu peringkat saringan dan juga peringkat akhir yang diadakan pada 25 Julai 2008. Seramai 8 orang peserta telah layak ke peringkat akhir dan Juara BHEUU Idol 2008 adalah En. Mohd Salekhan bin Othman, Naib Juara adalah Puan Siti Suhaila bt Mohd Rawi dan Tempat ke-3 pula adalah En Mohamad Ridzuan bin Ramlee. Persembahan jabatan sebagai acara selingan juga telah dipersembahkan di mana BHEUU membuat drama musikal, BBG mempersembahkan dikir barat dan JIM pula membuat persembahan tarian melayu asli.







### 3. PROGRAM MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YBHG DATO' KETUA PENGARAH BHEUU

Majlis berbuka puasa ini telah diadakan pada 12 September 2008 di mana tetamu yang diraikan adalah anak-anak yatim daripada Sekolah Pusat Nur

Hikmah seramai 40 orang. Program ini dimulakan dengan penyerahan sumbangan oleh YBhg Ketua Pengarah BHEUU kepada anak-anak yatim diikuti dengan majlis berbuka puasa dan seterusnya sembahyang terawih berjemaah.



### 4. PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA BHEUU BERSAMA YB DATO' SERI MOHAMAD NAZRI BIN ABDUL AZIZ, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Program tahunan ini telah diadakan pada 15 Oktober 2008 dan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara YB Menteri dan juga kakitangan BHEUU, BBG dan JIM serta agensi-agensi yang berkaitan seperti Mahkamah, Peguam Negara, Majlis Peguam, Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain lagi.







## 5. HARI KELUARGA BHEUU 2008

Program ini telah berlangsung pada 26 Oktober 2008 bersamaan hari Sabtu bertempat di Taman Wetland, Putrajaya. Kehadiran kakitangan beserta keluarga warga BHEUU, BBG dan JIM dianggarkan seramai

400 orang. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Abdullah Sani Bin Ab. Hamid, Ketua Pengarah BHEUU. Antara acara yang dijayakan pada hari tersebut adalah senamrobik, pertandingan melukis kanak-kanak, sukaneka kanak-kanak dan dewasa, sukaneka VIP.







## AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA BHEUU 2008

### PUSPANITA CAWANGAN BHEUU

- a) Bilangan Ahli : 140 orang
- Ahli Biasa : 139 orang
- Ahli Seumur Hidup : 1 orang
- b) Ahli Jawatankuasa:
- |                     |   |                                 |
|---------------------|---|---------------------------------|
| Pengerusi           | : | Datin Hazimah binti Che Embi    |
| Timbalan Pengerusi  | : | Puan Rizawati binti Abd Kadir   |
| Setiausaha          | : | Puan Mardiah binti Ahmad Kasim  |
| Pen Setiausaha      | : | Puan Herna binti Selamat        |
| Bendahari           | : | Puan Noorliza binti Abdullah    |
| Pen Bendahari       | : | Puan Mahnum binti Daud          |
| Pemeriksa Kira-Kira | : | Puan Saadah binti Hashim        |
| Ahli Jawatankuasa   | : | Puan Naziah binti Mohamed       |
|                     |   | Puan Ruby Lee Swee Imm          |
|                     |   | Puan Shamsimar binti Mohd Hidir |
|                     |   | Puan Zuhriyah binti Yussof      |
- c) Laporan Aktiviti : Tahun 2008
- i. Ahli Jawatankuasa Kecil Biro Pendidikan:
    - Puan Naziah binti Mohamed (Pengerusi)
    - Puan Noridah binti Mohamed Nor (Setiausaha)
    - Puan Shamsiah binti Che Ros (JIM)
    - Puan Normaliza binti Ahmad (CPPM)
    - Puan Zainun binti Ahmad (BBG)
    - Cik Fatimah binti Abd Malek (BHEUU)
  - ii. Ahli Jawatankuasa Kecil Biro Keusahawanan
    - Puan Ruby Lee Swee Imm (Pengerusi)
    - Puan Rosnah binti Katan (JIM)
    - Puan Salwa Uyun (JIM)
    - Puan Zaiton binti Yusof (BHEUU)
    - Puan Norsidah binti Haji Marzuki (BHEUU)
    - Puan Saripah Bee binti Bakar (BBG)
  - iii. Ahli Jawatankuasa Kecil Biro Sosial & Kebajikan
    - Puan Shamsimar binti Mohd Hidir (Pengerusi)
    - Puan Mini Panggi (BHEUU)
    - Puan Rosnah binti Haji Talib (BHEUU)
    - Puan Zalina binti Mohd Nayan (CPPM)
    - Puan Faridahnom binti Yan Ibrahim (BBG)
    - Cik Nasibah binti Haji Ariffin (BHEUU)





- iv. Ahli Jawatankuasa Kecil Biro Sukan  
 Puan Zuhriyah binti Yussof (Pengerusi)  
 Puan Rohani binti Setapa (Setiausaha)  
 Puan Rosilawati binti Ishak (BHEUU)  
 Puan Jaileyana binti Jaaffar (BHEUU)  
 Puan Rohana binti Mohd Said (JIM)  
 Puan Noor Raihimah binti Saidin (BBG)  
 Puan Siti Asra binti Rosmin (JIM)

## AKTIVITI PUSPANITA BHEUU TAHUN 2008

| Tarikh          | Aktiviti                                                                                                                     |
|-----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 25 Januari 2008 | Mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PUSPANITA BHEUU 1/2008                                                                |
| 29 Feb 2008     | Menghantar 2 orang wakil ahli PUSPANITA BHEUU ke Majlis Perpisahan Bekas Pengerusi Cawangan PUSPANITA JPM                    |
| 3 Mac 2008      | Mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PUSPANITA BHEUU 2/2008                                                                |
| 13 Mac 2008     | Menghantar 14 orang wakil menghadiri Mesyuarat Agung Puspanita JPM.                                                          |
| 25 April 2008   | Mengadakan Hari Kantin PUSPANITA BHEUU di Lobi Bangunan BHEUU.                                                               |
| 10 Jun 2008     | Mengadakan Hari Jualan PUSPANITA BHEUU di Lobi Bangunan BHEUU                                                                |
| 17 Jun 2008     | Mengadakan kelas senamrobik bagi ahli-ahli PUSPANITA BHEUU                                                                   |
| 19 Jun 2008     | Mengadakan Majlis Ramah Mesra Bersama ahli PUSPANITA BHEUU                                                                   |
| 1 Ogos 2008     | Mengadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PUSPANITA BHEUU 3/2008                                                                |
| 20-21 Ogos 2008 | Menghantar 3 orang wakil menghadiri kursus Intensif bimbingan Haji anjuran JAWHAR                                            |
| 14 Ogos 2008    | Menghantar 2 orang wakil ke kursus latihan ketahanan diri ke atas ancaman-ancaman di Bandar                                  |
| 15 Ogos 2008    | Kelas demonstrasi masak kek lapis Sarawak                                                                                    |
| 20 Ogos 2008    | Menghantar 2 orang wakil ahli PUSPANITA BHEUU ke Majlis Perpisahan Bekas Pengerusi Cawangan PUSPANITA JPM                    |
| 10 Sept 2008    | Mengadakan Hari Jualan PUSPANITA BHEUU di Lobi Bangunan BHEUU.                                                               |
| 17 Sept 2008    | Lawatan sambil menderma ke rumah anak yatim di Kuala Langat Banting.                                                         |
| 18 Nov 2008     | Menghantar 10 orang wakil mengikuti ceramah kekeluargaan: Keluarga Berilmu Cabaran kepada Golongan Ibu anjuran PUSPANITA SPA |
| 22 Nov 2008     | Menyertai pertandingan bola jarring Puspanita cawangan Jabatan Perdana Menteri                                               |
| 2 Dis 2008      | Menghantar 11 orang wakil menghadiri Seminar hak-hak wanita mengikut undang-undang keluarga Islam anjuran JAKIM              |



## DIREKTORI CAWANGAN BBG & JIM

### JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA

IBU PEJABAT PUTRAJAYA  
JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
ARAS 2&3  
BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA  
TEL: 03-8885 1000  
FAX: 03-8885 1286

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN SHAH ALAM  
MENARA MRCB,  
TINGKAT 12,13, 13A & 18,  
NO. 2, JALAN MASJID 14/10, SEKSYEN  
14, 40712 SHAH ALAM, SELANGOR  
DARUL EHSAN  
TEL: 03-5512 4309/13-5511 7002/03/04  
FAX: 03-5510 9371

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN PULAU PINANG  
ARAS 9, BANGUNAN PERSEKUTUAN  
PULAU PINANG  
JALAN ANSON,  
10400 PULAU PINANG  
TEL: 04-226 5311/312  
FAX: 04-228 2335

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
WISMA ARAB MALAYSIAN,  
JALAN TUANKU MUNAWIR,  
70000 SEREMBAN,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
TEL: 06-763 8516  
FAX: 06-761 9316

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN KELANTAN  
TINGKAT 1, LOT 1,  
BANGUNAN LEMBAGA TABUNG HAJI,  
WISMA ILMU, JALAN DOKTOR,  
15000 KOTA BHARU, KELANTAN  
TEL: 09-744 0445/748 2743  
FAX: 09-748 6181

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR  
TINGKAT 7&8, BANGUNAN PERTAMA KOMPLEKS,  
JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN  
51000 KUALA LUMPUR  
TEL: 03-2697 5201/2/3/4/5, 03-2697 0851/2/3,  
03-2697 0858/9  
FAX: 03-2697 5206/0870

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
TINGKAT 7,  
KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA TERENGGANU,  
JALAN SULTAN MUHAMAD,  
21100 KUALA TERENGGANU  
TEL: 09-623 0862/3066  
FAX: 09-623 6428

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN MELAKA  
ARAS 6, GRAHA UMNO,  
OFF JALAN HANG TUAH,  
75300 MELAKA  
TEL: 06-281 0145/06-283 1514/06-281 0863  
FAX: 06-284 7643

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN KEDAH  
TINGKAT 3&4,  
WISMA PERSEKUTUAN ,  
JALAN KAMPONG BARU,  
05000 ALOR STAR,  
KEDAH DARUL AMAN  
TEL: 04-733 2297/9015/1211  
FAX: 04-731 7160

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN JOHOR BHARU  
TINGKAT 12,  
BANGUNAN TABUNG HAJI,  
JALAN AYER MOLEK,  
80720 JOHOR BHARU  
JOHOR  
TEL: 07-223 4368/96, 07-223 4468/69, 07-222 4237/9  
FAX: 07-224 1644





JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN MUAR  
TINGKAT 1 & 3, LOT A, 2 LOT A & B,  
BANGUNAN LEMBAGA TABUNG  
HAJI, JALAN SISI  
84000 MUAR, JOHOR  
TEL: 06-951 2955  
FAX: 06-952 5627

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN PERLIS  
TINGKAT 7, BANGUNAN KWSP,  
JALAN BUKIT LAGI,  
01000 KANGAR,  
PERLIS INDERA KAYANGAN  
TEL: 04-978 2111/2112  
FAX: 04-978 2113

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN KUANTAN  
TINGKAT 4,  
WISMA PURIWIRAWAN,  
JALAN GAMBUT,  
25300 KUANTAN, PAHANG  
TEL: 09-516 2022  
FAX: 09-516 2023

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN TEMERLOH  
TINGKAT 4&5,  
BANGUNAN LEMBAGA TABUNG HAJI,  
LOT 2123, JALAN IBRAHIM,  
28000 TEMELOH, PAHANG  
TEL: 09-296 2424  
FAX: 09-296 2620

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN IPOH  
TINGKAT 2, BANGUNAN KWSP,  
JALAN GREENTOWN,  
GREENTOWN  
30450 IPOH,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
TEL: 05-254 5105/5500/5501/2962  
FAX: 05-254 9281

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN TAIPING  
TINGKAT 6, WISMA PERSEKUTUAN,  
JALAN ISTANA LARUT,  
34000 TAIPING,  
PERAK DARUL RIDZUAN  
TEL: 05-805 4351/350  
FAX: 05-805 4349

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN KUCHING  
TINGKAT 1, WISMA HONG,  
NO. 202, BATU 2 3/4, JALAN ROCK,  
93200 KUCHING,  
SARAWAK  
TEL: 082-243 512  
FAX: 082-427 891

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN MIRI  
TINGKAT 14, BANGUNAN YU LAN  
PLAZA, JALAN BROOKE,  
P.O. BOX 766,,  
98009 MIRI, SARAWAK  
TEL: 085-442 393/311  
FAX: 085-422 446

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN SIBU  
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN FASA III,  
JALAN PERSIARAN BROOKE,  
PETI SURAT 1320,  
96008 SIBU, SARAWAK  
TEL: 084-336 303/345 741  
FAX: 084-316 222

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN KOTA KINABALU  
ARAS 5, BLOCK A,  
KOMPLEKS PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH,  
JALAN SULAIMAN LIKAS, 88450 KOTA KINABALU,  
SABAH  
TEL: 088-488 681/2  
FAX: 088-488 689

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN SANDAKAN  
BILIK 1101-1108, TINGKAT 11,  
WISMA KHOO SIAK CHIEW,  
PETI SURAT NO. 846,  
90709 SANDAKAN,  
SABAH  
TEL: 089-212 900/228 464  
FAX: 089-214 371

JABATAN INSOLVENSİ MALAYSIA  
CAWANGAN TAWAU  
TINGKAT TB 334 A&334 B,  
BLOK 42, LOT 9,  
PARCEL 110&111, TINGKAT BAWAH & 1,  
KOMPLEKS FAJAR, JALAN MERDEKA 2/3,  
91000 TAWAU, SABAH  
TEL: 089-754 030  
FAX: 089-754 021



## Biro Bantuan Guaman

### Ibu Pejabat

Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Aras 1, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 3  
62692 PUTRAJAYA  
TEL: 03-8885 1000  
FAX: 03-8885 1829

### Cawangan

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 2, Menara EON Bank  
Jalan Raja Laut  
50504 KUALA LUMPUR  
No Telefon : 03-26942700  
No Faksimili : 03-26940040

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 9, (A), Blok 4  
Menara Pejabat Ujana Kewangan  
87018 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
No Telefon : 087-412242  
No Faksimili : 087-411531

Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 6, Plaza Perangsang  
Persiaran Perbandaran  
40000 SHAH ALAM  
SELANGOR  
No Telefon : 03-55106192/55106298  
No Faksimili : 03-55190846

Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 6, Bangunan Pusat Profesional  
Jalan Dato' Syed Muhamad Mufti  
80000 Johor Bharu  
JOHOR  
No. Telefon : 07-2234960  
No Faksimili : 07-2247169

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
No.8-1, 8-2, 8-3  
Tingkat 1  
Jalan Ibrahim  
84000 Muar  
JOHOR  
No. Telefon : 06-9522410  
No. Faksimili : 06-9528153

Penolong Pengarah Kanan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Lot PT84 & PT85  
Wisma Mustapha  
Seksyen 15, Jalan Sultanah Zainab  
15050 KOTA BHARU  
KELANTAN  
No Telefon: 09-7445075  
No Faksimili : 09-7472615

Penolong Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 1, Lot 1.6  
Bangunan Tabung Haji  
Jalan Kesedar  
18300 GUA MUSANG  
KELANTAN  
No Telefon: 09-9122688  
No Faksimili : 09-9126988

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
06550 Bandar Muadzam Shah  
KEDAH  
No Telefon: 04-7001550 / 04-7001552 / 04-7001553  
No Faksimili : 04-7327452

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 1, Lot 215 & 216  
Langkawi Mall  
07000 LANGKAWI  
KEDAH  
No Telefon: 04-9698183  
No Faksimili : 04-9698181

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat Bawah, Blok A2  
Bangunan Persekutuan Ipoh  
Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown)  
30450 IPOH  
PERAK  
No Telefon: 05-2544027  
05-2552240  
No Faksimili : 05-2556007

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 3, Wisma Persekutuan  
Jalan Istana Larut  
34000 TAIPING  
PERAK  
No Telefon: 05-8082701  
No Faksimili : 05-8063817



Penolong Pengarah Kanan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 8, Wisma Persekutuan  
Jalan Gambut  
25000 KUANTAN  
PAHANG  
No Telefon : 09-5161135  
No Faksimili : 09-5157120

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 2, Bangunan Gunasama Persekutuan  
Jalan Tengku Abdul Samad  
27600 RAUB  
PAHANG  
No Telefon : 09-3553677  
No Faksimili : 09-3555922

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 4, Bangunan Persekutuan Pulau Pinang  
Jalan Anson  
10400 GEORGETOWN  
PULAU PINANG  
Telefon : 04-2290966/ 04-2295966  
No Faksimili : 04-2287966

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 7, Kompleks Mahkamah  
Jalan Sultan Muhammad  
21100 KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Ting 7, Menara MAA  
No. 6, Lorong Api-Api 1  
Peti Surat 11319  
88814 KOTA KINABALU  
SABAH  
No Telefon: 088-238966  
No Faksimili : 088-242344

Penolong Pengarah Kanan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93504 KUCHING  
SARAWAK  
No Telefon: 082-258699  
No Faksimili : 082-243978

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 3, Bangunan LAKIS  
Lot 400, Jalan Kampung Nyabar  
96000 SIBU  
SARAWAK  
No Telefon: 084-343978  
No Faksimili : 084-346978

Penolong Pengarah Cawangan  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Wisma Yulan  
Lot 97, Tingkat 13  
Jalan Brooke  
98000 MIRI  
SARAWAK  
No Telefon: 085-423606  
No Faksimili : 085-425204

Pengarah Negeri  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 KANGAR  
PERLIS  
No Telefon: 04-9772377  
No Faksimili : 04-9760308

Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 7, Wisma Persekutuan  
Jalan Dato' Abdul Kadir  
70000 SEREMBAN  
NEGERI SEMBILAN  
No Telefon : 06-7630457  
No Faksimili : 06-7610380

Pengarah  
Biro Bantuan Guaman Malaysia  
Tingkat 8, Wisma Persekutuan  
Jalan Hang Tuah  
75300 Bandar Melaka  
MELAKA  
No Telefon : 06-2841952  
No Faksimili : 06-2829287